



**PARLIMEN MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KEDUA
PENGKAL KEDUA
PARLIMEN KETIGABELAS
2014**

**JAWAPAN – JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK
DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN**

16 JUN 2014 – 18 JUN 2014



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 16 JUN 2014

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 7 HINGGA 169)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

SOALAN :-

**Y.B. DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah boleh Kementerian
membatal dan tidak mengeluarkan lagi lesen pusat rawatan kecantikan
dan kesihatan (spa) dan pusat urut bagi membendung kegiatan
perkhidmatan seks kepada pelanggan oleh pelacur-pelacur.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

INDUSTRI SPA

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri pusat rawatan kecantikan dan kesihatan atau SPA ini merupakan salah satu daripada fokus Kerajaan di bawah *Economic Transformation Programme (ETP) Tourism* di bawah *Entry Point Project (EPP) 9a Developing Local Expertise and Better Regulating the SPA Industry*. Di bawah EPP 9a ini, Kerajaan telah mensasarkan untuk mencapai sumbangan Gross National Income (GNI) sebanyak RM374.1 juta dengan peluang pekerjaan sebanyak 3,540 pekerja mahir dalam tahun 2020.

Industri spa adalah antara produk pelancongan yang berorientasikan *wellness tourism* dan berpotensi menarik pelancong ke Malaysia dan seterusnya menjadi penyumbang signifikan dalam perkembangan ekonomi negara. Namun, terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab mengaut keuntungan melalui aktiviti-aktiviti tidak bermoral dan berselindung di sebalik lesen premis SPA. Akibatnya industri ini sering dipandang negatif oleh masyarakat.

PENGUATKUASAAN SEMASA

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **pengeluaran lesen SPA dan pusat urut adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri melalui Undang-Undang Kecil di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.** Justeru, PBT telah diberi kuasa yang jelas untuk menggantung atau membatalkan sesuatu lesen yang tidak mematuhi mana-mana perundangan yang berkuatkuasa. Selain itu, PBT juga boleh mengenakan kompaun tidak lebih daripada RM1,000 sekiranya pemegang lesen melakukan kesalahan. Sekiranya ingkar, pemegang lesen boleh didakwa di Mahkamah dan sekiranya didapati bersalah boleh didenda tidak lebih daripada RM2,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya.

WAY FORWARD

Bagi merancakkan perkembangan industri SPA dan memastikan ianya terus berdaya saing serta boleh mencapai sasaran yang telah digariskan di bawah program ETP, hatta Kementerian berpandangan perlunya undang-undang sedia ada ditambahbaik dan dikaji supaya bersesuaian dengan arus peredaran masa dan seragam di seluruh negara.

Dalam memacu industri ini dengan baik, keseragaman pelaksanaan undang-undang amat penting. Saya ada mendengar rungutan dan pandangan daripada pengusaha *genuine* industri SPA mengenai undang-undang yang tidak seragam bagi pelesenan SPA di PBT. Keadaan ini menimbulkan kesukaran di pihak pemohon lesen ketika memohon lesen di PBT dan juga penguatkuasaan.

Syahdan, Kementerian bersama-sama pihak berkepentingan seperti Kementerian Pelancongan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan wakil industri SPA seperti Association of Malaysia Spa (AMSPA) dan Malaysian Association of Wellness & SPA (MAWSPA) dan beberapa PBT terpilih telah menggubal *Model-law* atau Undang-undang Kecil (UUK) yang baharu bagi industri SPA. Ianya akan dilaksanakan secara seragam di semua PBT. Penggubalan UUK SPA sebenarnya bertujuan untuk:

- a) menyeragam pelesenan premis dan aktiviti SPA; dan
- b) mengawal kebersihan, keselamatan dan keselesaan premis dan aktiviti SPA untuk faedah orang ramai termasuklah pelancong.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, UUK SPA ini telahpun dibentang dan diluluskan oleh Kerajaan pada 12 Februari 2014 yang lalu.

Seterusnya akan dirundingi bersama-sama dengan semua Kerajaan Negeri pada Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang akan datang sebelum dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk dikuatkuasakan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Wong Ling Bui
[Sarikei]**

TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 8

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada air di empangan loji perawatan di kawasan Bayong Sarikei mencukupi untuk memberikan bekalan air paip ke Sarikei, Bintangor dan Tanjong Manis. Adakah Kerajaan akan membekalkan air ke Tanjong Manis dari Sibu pada masa akan datang. Dari manakah Bintangor dan Tanjong Manis akan mendapatkan bekalan air pada masa akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini dalam proses untuk menaiktaraf Loji Air Bayong, Sarikei dengan kos sebanyak RM97 juta. Melalui pelaksanaan projek ini, kapasiti pengeluaran air terawat di Loji Air Bayong dapat ditingkatkan sebanyak 30 MLD iaitu dari 33 MLD kepada 63 MLD bagi menampung keperluan bekalan air terawat di kawasan Sarikei, Bintangor, Pakan dan Pulau Brait. Prestasi projek ini adalah 3.99% dan dijangka siap pada Oktober 2015.

Pihak JKR Sarawak juga memaklumkan bahawa Empangan Gerugu yang menjadi sumber air bagi Loji Air Bayong ini mempunyai '*safe yield*' sebanyak 140 MLD dan mampu memenuhi permintaan sehingga tahun 2040.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan maklumat yang diperolehi dari JKR Sarawak, pada masa ini, bekalan air ke kawasan Sarikei, Tanjong Manis dan sebahagian daripada Bintangor adalah diperolehi dari Loji Rawatan Air Bayong, Sarikei, Sarawak. Manakala

sebahagian lagi pembekalan air di kawasan Bintangor dibekalkan dari Loji Rawatan Air Temadak, Bintangor.

Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, bekalan air ke Tanjong Manis akan diperolehi dari Sibuluan manakala Bintangor akan terus mendapat bekalan air dari Loji Air Bayong, Sarikei serta Loji Air Temadak, Bintangor.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kementerian mempunyai Pelan Tindakan khusus dalam menyelesaikan masalah parkir penjawat awam yang menetap di perumahan kerajaan Putrajaya.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) telah mengenalpasti masalah parkir penjawat awam yang menetap di Putrajaya terutamanya di unit-unit kuarters jenis apartment. Pada dasarnya, penetapan bilangan parkir kenderaan yang dibina oleh pihak Putrajaya Holdings (PJH) adalah berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Perbadanan Putrajaya. Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri telah mempunyai beberapa perancangan berterusan untuk menyelesaikan masalah parkir penjawat awam yang menetap di perumahan kerajaan Putrajaya seperti berikut:

i) Pelaksanaan Satu Lot Parkir Bagi Satu Unit Kuarters

Sewaktu perancangan pembinaan awal kuarters kerajaan jenis apartmen di Putrajaya seawal tahun 2000, nisbah unit kuarters : lot petak parkir kenderaan adalah 3 : 1. Sebagai contoh adalah seperti di kuarters Fasa 5 dan 6, Presint 9 yang melibatkan sebanyak 756 unit kuarters dengan jumlah petak parkir kenderaan hanyalah sebanyak 491 lot parkir (kurang 265 lot parkir). Secara keseluruhannya pula, kuarters jenis apartmen di Presint 9 yang telah siap dibina sejak tahun 1999 yang melibatkan sebanyak 5,160 unit kuarters dengan jumlah petak parkir kenderaan hanyalah sebanyak 4,871 lot parker (kurang 289 lot parkir).

Walau bagaimanapun, pembinaan kuarters kerajaan jenis apartmen pada masa kini telah mengambil kira nisbah yang baru bagi unit kuarters : lot petak parkir kenderaan iaitu pada nisbah 1 : 1. Contohnya adalah pembinaan kuarters kerajaan jenis apartmen di Presint 17 melibatkan sebanyak 1,180 unit dengan jumlah petak parkir kenderaan sebanyak 1,422 lot (lebih 242 lot parkir kenderaan).

Pada dasarnya, konsep parkir di kebanyakan kuarters kerajaan adalah berdasarkan *free parking* atau *first come first serve* dengan setiap unit kuarters akan diberikan dua pelekat kenderaan bagi tujuan pengenalan diri kenderaan sahaja. Justeru, bagi mengelakkan masalah parking, pelaksanaan satu lot parkir bagi satu unit kuarters dibuat namun hanya dilaksanakan sekiranya mendapat persetujuan daripada majoriti penghuni kuarters sahaja seperti contoh di kuarters kerajaan jenis apartment Fasa 10, Presint 9.

ii) Pemasangan Boom Gate Dan Kawalan Keselamatan

Pada dasarnya, pemasangan *boom gate* dan kawalan keselamatan oleh syarikat keselamatan yang dilantik oleh BPH hanya dilaksanakan di kawasan kuarters kerajaan yang berpagar (*gated area*) seperti di Presint 5 yang bersempadan dengan Daerah Sepang. Walau bagaimanapun, bagi mematuhi dasar penjaminan oleh Kerajaan, tanggungjawab kawalan keselamatan kuarters dicadangkan diserahkan kepada persatuan penduduk dengan bantuan dan kerjasama BPH.

iii) Penyediaan Pelekat Kenderaan

BPH menyediakan dan mengagihkan pelekat kenderaan BPH kepada penghuni-penghuni kuarters dengan tujuan bagi pengenalan diri kepada penduduk kuarters terlibat terutamanya persatuan penduduk untuk memudahkan mereka mengenal

pasti kenderaan-kenderaan yang diletakkan di dalam kawasan kuarters adalah milik penghuni dan bukannya orang luar (dari segi aspek keselamatan).

iv) Tindakan Penguatkuasaan Yang Lebih Ketat

Bagi kenderaan-kenderaan yang tidak mempunyai pelekat kenderaan BPH dan didapati diletakkan di dalam kawasan kuarters terutamanya melibatkan kawasan-kawasan larangan meletak kenderaan seperti di kawasan lobi dan selekoh jalan, tindakan penguatkuasaan seperti *clamping* akan dilaksanakan bagi mengelakkan penyalahgunaan tempat parkir oleh kenderaan milik bukan penghuni kuarters dan mengelakkan kesesakan yang boleh mengganggu ketenteraman penghuni kuarters. Pada masa kini, Unit Naziran dan Penguatkuasaan Bahagian Pengurusan Hartanah telah menggandakan pelaksanaan operasi penguatkuasaan sebanyak lapan (8) kali sebulan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO : 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATO' SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 16 JUN 2014
SOALAN :

YB Puan Kasthuriaani a/p Patto [Batu Kawan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan semua ahli panel di dalam Lembaga Siasatan Perubatan serta semua kes yang diterima oleh Lembaga Siasatan Perubatan mengikut pecahan etnik, umur, jantina dan negeri serta langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, semua aduan pesakit ataupun waris berkenaan rawatan perubatan yang telah diberikan di mana-mana fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan disiasat secara terperinci dan disusuli dengan perjumpaan bersama pengadu untuk penyelesaian isu yang dibangkitkan di dalam aduan (*grievance mechanism*).

Sekiranya pengadu masih tidak berpuashati dengan penjelasan yang diberikan semasa perjumpaan tersebut dan ingin membuat tuntutan gantirugi, barulah sesuatu kes aduan rawatan perubatan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Penyiasatan Bebas KKM (JKPB).

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap jawatankuasa adalah berbeza-beza ahli jawatankuasanya kerana ia akan ditubuhkan hanya setelah dikaji kes yang diterima secara terperinci. Semua pemilihan ahli jawatankuasa adalah mengikut disiplin kepakaran yang khusus kepada kes dan komponen ahli jawatankuasa juga terdiri daripada pelbagai disiplin kepakaran bergantung kepada tahap kesukaran kes / jenis rawatan yang diberikan / komplikasi yang dialami oleh pesakit. Keahlian jawatankuasa juga akan melibatkan disiplin sokongan klinikal yang lain seperti Pakar Pemakanan, Pegawai Farmasi, Fisioterapi dan lain-lain mengikut kes masing-masing.

Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan Bebas adalah terdiri daripada pakar perunding perubatan dari negeri lain dimana kes berlaku. Ahli lain terdiri daripada Pakar perubatan lain dalam bidang yang berkaitan dengan penyakit yang dihidapi pesakit. Selain itu terdapat juga wakil bahagian sokongan perubatan, wakil Jabatan Kesihatan Negeri, dan wakil daripada KKM. Wakil komuniti iaitu seorang ahli lembaga pelawat dari hospital berkenaan juga merupakan ahli panel dan berfungsi untuk memastikan hak pesakit dijaga.

Ke semua pelantikan tersebut di atas dibuat berdasarkan buku garis panduan KKM yang telah digunakan sejak tahun 2007, bertajuk *Guidelines on the Management of Complaints and Medico legal Cases*.

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat ini sebanyak 442 kes aduan dari tahun 2006 hingga 2013 telah di bawa ke JKPB KKM dan dipertimbangkan untuk tawaran *ex gratia*. Berikut adalah data mengikut taburan etnik, umur, jantina dan negeri :

Taburan Etnik :

Bilangan kes aduan mediko legal mengikut bangsa adalah seperti berikut:

- i) Melayu 246 kes (55.65%);
- ii) India 79kes (17.87%);
- iii) Cina 64kes (14.4%);
- iv) Bumiputera Sabah 34kes (7.69%);
- v) Bumiputera Sarawak 12 kes (2.7%);
- vi) Orang asli 3 kes (0.67%); dan
- vii) Bukan Warganegara Malaysia 4 kes (0.90%).

Taburan Umur:

Jika dilihat daripada kumpulan umur pula, kumpulan **0 - 5 tahun adalah kumpulan yang terbesar seramai 102 kes (22.85%)** diikuti sebanyak 48

kes (10.85%) di dalam lingkungan umur 26 – 30 tahun, 42 kes (9.50%) di dalam lingkungan 31 – 35 tahun. Sementara itu terdapat 31 kes (7.01%) dalam kumpulan umur 16 – 20 tahun dan 21-25 tahun, 28 kes (6.33%) di dalam kumpulan berumur 46 – 50 tahun dan sebanyak 27 kes (6.10%) pula di dalam kumpulan 51 hingga 55 tahun. (Jadual 2,3)

Taburan jantina :

Mengikut jantina, bilangan kes aduan yang terdiri daripada perempuan adalah sebanyak 244 (55.20%) adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan bilangan kes aduan lelaki sebanyak 198 (44.79%). (Jadual 4)

Taburan negeri :

Negeri Selangor mencatat bilangan kes tertinggi dengan 76 kes diikuti oleh Perak sebanyak 54 kes, Johor dengan 49 kes dan Sabah sebanyak 46 kes. Negeri kelima dengan bilangan kes tertinggi ialah Pahang dengan 38 kes dan seterusnya Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur sebanyak 29 kes. (Jadual 5)

Tuan Yang Di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengamal perubatan untuk memberikan rawatan yang berkualiti dan selamat serta tidak memudaratkan kepada pesakit. Keselamatan dalam perawatan pesakit (*patient safety*) merupakan perkara yang sentiasa diberikan penekanan oleh KKM.

Pada tahun 2013, Kempen Keselamatan Pesakit Peringkat Kebangsaan Yang Pertama telah dilancarkan pada 24 Jun 2013 oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia di Putrajaya. Ia merupakan anjuran bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia (MKPM). Kempen serta seminar telah berlangsung dengan jayanya dan dihadiri lebih dari 450 peserta yang terdiri daripada pelbagai kategori anggota kesihatan di sektor awam dan swasta. Ekoran dari kempen kebangsaan ini, pelbagai aktiviti keselamatan pesakit telah dilaksanakan di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta di seluruh negara. Kempen kepada orang awam melalui media massa telah dijalankan bagi memberi pengetahuan berkenaan aspek keselamatan rawatan pesakit seperti kaedah rawatan dan pengambilan ubatan yang selamat, keselamatan pembedahan, kawalan infeksi, kerintangan antibiotik dan keselamatan pemindahan darah.

Pada tahun 2013, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia juga telah mengeluarkan pekeliling Bil 1/2013 berkenaan "Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Pesakit dan Pelaksanaan *Malaysian Patient Safety Goals* di fasiliti kesihatan seluruh Malaysia. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam menggerakkan aktiviti keselamatan rawatan pesakit, mewujudkan sistem kerja yang selamat dan memantau pencapaian *Malaysian Patient Safety Goals*. Ia merupakan satu penanda aras yang menggariskan 13 perkara utama (*key areas*) keselamatan rawatan pesakit yang perlu dicapai oleh setiap fasiliti kesihatan di seluruh Malaysia sama ada di sektor awam dan swasta.

Pelbagai polisi, garis panduan dan *Clinical Practice Guideline* juga telah diwujudkan bagi memastikan anggota kesihatan memberi rawatan mengikut tatacara tertentu serta *evidence based*. Pemantauan pencapaian perkhidmatan yang diberikan oleh anggota kesihatan turut dijalankan secara sistematik melalui pengwujudan *Key Performance Indicator (KPI)*. Pada masa ini, terdapat 78 KPI dan 57 *National Indicator Approach* dipantau di peringkat kebangsaan yang melibatkan Pengarah Hospital dan pelbagai disiplin klinikal. Malaysia juga sedang berusaha ke arah pelaksanaan *Performance for Accountability*.

KKM juga telah mengambil langkah proaktif untuk menerapkan budaya keselamatan pesakit di kalangan pelajar bidang kesihatan sebagai persediaan menghadapi tugas dalam penjagaan kesihatan. Sehubungan itu, pada Januari 2014, MKPM telah memutuskan untuk melaksanakan *Multi-Professional Patient Safety Curriculum WHO Guide* ke dalam sistem kurikulum pelajar fakulti perubatan, kesihatan pergigian, kesihatan farmasi, sains kesihatan bersekutu dan paramedik. Ia turut melibatkan latihan pegawai perubatan siswazah dan program sarjana. Satu lagi inisiatif yang telah diambil ialah memperkasakan komuniti dan individu untuk mengambil bahagian dalam langkah-langkah keselamatan pesakit. Oleh itu, MKPM telah melantik pengerusi Persatuan *Patient for Patient Safety Malaysia* sebagai ahli dalam MKPM yang berperanan untuk mewakili pengguna dalam mengutarakan isu-isu atau pendapat bagi meningkatkan keselamatan pesakit. Kesimpulannya, KKM sentiasa dinamik untuk menambah baik perkhidmatan di fasiliti kerajaan dan swasta bagi mencegah berlakunya kesilapan perawatan dengan memastikan rawatan yang diberikan selamat dan berkualiti.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]**

TARIKH : **16 JUN 2014**

SOALAN : **Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang di ambil oleh Malaysia untuk menjaga kepentingan pelaburan PETRONAS di dasar Laut China Selatan.**

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-Pertua,

Sepertimana Dewan yang Mulia ini sedia maklum, isu-isu tuntutan bertindih perlu diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan dengan negara-negara berkaitan berdasarkan undang-undang antarabangsa, termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982, atau dengan izin *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*. Malaysia berpendirian bahawa perundingan secara aman melalui perbincangan dan perundingan merupakan jalan terbaik.

Tan Sri Yang Di-Pertua,

2. Kerajaan sentiasa komited dalam menjaga semua kepentingan negara di kawasan Laut China Selatan, termasuklah kepentingan pelaburan PETRONAS. Usaha-usaha yang sewajarnya sentiasa diambil bagi memastikan kepentingan negara di kawasan Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 12

TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mutakhir ini kemalangan yang melibatkan kenderaan awam terutamanya bas semakin banyak berlaku. Apakah punca sebenar yang pihak Kementerian kesani dan bagaimana pula usaha untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan hasil siasatan kemalangan jalan raya yang telah dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) daripada tahun 2007 hingga 2010, adalah didapati tiga penyumbang utama kemalangan yang melibatkan bas iaitu memandu secara laju, kelesuan pemandu serta pemanduan yang berisiko. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang keselamatan jalan raya di kalangan pengusaha-pengusaha dan pemandu-pemandu bas pelancongan, persiaran dan ekspres. Antara program dan aktiviti di bawah elemen pendidikan yang dilaksanakan termasuklah:

- (a) memberi khidmat nasihat mengenai pemanduan selamat kepada pemandu-pemandu bas di samping melekatkan pelekat *Visibility Enhancement Material (VEM)* bas bagi meningkatkan kebolehlihatan (*visibility*) bas tersebut;
- (b) program '*Respect Your Limit*' yang dianjurkan oleh PLUS dengan kerjasama agensi-agensi berkiatan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran pemandu-pemandu dan pengusaha-pengusaha kenderaan berat mengenai aspek-aspek pemanduan dan penjagaan kenderaan;
- (c) menggalakkan pengusaha bas untuk menggunakan *Malaysian Standard ISO39001: Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas*

bagi membantu mereka meningkatkan tahap pengurusan syarikat dalam aspek keselamatan jalan raya;

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, elemen penguatkuasaan juga dititiberatkan oleh Kerajaan dalam memastikan pemandu bas sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam usaha mengelakkan kemalangan jalan raya daripada terjadi. Sebagai contoh, pemeriksaan air kencing yang dijalankan secara rawak setiap hari di terminal-terminal bas utama di seluruh negara dalam menangani pengambilan dadah oleh pemandu bas semasa memandu. Kerajaan juga turut mengambil inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) mewajibkan pengusaha kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam mematuhi 'Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Sektor Pengangkutan 2010' yang dikuatkuasakan melalui syarat bagi mendapatkan permit; dan
- (ii) mengeluarkan 'Pekeliling Pelaksanaan Kod Amalan Industri: Keselamatan Untuk Pengendali Bas Bagi Operasi di Kawasan Tanah Tinggi'. Antara keperluan yang terkandung di dalam Pekeliling tersebut adalah mewajibkan pemasangan *Global Positioning Satellite System* (GPS), *Anti-lock Braking System* (ABS), kamera CCTV di ruang *dashboard* atau ruang yang bersesuaian, sistem keselamatan brek seperti *Engine Retarder/ exhaust brake* dan pematuhan peraturan *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) iaitu Peraturan 66 (keselamatan *Superstructure* kenderaan)

dan Peraturan 80 (bagi pemasangan tali pinggang keledar untuk semua kerusi penumpang).

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu bagi memastikan pihak pengendali bas sentiasa mematuhi *Industrial Code of Practice - Safety, Health & Environment (ICOP-SHE)*, tindakan yang tegas telah diambil oleh pihak SPAD dengan menggantung lesen lapan pengendali bas yang tidak mematuhi keperluan dan aspek pelaksanaan ICOP-SHE seperti pengurusan pemandu dan kenderaan, serta pemantauan kelajuan bas. Tindakan penggantungan ini akan dijalankan secara berterusan dan pembatalan lesen pengendali akan dilakukan sekiranya terdapat elemen kecuaiian walaupun peringatan telah diberikan kepada mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah Kerajaan bersungguh-sungguh untuk melindungi PLUS dari diswastakan kerana PLUS dimiliki 49% oleh KWSP yang mempunyai 14 juta orang pencarum.; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengekalkan kadar tol dalam tempoh 20 tahun kerana kadar keuntungan PLUS sangat meyakinkan tanpa perlu diswastakan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhotmat, PLUS sebelum ini tersenarai dalam Bursa Saham Malaysia dan telah diswastakan melalui penstrukturan semula pada tahun 2011 di mana pemegang sahamnya terdiri daripada UEM Group Berhad (UEM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan pegangan saham masing-masing sebanyak 51% dan 49%. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa memberi perlindungan kepada KWSP yang mempunyai kepentingan kepada pencarum dan juga rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji dengan teliti sekiranya terdapat cadangan pengambilalihan PLUS yang dikemukakan oleh mana-mana syarikat.

Pada bulan Mac 2014, terdapat cadangan pengambilalihan PLUS daripada sebuah syarikat bagi melaksanakan Skim Lebuh raya Bertol Mesra Rakyat di mana kadar tol tetap (*flat toll rate*) berasaskan kadar tol yang dikenakan oleh PLUS pada masa kini, dikekalkan sehingga tamat konsesi iaitu pada tahun 2038.

Lanjutan daripada itu, Kerajaan telah meneliti cadangan tersebut dan mendapati bahawa andaian (*assumption*) dan maklumat yang dikemukakan oleh syarikat adalah tidak tepat. Sehubungan itu, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan oleh syarikat tersebut.

Berdasarkan kepada penstrukturan semula PLUS pada tahun 2011, tiada kenaikan kadar tol dilaksanakan sehingga 2015 tanpa pampasan oleh pihak Kerajaan. Bagi tahun 2016 hingga tamat konsesi pada tahun 2038, kenaikan kadar tol ditetapkan pada kadar 5 peratus setiap 3 tahun berbanding kenaikan asal iaitu di antara 10%

hingga 25%. Pengurangan kadar kenaikan tol ini secara langsung dapat mengurangi beban kewangan rakyat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6988

SOALAN:

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa kes penderaan kanak-kanak (child abuse) berunsur seksual yang dilaporkan pada 2013. Nyatakan juga hasil penyiasatan kes-kes tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jenayah seksual merangkumi kesalahan kerana merogol, mencabul kehormatan dan perhubungan yang bertentang dengan aturan tabii (homoseksual). Jenayah ini boleh berlaku meliputi semua lapisan masyarakat tanpa mengira di bandar atau luar bandar, bangsa, agama, tahap pendidikan dan umur seseorang itu. Pihak PDRM memandang serius terhadap jenayah seksual ini bukan sekadar menyebabkan kecederaan fizikal tetapi turut mencalar maruah (*dignity*) dan menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa terutama kepada kanak-kanak yang terlalu muda dan mentah. Fenomena ini akan terus meningkat jika tiada kesedaran dan tindakan yang berkesan diambil bagi membendung gejala ini dari terus berlaku.

Statistik jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah bagi tahun 2013 seperti berikut:-

KESALAHAN	2013
ROGOL	2,111
MENCABUL KEHORMATAN	821
LUAR TABII	129

Statistik hasil siasatan jenayah seksual yang melibatkan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah bagi tahun 2013 seperti berikut:-

KESALAHAN	2013		
	TUDUH	JATUH HUKUM	NFA
ROGOL	461	14	49
MENCABUL KEHORMATAN	214	9	39
LUAR TABII	21	1	0

NFA: No Further Action

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah kutipan tol semua syarikat konsesi lebuhraya sejak 1990. Adakah Kerajaan merancang untuk menstrukturkan semula perjanjian konsesi khususnya bagi syarikat konsesi yang berjaya mengutip tol melebihi kos asal pembinaan lebuhraya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan hasil tol oleh kesemua syarikat konsesi lebuhraya untuk tempoh dari tahun 1990 hingga 2012 ialah sebanyak RM47.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM28.3 bilion atau hampir 60% melibatkan hasil kutipan tol untuk lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian syarikat konsesi PLUS Berhad. Sebahagian besar hasil kutipan tol ini atau hampir 90% digunakan untuk membayar semula pinjaman kepada institusi kewangan, melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan serta menaik taraf lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa kini sedang membuat kajian yang menyeluruh berhubung isu-isu berkaitan konsesi tol lebuhraya sedia ada di negara ini. Kajian tersebut telah memperincikan beberapa cadangan tol yang bersesuaian seperti penstrukturan semula kadar tol dengan mengambil kira kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat konsesi terbabit. Ia turut melibatkan cadangan pindaan terhadap terma-terma perjanjian konsesi sedia ada di mana ini memerlukan persetujuan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan pihak konsesi.

Sehubungan itu, beberapa siri rundingan telah dan sedang diadakan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya berkaitan. Rundingan tersebut bertujuan untuk mencari kaedah penyelesaian jangka pendek, sederhana dan jangka panjang berkaitan isu tol.

Prinsip utama rundingan tersebut ialah berasaskan situasi 'menang-menang' kepada semua pihak, iaitu Kerajaan, rakyat, syarikat konsesi, pelabur dan pemberi pinjaman.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi dan menangani kemelut kesesakan pelajar di sekolah-sekolah Cina dan Tamil di kawasan bandar; dan
- (b) bilangan pelajar yang telah dihad dan ditetapkan oleh Kerajaan untuk setiap kelas. Berapakah jumlah kelas yang tidak mematuhi peraturan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang berusaha untuk mengatasi kepadatan sesebuah sekolah yang melibatkan semua sekolah di kawasan bandar termasuk SJK(C) dan SJK(T). Melalui inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM bercadang untuk menukar sekolah padat menjadi sekolah satu sesi dengan merancang beberapa pendekatan dalam merealisasikan inisiatif tersebut. KPM juga sedang menyediakan perancangan strategik jangka panjang yang melibatkan perancangan pembangunan pendidikan RMKe-11 dan RMKe-12 yang melibatkan pembinaan sekolah baharu, bangunan tambahan dan gantian bagi menukarkan sekolah padat menjadi sekolah satu sesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saiz kelas yang melebihi 35 orang murid per kelas di sekolah-sekolah tertentu terutama di kawasan bandar adalah disebabkan oleh kekurangan bilik darjah fizikal di sekolah-sekolah tersebut. Keadaan ini disebabkan oleh ketiadaan tapak untuk membina bilik-bilik darjah tambahan bagi menampung bilangan murid yang ramai. Di samping itu, kecenderungan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah pilihan adalah antara faktor yang turut menyumbang kepada kesesakan di sesebuah sekolah.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, saiz kelas yang dicadangkan dalam Pekeliling Pentadbiran Bil 3/1967 (Pindaan 1982) ialah antara 25 hingga 35 orang murid per kelas. Pada masa ini purata saiz kelas bagi sekolah rendah ialah 30 orang murid per kelas, manakala bagi sekolah menengah ialah 33 murid per kelas. Namun begitu, sekolah-sekolah di bandar umumnya mempunyai kelas yang besar sehingga mencapai 45 murid per kelas. Sementara itu, terdapat sekolah-sekolah kecil di luar bandar dengan saiz kelas kurang daripada 15 murid per kelas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 16.06.2014

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai model, peneraju dan pelopor utama dalam agenda memartabatkan sistem kewangan berasaskan syariah di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu ke arah menjadikan

Malaysia sebagai peneraju sistem kewangan berasaskan syariah di peringkat antarabangsa. Untuk itu, beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan di mana melalui Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), pembangunan industri kewangan Islam adalah sebahagian daripada projek permulaannya seperti NKEA Perkhidmatan Kewangan (EPP10) yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam yang unggul. Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula, kewangan Islam menjadi salah satu sektor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

2. Selain itu, pelbagai usaha juga diambil bagi menempatkan Malaysia sebagai pusat kepemimpinan pemikiran dalam kewangan Islam. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- Mempromosikan jenama kewangan Islam Malaysia melalui inisiatif *Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC)* yang dilancarkan pada tahun 2006. Pada tahun 2013, sebanyak 69% daripada jumlah sukuk global telah diterbitkan di Malaysia manakala bagi pasaran dana Islam pula sebanyak 52% daripada dana Islam baharu telah diterbitkan.
- Menyediakan prasarana khusus bagi meningkatkan kepakaran tenaga

kerja dalam industri kewangan Islam. Misalnya, Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam (INCEIF) telah menawarkan program Profesional Kewangan Islam yang Bertauliah (CIFP) dan program-program pasca siswazah kepada para pelajar daripada lebih 80 buah negara. Di samping itu, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM) dan Pusat Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC) menyediakan pelbagai program latihan teknikal untuk pengamal-pengamal industri dalam bidang perbankan Islam, takaful dan pasaran modal Islam. Kerjasama antarabangsa dalam pendidikan kewangan Islam juga telah diwujudkan. INCEIF umpamanya telah bekerjasama dengan *University of East London* sejak 2013 dengan menawarkan kursus dan program berkaitan kewangan Islam.

- Meningkatkan kerjasama dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa di mana bantuan latihan teknikal dan khidmat nasihat kepada negara-negara lain yang ingin menceburi industri kewangan Islam telah diberikan. Malaysia telah menawarkan kepakaran dalam terbitan sukuk dan khidmat nasihat dalam bidang perundangan dan Syariah. Baru-baru ini, *Hong Kong Monetary Authority (HKMA)* dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah menganjurkan persidangan bersama dalam kewangan Islam untuk meningkatkan minat terhadap sukuk sebagai

pembiayaan yang berdaya saing dan instrumen pelaburan di kalangan komuniti kewangan dari Hong Kong dan negara China. Kewangan Islam juga merupakan salah satu fokus utama dalam "Kumpulan Kerja Bersama bagi Pembangunan Kerjasama Kewangan Malaysia - Jepun".

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kementerian boleh berlaku adil kepada pendidikan Islam swasta di mana hak peruntukan individu rakyat Malaysia tidak diberi dan adakah akta menghalang untuk diberi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah swasta ditakrifkan sebagai institusi pendidikan yang bukan dibiaya oleh Kerajaan. Akta Pendidikan tidak menghalang untuk bantuan disalurkan kepada sekolah jenis begini. Berdasarkan seksyen 52, bantuan kewangan kepada institusi pendidikan Islam yang tidak ditubuhkan atau disenggarakan oleh Kerajaan boleh diberikan tertakluk kepada syarat dan batasan yang difikirkan patut dikenakan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua sekolah swasta yang turut menjalankan Kurikulum Agama Islam telah diberi Bantuan Khas Awal Persekolahan 1 Malaysia sebanyak RM100 seorang.

- a) Seramai 2,172 orang pelajar mengikuti program persediaan A-Level dan International Baccalaureate di 17 buah Kolej Persediaan Swasta;
- b) Seramai 430 pelajar mengikuti program Asasi di 9 buah Pusat Asasi Institut Pengajian Tinggi Awam;
- c) Seramai 406 pelajar mengikuti program Matrikulasi di 12 buah Kolej Matrikulasi; dan
- d) Seramai 106 pelajar mengikuti program Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di 49 buah Sekolah Menengah seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan Program Bursary Pelajar Cemerlang Lulusan SPM ini adalah bagi mengiktiraf kecemerlangan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang 9A+ ke atas dalam peperiksaan SPM. Program penajaan ini akan diteruskan sehingga terdapat perubahan dasar yang diputuskan oleh Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan gangguan bekalan elektrik yang melibatkan kawasan yang luas yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung pada bulan Mei yang lalu dapat dielakkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Suruhanjaya Tenaga (ST) secara berterusan membuat penilaian kepada keperluan tenaga elektrik negara. Penilaian ini termasuk memastikan bahawa kapasiti semasa dan kapasiti masa depan yang dirancang dapat memenuhi permintaan tenaga elektrik. Penurunan baru-baru ini dalam kapasiti yang ada kerana gangguan tidak berjadual loji kuasa, isu-isu bekalan bahan api dan kekangan penghantaran telah menimbulkan kebimbangan mengenai keselamatan sistem bekalan elektrik negara.

2. Pihak ST juga sedang memantau secara terperinci status operasi dan penyelenggaraan berjadual setiap unit-unit penjanaan bagi mengenalpasti *common mode failure* yang boleh menjejaskan kapasiti tersedia dalam sistem. Setiap kerosakan di stesen-stesen jana kuasa dilaporkan secara terus kepada ST yang akan membuat pemeriksaan dan penilaian ke atas setiap kerosakan bagi mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan untuk mengelakkannya daripada berulang

lagi. Program audit terperinci ke atas sistem pengurusan operasi dan senggaraan jana kuasa-jana kuasa IPP dan TNB juga sedang dilaksanakan.

3. Bagi memastikan kejadian gangguan elektrik yang sama tidak berulang, langkah-langkah mitigasi berikut juga sedang dilaksanakan:

- (a) mengkaji semula rizab operasi dan margin rizab sebenar yang diperlukan berdasarkan situasi terkini;
- (b) menjalankan kajian-kajian sistem untuk mengenal pasti langkah-langkah mitigasi dalam pengoperasian sistem;
- (c) memperhalusi spesifikasi arang batu agar ia bersesuaian dengan rekabentuk dandang *super critical*; dan
- (d) melatih tenaga kerja yang diperlukan bagi mengoperasi unit-unit penjanaan tersebut.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
KAWASAN : KUALA KANGSAR
TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD (KUALA KANGSAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kewajaran pembukaan persimpangan bertol dan R&R adalah mengikut kuota dan giliran (mengikut perancangan terdahulu) sedangkan terdapat keperluan dinamik yang dapat disesuaikan dengan keperluan dan pembangunan setempat. Apakah status cadangan persimpangan bertol Menora di Kuala Kangsar menghubungi Parit dan Sungai Siput yang sudah termasuk dalam pelan struktur daerah dan mewujudkan 1 bandar baru di luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Pada masa kini terdapat 81 persimpangan bertingkat (interchanges) yang terdapat di sepanjang Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS), termasuk di laluan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Lebuhraya Persekutuan Laluan 2 (FHR2) dan Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH). Untuk cadangan pembinaan 'interchange' PLUS yang baru pula, ia dibuat berasaskan kepada faktor bilangan trafik, pertumbuhan pembangunan setempat dan pandangan atau maklum balas daripada pihak Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan persimpangan bertingkat yang di baru Menora, Perak adalah di luar daripada skop Perjanjian Konsesi PLUS. Walau bagaimanapun Kerajaan daripada semasa ke semasa sentiasa mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri Perak untuk menambah baik tahap perkhidmatan Lebuhraya PLUS di negeri tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan antara lain telah bersetuju untuk menaik taraf persimpangan bertingkat PLUS di Kuala Kangsar, iaitu melibatkan skop menaikkan taraf persimpangan bertingkat dari jenis 'half diamond' sedia ada kepada persimpangan bertingkat dari jenis "trumpet". Projek ini sedang dilaksanakan oleh pihak PLUS Berhad dan ia dijangka akan siap pada tahun 2015.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
(Parit Sulong)
TARIKH : 16.06.2014
NO. SOALAN : 21

minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bentuk bantuan yang disediakan oleh Kementerian kepada belia-belia yang ingin menceburkan diri secara sepenuh masa dalam bidang keusahawanan dan apakah sistem pemantauan yang digunapakai untuk memastikan keberkesanan bantuan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan yang disediakan oleh MITI kepada golongan belia yang ingin menceburi bidang keusahawanan antara lain adalah dalam bentuk dana pinjaman yang disediakan oleh SME Bank, gran promosi produk di bawah MATRADE dan juga bantuan gran bagi memulakan perniagaan melalui Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah SME Corp.

Di bawah SME Bank, peruntukan Dana Usahawan Muda (Young Entrepreneur Fund) sebanyak RM50 juta diperkenalkan khusus untuk golongan belia yang berkelayakan berumur 18 hingga 30 tahun sebagai

pinjaman mudah untuk memulakan perniagaan. Pewujudan dana ini merupakan salah satu strategi berterusan Kerajaan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan belia di Malaysia. Dana berkenaan yang dilancarkan pada pertengahan bulan Februari 2013, telah meluluskan pinjaman kepada 228 usahawan belia dengan nilai pembiayaan melebihi RM20 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah MATRADE pula, satu program khas bagi membantu dan menggalakkan usahawan belia untuk menerokai pasaran antarabangsa yang dikenali sebagai Program Pembangunan Pengeksport Belia telah diwujudkan. Pengambilan pertama peserta bagi program ini dijangka akan dibuat pada pertengahan tahun 2014. Program ini akan memberi fokus kepada sektor *soft export* iaitu dalam bidang, dengan izin *arts, music, fashion, design* dan industri kreatif. Bagi tahun 2014, sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan bagi program ini.

Di bawah program ini, syarikat pengeksport yang dikendalikan oleh belia akan dibimbing selama tiga (3) tahun dengan objektif menjadikan mereka sebagai pengeksport yang berdaya saing dan mampu menerokai pasaran antarabangsa. Sepanjang tempoh tiga tahun tersebut, syarikat akan diberi khidmat nasihat berkaitan aktiviti-aktiviti promosi eksport. Mereka akan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam aktiviti perdagangan antarabangsa melalui penyertaan dalam seminar, bengkel dan latihan anjuran MATRADE. Di samping itu, syarikat mereka juga akan diberi insentif pembiayaan untuk menyertai aktiviti promosi eksport di luar negara.

Selain itu, syarikat pengeksport yang dimiliki oleh belia adalah juga layak untuk diberi bantuan melalui Geran Pembangunan Pasaran (MDG). Bantuan kewangan yang diberi adalah untuk menampung kos penyertaan mereka dalam aktiviti promosi produk di luar negara seperti kos penginapan, tiket penerbangan dan sewa tapak pameran. Pihak Kerajaan percaya dengan kemudahan serta bantuan yang disediakan, lebih banyak lagi syarikat pengeksport yang dimiliki belia akan dapat dibimbing dan dibangunkan oleh MATRADE pada masa akan datang.

Tuan Yang Di-Pertua,

SME Corp. pula akan melaksanakan program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) mulai bulan November 2014 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Program ini akan memberi tumpuan kepada penggalakan pembudayaan keusahawanan di kalangan belia untuk menganjakkan paradigma minda mereka daripada minda mencari pekerjaan makan gaji kepada bidang keusahawanan. TUBE juga membantu menggalakkan kelestarian dan daya tahan perniagaan.

Terdapat tiga fasa dalam pelaksanaan TUBE iaitu:

- i) Fasa 1: Latihan *Bootcamp* (latihan berasaskan konsep ketenteraan untuk memupuk daya tahan, strategi, disiplin dan kepimpinan para peserta);
- ii) Fasa 2: Bengkel Perniagaan (asas perniagaan dan penyediaan dokumen Rancangan Perniagaan); dan
- iii) Fasa 3: Pelaksanaan Pelan Perniagaan (sistem *buddy*, di mana kaunselor perniagaan dan kaunselor kewangan terlatih akan membimbing dan menyelia para peserta)

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai sistem pemantauan program-program keusahawanan kepada golongan belia, MITI sedia bekerjasama dan membantu semua agensi yang berkaitan terutamanya Kementerian Belia dan Sukan untuk memantau program yang dilaksanakan supaya dapat berjalan dengan lancar bagi memastikan keberkesanan bantuan tersebut.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
KAWASAN : KUALA TERENGGANU
TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan JKR sebagai pihak yang menjaga kerja-kerja penambakan dalam Sungai Terengganu di kawasan Shah Bandar Kuala Terengganu, apa sebabnya dan apa tindakan JKR untuk mengatasi masalah-masalah kecetekan sungai di kawasan projek yang dialami nelayan dan pengusaha bot tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menambak muara Sungai Terengganu ialah projek di bawah Kerajaan Negeri Terengganu yang dilaksanakan oleh JKR Negeri Terengganu.

Kementerian ini dimaklumkan bahawa projek tambakan sungai Terengganu itu adalah fasa kedua bagi projek pembangunan semula Pasar Besar Kedai Payang dan blok Pesisir Air yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Skop projek ini termasuklah membina jalan susur di kawasan Shah Bandar, Kuala Terengganu yang bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan trafik di sekitar Pasar Besar Kedai Payang. Projek fasa 2 ini telah dimulakan pada bulan Disember 2012 dan dijangka siap pada bulan Disember 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penambakan sungai Terengganu itu tidak menimbulkan masalah kecekatan sungai di kawasan laluan utama (navigation channel). Ini kerana tebing sementara akan dibina di kawasan tambakan semasa projek ini sedang dalam peringkat pembinaan. Manakala tebing kekal pula akan dibina dengan kaedah 'reinforced earth wall' bagi mengelakkan berlaku hakisan di kawasan berkenaan. Di samping itu, jeti pengusaha bot tempatan juga akan dipindahkan ke kawasan sementara yang bersesuaian sebelum jeti kekal yang lebih selesa dibina berhampiran kawasan Pasar Besar Kedai Payang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu sebagai pemilik projek dan JKR Negeri Terengganu sebagai agensi pelaksana projek sentiasa mengadakan 'engagement' dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Ini bagi memastikan isu-isu yang berbangkit berkaitan pelaksanaan projek ini diselesaikan secara baik menerusi proses rundingan.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
KAWASAN : JERANTUT
TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS (JERANTUT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah tahap kualiti jalan raya di Malaysia berbanding dengan negara-negara Asia yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya di negara ini telah direka bentuk dan dibina berasaskan kepada Arahan-Arahan Teknik (Jalan) mengikut piawaian atau spesifikasi yang diiktiraf antarabangsa.

Spesifikasi Pembinaan Jalan dan Arahan Teknik Jalan JKR ini telah digubal dengan mengambil kira piawaian antarabangsa, seperti British Standard (BS), American Association of State Highway and Transportation (AASHTO), Australian Roads (Austroads) dan Transport Research Laboratory (TRL) United Kingdom. Arahan Teknik Jalan JKR ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan perkembangan teknologi global. Sehubungan itu, kualiti pembinaan jalan raya di negara ini adalah setanding dengan negara-negara maju yang lain kerana ia mematuhi tahap piawaian antarabangsa.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI[DUNGUN]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta PERDANA MENTERI menyatakan keberkesanan ESSCOM dalam menangani pencerobohan perairan di Sabah dan adakah ESSCOM telah membuat penilaian terhadap mekanisme dan sistem operasinya serta tindakan yang telah diambil oleh ESSCOM dalam menangani penambahbaikan dan langkah keselamatan bagi Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. ESSCOM telah menilai semula mekanisme operasi dan satu pelan operasi berkonsepkan "*layered responses*" telah digunakan. Pengoperasian ESSCOM akan lebih berkesan dan lebih bersistem dengan adanya penambahan segera keanggotaan dan aset termasuk penempatan serta penambahan radar yang berkualiti.
2. Langkah-langkah yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensinya penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan untuk memastikan keselamatan di Pantai Timur Sabah berada di dalam keadaan yang terkawal adalah seperti berikut:
 - i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
 - ii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
 - iii) Response Team/komuniti *policing* mengikut sektor diantara PDRM, ATM dan APMM;

- iv) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
- v) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;
- vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
- vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- viii) Pengwujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;
- ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- x) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
- xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xii) Melaksanakan pendaftaran awal "*Pump Boat*" bagi tujuan pengawalan.

Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;
- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan
- iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Sekian. Terima Kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [BACHOK]**

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Tabung Haji tidak bercadang untuk memperluaskan lagi rangkaian hotel yang memenuhi piawai syariah. Sejauh manakah sambutan masyarakat terhadap konsep hotel yang memenuhi piawai syariah ini

**JAWAPAN : (YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (*TH*) melalui anak syarikatnya, TH Hotel and Residence Sdn Bhd bercadang memperluaskan lagi rangkaian hotel yang memenuhi piawai syariah

terutamanya di tujuh (7) lokasi pelepasan jemaah haji, ianya dapat dilihat dengan pembangunan baharu rangkaian TH Hotel seperti di Sepang berhampiran KLIA dan juga Kuching, Sarawak.

Dari segi sambutan masyarakat terhadap hotel berkonsepkan patuh syariah ini, sehingga kini sambutan terhadap TH Hotel adalah amat memberangsangkan khususnya daripada agensi-agensi Kerajaan dilokasi-lokasi seperti Alor Setar, Kedah, Bayan Lepas, Pulau Pinang; Kelana Jaya, Selangor; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuala Terengganu, Terengganu.

TH Hotel and Residence Sdn Bhd akan terus menggiatkan usaha mempromosi bagi meningkatkan kesedaran dan sambutan masyarakat terhadap hotel berkonsepkan patuh syariah ini ke tahap yang lebih baik lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6872

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan bercadang mewajibkan pemeriksaan kesihatan yang asas terhadap suspek yang akan dimasukkan dalam lokap sebagai usaha memantapkan lagi pengurusan tahanan dan mengelakkan kes kematian dalam lokap.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi masalah kematian dalam tahanan dapat dikurangkan, pihak PDRM telah menyemak semula *Standard Operation Procedure* (SOP) yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baru di antaranya:-

- i) Memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri.**
- ii) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi kepada tahanan lain hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain.**
- iii) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ia nya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "*habitual*"; tahanan yang di tahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak.**
- iv) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan.**

Dari segi mewajibkan pemeriksaan kesihatan yang asas terhadap suspek yang dimasukkan ke dalam lokap merupakan satu cadangan yang baik memandangkan kebanyakan kematian dalam tahanan adalah disebabkan oleh penyakit, namun begitu ianya perlu dibuat kajian yang teliti memandangkan perkara yang berikut:-

- i) Perlu diwujudkan jawatan pegawai perubatan yang tetap di setiap lokap di seluruh negara, keadaan ini memerlukan perbelanjaan yang besar kepada Kerajaan.**
- ii) Jumlah hari bagi tahanan dimasukkan ke dalam lokap adalah tidak menentu, ianya bergantung kepada Majistret untuk membenarkan tahanan reman bagi tujuan penyiasatan. Adalah tidak praktikal bagi tahanan yang ditahan dalam masa yang singkat juga perlu dihantar untuk pemeriksaan kesihatan yang boleh membebankan pegawai perubatan di hospital.**
- iii) Terdapat juga tahanan yang ditahan secara sementara di lokap kerana gagal membayar denda di Mahkamah atau atas kesalahan syariah. Tahanan ini tidak sesuai dihantar untuk pemeriksaan kesihatan.**
- iv) Menambahkan lagi bebanan kepada pegawai penyiasat untuk menyelesaikan siasatan dengan tempoh tahanan yang terhad memandangkan maksimum tahanan reman yang adalah tidak melebihi 14 hari.**

Sebagai alternatif kepada cadangan tersebut, pihak PDRM menyediakan borang ikrar terhadap setiap tahanan untuk menyatakan penyakit yang dialaminya sebelum dimasukkan ke dalam lokap polis. Jika keadaan penyakitnya serius dan memerlukan rawatan yang berterusan seperti penyakit asma, jantung, HIV, batuk kering dan sebagainya, orang tahanan akan ditempatkan di hospital dalam tempoh siasatan dijalankan.

SOALAN (27)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]

SOALAN :-

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status dan perkembangan pembinaan pangsapuri kos rendah di Taman Pelangi Parlimen Batu yang telah lebih sepuluh (10) tahun melebihi jangka masa pembinaan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek pangsapuri kos rendah Taman Pelangi di Parlimen Batu dimajukan oleh Azrat & Hashim Sdn Bhd. Pemaju ini telah digulung pada 29 Februari 2012 dan Jabatan Insolvensi telah dilantik sebagai likuidator. Pada masa ini, projek ini telah diambilalih oleh SPK TRD Sdn Bhd pada tahun 2013 dan dalam perancangan untuk memulakan projek.

Pihak SPK TRD Sdn Bhd merancang untuk menukarkan pembangunan pangsapuri kos rendah kepada kos sederhana dan dokumen pindaan tersebut telah dihantar kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan untuk kelulusan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

DEWAN NEGARA MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) apakah langkah dan usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memberi kesedaran pada rakyat Malaysia akan fenomena perubahan iklim yang kini melanda seluruh dunia; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang mewujudkan Pelan Dasar Perubahan Iklim seperti di negara China bagi mengambil langkah pencegahan terhadap fenomena iklim tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melaksanakan program kesedaran mengenai perubahan iklim melalui kempen kesedaran alam sekitar yang diadakan dari semasa ke semasa bersama-sama agensi dan jabatan di bawah Kementerian.

Antara program-program tersebut adalah Rakan Alam Sekitar (RAS), Penerbitan brosur bertajuk *You Can Fight Climate Change Today*, Penerbitan Buku *Climate Change in Malaysia*, Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS), Penerbitan Majalah Era Hijau, Penerbitan Majalah IMPAK, Kempen "Tabiat takpa, bumi binasa", dan Pameran Alam Sekitar; dan

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Negara telah pun mempunyai Dasar Perubahan Iklim Negara yang telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 30 Ogos 2010. Dasar ini bertujuan untuk dijadikan panduan dalam mengintegrasikan isu perubahan iklim dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan dan proses membuat keputusan; menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara lestari dan pembangunan insan; serta pemuliharaan alam sekitar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL
BAHARIN BIN ABAS
(TELOK KEMANG)**

**TARIKH : 16.6.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) kebenaran laporan media Indonesia SCTV yang mendedahkan bahawa Malaysia merekrut tentera daripada kalangan rakyat Indonesia menyertai Askar Wataniah Malaysia yang bertempat di perbatasan Malaysia-Indonesia di Kalimantan; dan**

- (b) nyatakan kewajaran merekrut warga asing untuk tugas tersebut.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat utama untuk menyertai Askar Wataniah (AW) mestilah seorang warganegara Malaysia. Setiap permohonan menyertai Askar Wataniah melalui proses pemeriksaan dokumentasi melibatkan pengesahan diri kewarganegaraan. Justeru itu, permohonan yang tidak melepasi dokumentasi dan tapisan keselamatan tidak dibenarkan menyertai Askar Wataniah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Y.B. Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang telah dilakukan atau pun sedang dijalankan oleh Majlis Profesor Negara (MPN) dengan mana-mana Kerajaan Negeri.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan fungsi MPN sebagai “advokasi sosial”, maka ia ditubuhkan untuk melaksanakan dua bentuk kerjasama bersama Kerajaan Negeri, iaitu melaksanakan program Jalinan Komuniti dan sebagai “Pemikir” kepada kerajaan negeri. Program Jalinan komuniti MPN telah dianjurkan di beberapa buah negeri. Penganjurannya bermatlamat untuk memperjelaskan peranan dan kaedah MPN dalam menyumbang kepakaran dan buah fikiran kepada agenda Kerajaan Tempatan, memberi peluang kepada masyarakat mendapat perkhidmatan kepakaran secara terus daripada para profesor serta merapatkan hubungan di antara ahli akademik dengan masyarakat. Antara aktiviti yang dijalankan dalam program tersebut antaranya saringan kesihatan, ceramah, motivasi kepada pelajar dan ibubapa serta khidmat nasihat kepada masyarakat setempat berkaitan pertanian, kesihatan dan sebagainya.

Selain itu, sebagai “Pemikir Negara”, MPN turut membantu kerajaan negeri dalam menangani isu berkaitan pembangunan negeri dari aspek sosial, ekonomi dan pendidikan. Melalui Kluster Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), program Digital Ibu Tunggal Di Perlis (Jun 2012 – Disember 2013) telah berjaya diadakan.

MPN telah menjalankan projek e-usahawan dengan ibu tunggal yang merupakan satu daripada golongan yang dikenal pasti berada dalam tahap kemiskinan yang tinggi. Seramai 4 orang profesor dan 15 orang wakil pelajar ICT daripada UKM telah menjayakan program ini. Program ini memfokuskan kepada usaha untuk membawa golongan ibu tunggal keluar daripada belenggu kemiskinan. Program ini bertujuan untuk melatih dan membimbing mereka menjadi e-usahawan kecil dan sederhana. Program *outreach* kluster ICT ini merupakan projek untuk merapatkan jurang digital golongan ibu tunggal yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Kini, golongan tersebut masih mendapat khidmat nasihat dari para profesor dan agensi berkaitan. Projek tersebut dilaksanakan bersama Unit Jalinan Industri, UiTM Perlis dan Jabatan Pembangunan Wanita, Perlis. MPN bersama dengan kumpulan penyelidik Informatik Visual, UKM.

Di samping itu, Kluster ICT juga telah mengadakan program bersama UNIMAS dengan melaksanakan program *outreach* di kalangan masyarakat Penan di Sarawak. Program ini melibatkan golongan orang asli di Long Lamai, Sarawak. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengumpul, mendokumentasi dan mengorganisasi kosa kata harian bahasa kaum Penan ke dalam pangkalan data dan menterjemahkannya ke dalam Bahasa Inggeris. Sumber yang diperolehi boleh digunakan untuk kajian ilmiah dan juga dapat menyokong aktiviti pelancongan di kawasan Long Lamai.

Pangkalan data yang dibina akan ditempatkan di Ngerabit e-Lamai yang merupakan telepusat e-Bario yang pertama. Kluster juga telah mengadakan program “*outreach*” di 2 buah sekolah di dalam kawasan undangan negeri iaitu Silam dan Kunak. Program ini disasarkan kepada pelajar sekolah untuk mengasah kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritis dan menggunakan kemahiran tersebut dalam proses pembelajaran dan aktiviti harian mereka.

Pada 14 Jun 2013, MPN melalui Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan telah bekerjasama dengan kerajaan negeri Sarawak, MIGHT dan pihak swasta untuk melaksanakan Projek Hospital Terapung di Sungai Rajang. Program tersebut bertujuan untuk memperbaiki penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada penduduk masyarakat terpinggir di pedalaman serta persisir pantai. Fokus program ini untuk membina hospital di atas kapal yang dilengkapi dengan peralatan yang secukupnya untuk perkhidmatan sebagai sebuah hospital bergerak.

Kluster Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Kelestarian telah mendapat kerjasama dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) untuk menggiatkan aktiviti pelancongan di Kilim, Langkawi sekaligus mendapatkan pengiktirafan Langkawi Geopark sebagai tapak warisan dunia dari UNESCO. Di samping itu, untuk merealisasikan pembangunan alam sekitar di Negeri Johor pula, kerajaan tempatan telah mengesyorkan supaya Hutan Simpan Utara, Ayer Hitam Utara, Johor dan sumber air di bawah *Akuifer* (bekalan air

bawah tanah) dijadikan kawasan penyelidikan dan pembangunan kepada MPN.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 31

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pihak MAS akan memulakan setiap penerbangan dengan bacaan doa perjalanan, mengenakan peraturan pemakaian yang menutup aurat dan melarang hidangan minuman beralkohol.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Syarikat-syarikat penerbangan perlu mematuhi standard keselamatan antara lain termasuk perkongsian kecemasan (*emergency evacuation*) dalam tempoh masa yang ditetapkan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam dan *International Civil Aviation Organization* (ICAO). Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria seperti berikut :

- (i) pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa perkongsian kecemasan (*emergency evacuation*); dan
- (ii) keputusan komersil syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing.

Dalam hubungan ini, MAS telah memaklumkan bahawa pakaian pramugari MAS yang merupakan baju kebaya adalah mencerminkan budaya Malaysia di mana pakaian tersebut menjadi identiti *Malaysian Hospitality* yang diamalkan oleh MAS.

Kementerian Pengangkutan telah pun meminta semua syarikat penerbangan negara untuk membenarkan atau memberikan pilihan kepada pramugari beragama Islam memakai pakaian yang menepati dengan syariah Islam.

Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung dengan penjualan arak dan lain-lain minuman keras di dalam penerbangan, syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang. Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna MAS menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras.

Mengenai cadangan Yang Berhormat tentang pembacaan doa semasa memulakan perjalanan adalah merupakan satu pandangan yang baik. Sehubungan itu, pihak kementerian akan meminta pihak syarikat penerbangan di negara ini untuk mempertimbangkan cadangan ini.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]
TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)
SOALAN : Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan sejauh manakah sambutan dan kejayaan
program MyBest Buy dalam melahirkan lebih ramai usahawan
muda untuk memulakan perniagaan dan sebagai satu inisiatif
bagi membantu rakyat di bandar dalam mengurangkan kos
sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Inisiatif NBOS 10 – MyBest Buy adalah merupakan program hasil ilham YAB Perdana Menteri dalam membantu rakyat Malaysia terutama di kawasan bandar dalam mengurangkan beban kos sara hidup dan kenaikan harga barang keperluan. Matlamat MyBest Buy ini adalah menyediakan barangan segar dan runcit yang berkualiti dengan harga yang berpatutan di antara 5% hingga 20% lebih rendah daripada harga pasaran. Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu FAMA, NAFAS dan NEKMAT memainkan peranan utama dengan pengwujudan usahawan-usahawan muda yang dikenali sebagai Agropreneur Muda bagi membekalkan produk-produk ini terus kepada pengguna. Sehingga Mei 2014, sebanyak 31 lokasi telah dilaksanakan program MyBest Buy berbanding 13 lokasi pada bulan April 2014. Manakala, nilai jualan meningkat sebanyak 40% berbanding April iaitu kepada RM 114,150.00 dari hanya RM 46,212.00.

Berikut adalah merupakan status pelaksanaan program bermula April hingga Jun 2014:

Bulan	Jumlah Lokasi	Nilai Jualan Terkumpul (RM)
April	13	46,212.00
Mei	31	114,150.00
Jun	57 (Anggaran)	300,000.00 (Anggaran)

Pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merupakan agensi yang terlibat secara langsung dalam penglibatan usahawan. Oleh itu, dianggarkan seramai 486 usahawan dijangka akan terlibat dalam program ini bagi bulan Jun 2014 berbanding 227 usahawan pada April 2014 (peningkatan sebanyak 46% jumlah usahawan berbanding April 2014). Berikut merupakan jumlah usahawan yang terlibat untuk program MyBest Buy:

Bulan	Jumlah Usahawan
April	151
Mei	227
Jun	486 (Anggaran)

Kementerian ini juga ada menyediakan Kursus Keusahawanan bagi inisiatif MyBest Buy untuk peserta-peserta 1MET. Peserta 1MET ini adalah terdiri dari kalangan belia yang diterajui dan dipantau oleh Kementerian Kewangan. Tujuan kursus ini adalah untuk membantu dan membangunkan usahawan 1MET yang lebih sempurna dari segi keupayaannya bagi memenuhi permintaan pasaran kini dalam pelaksanaan program MyBest Buy. Antara kursus yang akan diterapkan kepada peserta adalah Konsep Pasar Tani, Asas Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan.

Di samping itu juga, Kementerian ini di bawah program Agropreneur Muda juga ada menyediakan bantuan kewangan untuk pembangunan usahawan tani muda dan bagi memulakan perniagaan melalui pinjaman laluan mudah melalui Agrobank dan Tekun Nasional.

Kelulusan pembiayaan oleh AgroBank untuk Agropreneur Muda adalah seperti berikut:

- a) Projek baru – sehingga RM 50,000.00
- b) Projek sedia ada – sehingga RM 300,000.00

Tekun Nasional juga dapat membantu menyediakan dana pembiayaan untuk Agropreneur Muda bagi tujuan modal perniagaan sehingga RM 100,000.00 sekiranya menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR MANSOR BIN ABD RAHMAN**
KAWASAN : **SIK**
TARIKH : **16.6.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **33**

YB Dr Mansor Bin Abd Rahman minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan antara dakwaan serius berkenaan TPP iaitu kandungan perjanjian yang akan menjejaskan kepentingan negara sebagai contoh akan menyebabkan kos ubat-ubatan meningkat dengan mendadak. Sejauh manakah kebenaran dakwaan tersebut dan apakah pendirian Kerajaan Malaysia.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Izinkan saya memberikan penerangan mengapa Malaysia menyertai rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan TPPA. Malaysia sebagai negara yang mempunyai sistem ekonomi yang terbuka amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Pada tahun 2012, jumlah perdagangan negara adalah 1.7 kali jumlah KDNK, meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang amat banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa, iaitu negara ketiga di belakang Singapura dan Hong Kong antara negara-negara Asia. Untuk memastikan eksport negara terus meningkat, segala usaha liberalisasi perdagangan yang dapat mewujudkan akses pasaran yang lebih baik kepada barangan dan perkhidmatan Malaysia di rantau ini dan global adalah disambut dengan baik. Itulah antara sebabnya Malaysia menjadi ahli WTO, ASEAN, APEC, dan pertubuhan antarabangsa yang lain serta melaksanakan 13 perjanjian perdagangan bebas sehingga kini. Malaysia juga menyertai rundingan *Regional Comprehensive Economic Cooperation* (RCEP), ASEAN-Korea FTA secara plurilateral manakala secara dua hala dalam rundingan dengan negara-negara European Free Trade Association (EFTA).

Penglibatan Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas seawal tahun 1992 dengan termeterainya ASEAN Free Trade Agreement, dengan izin, adalah berpandukan kepentingan negara bagi memastikan Malaysia mampu bersaing dalam pembangunan ekonomi dan rakyat Malaysia boleh memiliki kualiti hidup yang terbaik mampu dilaksanakan oleh kerajaan.

Pengalaman lepas telah menunjukkan bahawa Malaysia mendapat faedah daripada FTA. Sebagai contoh, sejak FTA antara China dan ASEAN pada tahun 2005, perdagangan Malaysia dengan China telah meningkat tiga kali ganda kepada RM203.2 bilion pada tahun 2013 berbanding RM67.1 bilion

pada tahun 2003. Eksport Malaysia ke China juga meningkat lebih dari tiga kali ganda kepada RM97 bilion bagi tahun 2013 berbanding RM25.8 bilion pada tahun 2003.

Tuan Yang DiPertua,

Dakwaan bahawa kandungan perjanjian TPP akan menjejaskan kepentingan negara adalah tidak. Pegawai-pegawai yang terlibat juga merundingkan perjanjian tersebut bagi pihak Kerajaan setakat mandat yang diberikan oleh Kerajaan. Dalam semua kenyataan rasmi dan sesi penerangan dan perbincangan dengan pihak berkepentingan juga, pendirian Kerajaan adalah konsisten dan jelas bahawa Malaysia merundingkan TPPA ini atas terma sendiri. YAB Perdana Menteri ketika berucap di Tokyo baru-baru ini mengesahkan bahawa Malaysia hanya akan menandatangani perjanjian yang menguntungkan negara.

Dalam Mesyuarat Menteri-Menteri yang diadakan di Singapura, Malaysia masih terus mengekalkan mandat yang diberi oleh Jemaah Menteri mengenai isu-isu di mana Malaysia mempunyai kepentingan seperti isu-isu dalam bab pelaburan (khususnya dalam Investor State Dispute Settlement – ISDS), alam sekitar, perolehan kerajaan, syarikat hak milik kerajaan – SOE dan hak harta intelek. Tidak ada kemajuan yang dicapai memandangkan sesetengah negara masih mempunyai sensitiviti yang tidak dapat ditangani. Pasukan perunding Malaysia sedang berunding untuk mendapat fleksibiliti yang diperlukan supaya kepentingan dan kedaulatan negara terjamin.

Adalah wajar supaya Malaysia terus menyertai rundingan TPP dan keputusan untuk menandatangani perjanjian ini kelak bergantung kepada analisa menyeluruh samada ianya akan mendatangkan manfaat atau sebaliknya kepada Malaysia. YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Negara TPPA di Bali, Indonesia pada 8 Oktober 2013 bahawa kandungan TPPA akan dibentangkan di parlimen untuk dibahaskan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memberikan statistik penganugerahan biasiswa Bursary Award yang menggantikan biasiswa JPA dari 2011 sehingga kini ikut negeri, gender, kaum, universiti dan bidang pengajian, serta nyatakan sama ada biasiswa ini akan diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik tahun 2012 hingga 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menawarkan Bursary yang merupakan bantuan kewangan kepada 4,439 pelajar cemerlang yang mendapat keputusan 9A+ ke atas dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Daripada jumlah tersebut, seramai 3,114 pelajar telah mengesahkan penerimaan dan mengikuti program persediaan di institusi-institusi persediaan yang ditetapkan KPM. Seramai 2,013 pelajar adalah perempuan manakala baki 1,101 pelajar adalah pelajar lelaki. Penerima Bursary bagi pelajar bukan bumiputera adalah seramai 2,398 pelajar manakala pelajar bumiputera adalah seramai 716 pelajar.

Semua pelajar Bursary KPM mengikuti salah satu daripada lima (5) program persediaan di 87 institusi-institusi persediaan yang dipilih iaitu:

- a) Seramai 2,172 orang pelajar mengikuti program persediaan A-Level dan International Baccalaureate di 17 buah Kolej Persediaan Swasta;
- b) Seramai 430 pelajar mengikuti program Asasi di 9 buah Pusat Asasi Institut Pengajian Tinggi Awam;
- c) Seramai 406 pelajar mengikuti program Matrikulasi di 12 buah Kolej Matrikulasi; dan
- d) Seramai 106 pelajar mengikuti program Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di 49 buah Sekolah Menengah seluruh Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penajaan Program Bursary Pelajar Cemerlang Lulusan SPM ini adalah bagi mengiktiraf kecemerlangan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang 9A+ ke atas dalam peperiksaan SPM. Program penajaan ini akan diteruskan sehingga terdapat perubahan dasar yang diputuskan oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]

SOALAN :-

Y.B. DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sehingga kini adakah LA21 mendapat respon yang baik daripada rakyat dan apakah pencapaiannya menepati matlamat sejak ia ditubuhkan pada bulan Mac 2000.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Di Malaysia Program LA21 telah dimulakan pelaksanaannya sejak Rancangan Malaysia ke-8 (RMK-8) iaitu pada tahun 2002 dengan melibatkan 4 buah PBT Perintis, iaitu:

- i) Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
- ii) Majlis Bandaraya Miri,
- iii) Majlis Perbandaran Kuantan dan
- iv) Majlis Daerah Kerian.

Program ini kemudiannya telah diperluaskan ke PBT bertaraf Bandaraya, Perbandaran dengan sejumlah RM2.065 juta telah diperuntukkan di bawah RMK-8 bagi tujuan ini.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-9, pelaksanaan Program LA21 kemudiannya diperluaskan ke PBT bertaraf Majlis Daerah bagi menggalakkan kesemua PBT menjalankan program tersebut. Sehingga

Disember 2010, sebanyak 117 PBT telah melaksanakan program ini dengan peruntukan sebanyak RM10.979 juta.

Bagi tahun 2011 hingga 2014, pelaksanaan program LA21 diteruskan dengan menggunakan Peruntukan Mengurus Kementerian iaitu sebanyak RM1 juta setahun. Sebanyak 50 program LA21 melibatkan 28 PBT telah dilaksanakan pada tahun 2011 dan 36 program LA21 melibatkan 28 PBT telah dilaksanakan pada tahun 2012. Bagi Tahun 2013, program LA21 dilaksanakan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dimana 36 PBT telah terlibat dalam pelaksanaannya.

Sehingga tahun 2014, sebanyak 130 PBT telah mula melaksanakan program LA21 di seluruh negara dengan penglibatan pihak swasta di PBT masing-masing. Sebahagian PBT yang masih belum menjalankan Program LA21 adalah disebabkan tiada peruntukan untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, KPKT sentiasa membantu PBT dalam memberi peruntukan LA21 di antara RM15,000 hingga RM100,000 kepada PBT yang memohon.

Antara contoh program LA21 yang telah dilaksanakan di Malaysia adalah seperti berikut:

- i) Program pemulihan dan penjagaan pantai dan sungai;
- ii) Program penanaman pokok;
- iii) Program Cegah Jenayah;
- iv) Program pembiakan semula Batu Karang;
- v) Program Composting;
- vi) Program Memperkasakan Seniman Jalanan (MY Buskers Corner);
- vii) Program Keselamatan Sosial dan Komuniti; dan
- viii) Program Gotong-royong.

Berdasarkan Kajian Penilaian Outcome Pelaksanaan Program LA21 di PBT yang dilaksanakan oleh KPKT dengan kerjasama ICU dan PBT pada tahun 2010, didapati 85.5% daripada responden yang merupakan anggota masyarakat setempat bersetuju bahawa penglibatan mereka di dalam pelaksanaan Program LA21 mampu meningkatkan aktiviti sosial dan mempercepatkan proses penyelesaian masalah perbandaran. Di samping itu, 93.8% responden daripada pihak PBT bersetuju dan menyokong penuh

pelaksanaan program LA21 di PBT kerana ia memberi kesan yang positif dalam penyelesaian isu perbandaran.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan Program LA21 menepati matlamatnya dan akan diteruskan oleh pihak Kementerian dengan kerjasama erat daripada pihak PBT.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG
TARIKH : 16 JUN 2014
SOALAN :**

YB Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **Kementerian Kesihatan** menyatakan sejauh manakah rakyat menunjukkan komitmen dan tanggungjawab dalam memerangi denggi dan apakah tahap pendidikan dan kesedaran di kalangan rakyat untuk menjaga kebersihan yang dapat membantu menangani masalah ini dengan efektif.

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen dan tanggungjawab rakyat dalam memerangi denggi dapat diukur melalui inisiatif usaha pencegahan dan kawalan denggi yang mereka laksanakan. Secara spesifiknya, komitmen mereka dalam menangani masalah wabak denggi dapat kita perhatikan melalui:

- i. Penyertaan dalam aktiviti gotong royong yang dilaksanakan;
- ii. Penglibatan dalam menubuhkan pasukan COMBI;
- iii. Kerjasama mendapatkan rawatan awal ke klinik apabila demam;
dan
- iv. Kerjasama membenarkan pemeriksaan jentik-jentik dibuat di premis mereka.

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan komitmen melalui aktiviti cari dan musnah tempat-tempat pembiakan yang dianjurkan oleh komuniti sama ada yang berskala besar atau kecil. Pada tahun 2013, didapati sebanyak 2,317 aktiviti gotong royong dilaksanakan di lokaliti-lokaliti wabak yang membabitkan penyertaan seramai 70,037 orang. Manakala sehingga pertengahan Februari tahun ini, sebanyak 776 aktiviti gotong royong telah dijalankan.

Selain itu, komitmen rakyat jelas melalui penglibatan mereka dalam menubuhkan pasukan COMBI bagi mengukuhkan program pencegahan dan kawalan denggi. Pelaksanaan program ini oleh komuniti telah menunjukkan beberapa kejayaan jika ia diamalkan secara berterusan dalam kehidupan masyarakat khususnya COMBI yang mempunyai kepimpinan yang tinggi. Sehingga Mei 2014, terdapat sebanyak 2,670 pasukan COMBI di seluruh negara.

Di samping itu, kerjasama rakyat untuk mendapatkan rawatan awal sekiranya demam juga satu lagi bukti komitmen mereka dalam pencegahan denggi. Jumlah kehadiran ke klinik dan hospital untuk mendapatkan rawatan telah meningkat dengan drastik pada awal bulan Februari hingga April lalu. Ini juga telah menyebabkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memanjangkan masa operasi beberapa buah klinik kesihatan di lokaliti-lokaliti wabak. Begitu juga dengan kerjasama baik masyarakat yang membenarkan pemeriksaan jentik-jentik dijalankan di premis mereka terutamanya di lokaliti-lokaliti wabak. Ini jelas membuktikan komitmen tinggi mereka untuk sama-sama memerangi denggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Walau bagaimanapun, komitmen dan penyertaan komuniti ini adalah berbeza mengikut lokasi. Bagi kawasan di mana penyertaan masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi yang aktif dan kepimpinan yang tinggi, ianya dapat menurunkan kes denggi di kawasan tersebut. Sebaliknya, bagi kawasan di mana masyarakat kurang mengambil kisah berkaitan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi, kes yang dilaporkan adalah tinggi.

Manakala dari segi pengetahuan, rakyat sememangnya mempunyai pengetahuan umum tentang kebersihan dan kepentingannya. Namun mereka masih kurang mengetahui maklumat spesifik seperti kaitan sampah dan pembiakan nyamuk, cara melupus sampah dengan sempurna, cara penyimpanan barangan atau peralatan lama yang masih boleh digunakan, kekerapan tindakan dan cara memohon khidmat pihak bertanggungjawab. Selaras dengan itu, usaha pendidikan kesihatan berkaitan maklumat spesifik tersebut perlu diteruskan dan ditingkatkan oleh semua pihak bagi menjamin komitmen yang berterusan di kalangan masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

**DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA
BATAS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini
penelitian persempadanan semula kawasan pilihan raya di Malaysia
untuk PRU yang akan datang. Apakah formula yang digunapakai untuk
memastikan cadangan tersebut mendapat sokongan Dewan yang mulia
ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut peruntukan perenggan (iii) Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan selepas SPRewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan

yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa peminjam dan jumlah pinjaman rumah mampu milik bawah RM 400,000 yang ditolak dan adakah skim DIBS dipulihkan untuk pembeli kali pertama ini kerana mereka tidak dapat pinjaman bank. Sekiranya tidak, kenapa dan apakah inisiatif bagi membolehkan rakyat miskin dapat pinjaman bank.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh empat bulan pertama tahun 2014, institusi perbankan telah meluluskan sebanyak 50,224 permohonan pinjaman berjumlah RM10.3 bilion bagi pembelian rumah mampu milik bawah RM400,000, manakala sebanyak 34,662 permohonan pinjaman berjumlah RM7.3 bilion telah ditolak oleh institusi perbankan dalam tempoh yang sama. Pada tahun 2013 pula, institusi perbankan telah meluluskan sebanyak 170,886 permohonan pinjaman berjumlah RM34.5 bilion bagi pembelian rumah mampu milik bawah RM400,000, manakala sebanyak 120,921 permohonan pinjaman berjumlah RM24.8 bilion telah ditolak oleh institusi perbankan dalam tempoh yang sama.

2. Secara umumnya, permohonan pinjaman rumah akan ditolak oleh institusi perbankan sekiranya pemohon tidak memenuhi syarat-syarat pinjaman yang ditetapkan seperti tiada pendapatan tetap, rekod kredit yang kurang memuaskan serta jumlah tanggungan/hutang yang tinggi. Dalam membuat penilaian terhadap sesuatu permohonan pinjaman, institusi perbankan akan menilai keupayaan membayar balik pinjaman sebelum meluluskan pinjaman tersebut. Ini bertujuan untuk mengelakkan individu dibelenggu bebanan hutang di luar kemampuan mereka.

3. Bagi melindungi bakal pembeli rumah daripada kenaikan harga rumah yang melampau di samping memelihara kestabilan pasaran harta tanah jangka panjang serta mengawal tahap keberhutangan sektor isi rumah, pihak Kerajaan telah melarang Skim Pemodalan Faedah (*interest capitalisation scheme*) yang juga merangkumi *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) sejak November 2013. Langkah ini juga bertujuan untuk memastikan harga rumah yang dibeli akan lebih mencerminkan harga penilaian sebenar rumah tersebut serta mengekang aktiviti spekulasi dalam pasaran harta tanah dengan menaikkan kos kemasukan bagi pembeli spekulator. Buat masa ini, pihak Kerajaan tidak bercadang untuk memulihkan skim DIBS.

4. Sejalan dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan Rakyat Malaysia memiliki rumah sendiri, pihak Kerajaan telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Bhd (SJKP) pada tahun 2008 untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan tidak mempunyai penyata pendapatan untuk mendapat kemudahan kewangan bagi pembelian rumah kediaman mereka.

5. SJKP menyediakan jaminan kemudahan kewangan untuk pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan bagi tujuan pembelian rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM100,000 ke bawah. Setakat bulan Mac 2014, sebanyak 3,684 pemohon telah mendapat jaminan bagi kemudahan kewangan yang diberikan oleh institusi perbankan yang menyertai skim SJKP ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6873

SOALAN:

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah kes yang melibatkan penderaan dan pembunuhan bayi mengikut negeri dan juga jumlah kes yang sudah serta masih belum selesai; dan
- (b) apakah tiga (3) punca yang popular menyumbang kepada masalah di atas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), kematian dan kecederaan terhadap kanak-kanak akibat daripada penderaan dan kecuaiian oleh ibubapa, penjaga, pengasuh telah menunjukkan peningkatan sejak tahun 2011 sehingga 2013. Fenomena ini akan terus meningkat jika tiada kesedaran dan tindakan yang berkesan diambil bagi membendung gejala ini terus berlaku.

Statistik kertas siasatan yang dibuka, yang dituduh dan masih dalam siasatan atas kesalahan penderaan fizikal kanak-kanak mengikut kontinjen pada tahun 2011, 2012 dan 2103 seperti berikut:-

KONTINJEN	2011			2012			2013		
	KERTAS SIASATAN			KERTAS SIASATAN			KERTAS SIASATAN		
	DIBUKA	TUDUH	BELUM SELESAI	DIBUKA	TUDUH	BELUM SELESAI	DIBUKA	TUDUH	BELUM SELESAI
PERLIS	1	0	1	4	3	1	2	0	2
KEDAH	10	4	6	8	1	7	15	1	14
P.PINANG	28	6	22	25	4	21	11	2	9
PERAK	3	2	1	12	1	11	18	1	17
SELANGOR	54	13	41	66	12	54	67	16	51
K.LUMPUR	23	2	21	19	2	17	24	4	20
N.SEMBILAN	17	2	15	24	1	23	37	1	36
MELAKA	14	6	8	13	7	6	13	1	12
JOHOR	41	5	36	66	2	64	45	1	44
PAHANG	8	3	5	9	1	8	13	1	12
TERENGGANU	6	1	5	4	1	3	13	2	11
KELANTAN	6	1	5	10	1	9	7	3	4
SABAH	21	7	14	10	4	6	13	1	12
SARAWAK	10	6	4	15	3	12	17	1	16
JUMLAH	242	58	184	285	43	242	295	35	260

Statistik kertas siasatan bagi kes pembuangan bayi sehingga menyebabkan kematian bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 mengikut kontinjen seperti berikut:-

KONTINJEN	2011		2012		2013	
	KERTAS SIASATAN		KERTAS SIASATAN		KERTAS SIASATAN	
	DIBUKA	KESALAHAN	DIBUKA	KESALAHAN	DIBUKA	KESALAHAN
SELANGOR	1	SEK.309A KK	1	SEK 309A KK		
SARAWAK	2	SEK.302 KK			1	SEK 302 KK
JOHOR			2	SEK.302 KK SEK.304B KK		
PERLIS			1	SEK.302 KK		
MELAKA					1	SEK 302 KK

Statistik kes penderaan fizikal terhadap kanak-kanak sehingga menyebabkan kematian bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 mengikut kontinjen seperti berikut:-

KONTINJEN	2011	2012	2013
KEDAH	0	1	0
P/PINANG	0	1	0
PERAK	0	1	1
SELANGOR	0	1	1
K/LUMPUR	0	1	0
N/SEMBILAN	0	0	1
MELAKA	1	0	0
JOHOR	2	2	0
TERENGGANU	1	0	0
KELANTAN	0	0	1
J U M L A H	4	7	4

Bagi menjawab soalan (b), banyak faktor yang dikenalpasti menyebabkan kecederaan, kematian serta pembuangan bayi berlaku di negara ini. Antara 3 faktor penyumbang kepada jenayah ini seperti berikut:-

- i) Panas Baran**
- ii) Dibawah pengaruh Dadah dan Alkohol**
- iii) Anak luar nikah**

Perlindungan kanak-kanak merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Akta Kanak-kanak 2001. Dasar ini memberi tumpuan kepada aspek advokasi, pencegahan, khidmat sokongan dan pemyelidikan dan pembangunan bagi melindungi kanak-kanak.

Secara khususnya, Dasar Perlindungan Kanak-kanak bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Dasar ini juga menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak, termasuk setiap anggota masyarakat dalam melindungi kanak-kanak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
(TITIWANGSA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) apakah status pembinaan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Mini Keramat Mall; dan

(b) bilakah tarikh sebenar ia akan beroperasi.

JAWAPAN

a) Kementerian Kewangan dan DBKL telah pun menubuhkan Pasukan Pelaksana Mini UTC Keramat bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan lancar. Pembinaan UTC Keramat bermula pada bulan Jun

.2014 dan dijangka akan mengambil masa selama 6 minggu.

b) Mini UTC Keramat dijadualkan beroperasi pertengahan bulan Ogos 2014.

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG [SIBUTI]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah persiapan Kementerian dalam menghadapi ancaman El Nino yang dijangka melanda Malaysia dari segi ancaman kepada kesihatan rakyat, ancaman kekurangan bekalan air dan ancaman kepada tanaman serta keadaan kemarau di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air dan sektor-sektor yang berkaitan di seluruh negara, sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Jawatankuasa tersebut juga akan membincangkan mengenai kesan fenomena El Nino terhadap sektor-sektor lain dan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkan kesannya kepada sektor-sektor tersebut.
2. Bagi menghadapi fenomena El Nino yang dijangka bermula pada pertengahan tahun ini, beberapa langkah persediaan telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri terutamanya bagi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mengalami krisis air yang meruncing akibat cuaca panas dan kering pada awal tahun ini. Antaranya ialah operasi pembenihan awan untuk meningkatkan simpanan air mentah di empangan-empangan, mengepam air sungai ke kolam atau tasik sebagai simpanan untuk kegunaan semasa cuaca panas dan kering,

meneroka penggunaan air bawah tanah dan menyalurkan air mentah dari Sungai Semantan, Pahang melalui terowong Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor ke Sungai Langat.

3. Selain tindakan yang diambil oleh Kerajaan, kerjasama semua pihak juga amat penting untuk menghadapi fenomena El Nino ini. Oleh itu, saya menyeru para pengguna untuk membudayakan penggunaan air secara berhemat. Pengguna-pengguna industri pula disarankan untuk mengambil langkah-langkah alternatif yang boleh mengurangkan impak krisis air seperti menggunakan air bawah tanah, mengitar semula air, menggunakan kelengkapan cekap air dan meningkatkan kapasiti tangki simpanan air masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN
DATU MANSUR
KAWASAN : SILAM
TARIKH 16.6.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN : 42

SOALAN:

YB. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kebersamaan Malaysia dalam negara Asian telah memberi impak positif terhadap ekonomi negara, sejauh mana potensi pertumbuhan ekonomi negara ASEAN akan dapat berkembang dan mampu menjadi kuasa besar ekonomi baru.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

1. ASEAN telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 dalam persekitaran politik, keselamatan dan ekonomi yang mencabar. Tempoh hampir lima dekad sehingga kini menyaksikan ASEAN telah melalui pelbagai fasa dan perubahan. Bermula dengan hanya lima negara anggota pengasas iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand, keanggotaan ASEAN telah diperkukuhkan lagi dengan penyertaan lima buah negara iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan juga Viet Nam. Dalam konteks ekonomi, cabaran paling utama mendepani ASEAN adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan dan tahap kemajuan disebabkan latar belakang ekonomi yang amat berbeza.

2. Dalam usaha berterusan membawa kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan di rantau ini, Negara-negara anggota ASEAN perlu bertindak progresif seiring dengan perkembangan di arena antarabangsa. Kesedaran ini diterjemahkan menerusi *ASEAN Vision 2020* pada tahun 1997 yang akan memperkukuhkan kesatuan dan kesejahteraan ASEAN dengan penubuhan Komuniti ASEAN menjelang 2020. Gagasan Komuniti ASEAN ini merangkumi tiga tunggak utama iaitu, Komuniti Politik-Keselamatan, Komuniti Ekonomi dan Komuniti Sosio-Budaya. Keyakinan tinggi dan sokongan Pemimpin-pemimpin ASEAN terhadap pembentukan Komuniti ASEAN ini adalah jelas apabila pada tahun 2007, Negara-negara anggota ASEAN bersetuju penubuhan Komuniti ASEAN dipercepatkan kepada tahun 2015.

3. Penubuhan Komuniti ASEAN dicartakan di bawah sebuah *Roadmap* dan pelaksanaan ketiga-tiga tunggaknya adalah menerusi Pelan Tindakan yang telah dirancang. Rancangan kepada pembentukan Komuniti ASEAN adalah satu titik tolak dan tindakan yang amat signifikan kepada usaha ASEAN untuk menjadi sebuah pertubuhan yang dinamik dan komprehensif.

4. ASEAN juga sepakat bahawa ekonomi merupakan komponen yang penting untuk menjana kemajuan dan pertumbuhan bagi rantau ini. Dalam konteks ini, pelbagai pendekatan dan strategi telah diatur dan dirumuskan dengan sebaik mungkin di bawah Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community Blueprint*). Antara lain, Pelan Tindakan ini merangkumi elemen bagi merapatkan tahap kemajuan Negara-negara anggota ASEAN agar kemakmuran dapat dikecapi bersama. Komuniti Ekonomi ASEAN berusaha untuk menjadikan rantau ini sebagai satu pasaran dan pusat pengeluaran tunggal di mana aktiviti perdagangan dan pelaburan akan menjadi lebih mudah dan lancar serta mencapai kecekapan kos. Justeru, kebersamaan Negara-negara Anggota ASEAN dalam aspek ekonomi adalah sangat penting bagi menyediakan peluang pasaran dan juga menjana peluang pekerjaan untuk 620 juta penduduk ASEAN. Ini secara langsung membuka banyak peluang kepada aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

5. Mekanisme penggalakan aktiviti perdagangan dan pelaburan antara Negara-negara anggota ASEAN, termasuklah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau *ASEAN Free Trade*

Area (AFTA) dan Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN atau *ASEAN Comprehensive Investment Agreement (ACIA)*, telah dirumuskan berdasarkan latar belakang negara-negara anggota agar pertumbuhan dan peluang yang dinikmati adalah samarata dan adil.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Kesiapan ASEAN untuk menambahbaik lagi sistem dan persekitaran ekonomi yang sedia ada telah menjadikan rantau ini lebih aktif iaitu dengan memberi fokus kepada pasca 2015, selepas tercapainya Komuniti ASEAN. Untuk menjadi sebuah kuasa ekonomi yang baru, rantau ASEAN perlu memperhebatkan usaha dan memperdalamkan lagi integrasi ekonomi serantau. Kesungguhan dan komitmen negara-negara anggota ASEAN yang berterusan adalah amat kritikal untuk memastikan bahawa misi dan visi untuk tahun 2015 dan juga pasca 2015 berjaya dicapai. Pelbagai elemen penting seperti fasilitasi perdagangan, ASEAN *Connectivity*, produktiviti, inovasi dan teknologi serta mempertingkatkan penglibatan ASEAN dalam rangkaian ekonomi global perlu diformulasikan oleh negara-negara anggota untuk menghadapi persediaan dan cabaran pasca 2015.

7. Untuk lebih maju di peringkat global, hubungan ekonomi luar ASEAN terus diperhebatkan lagi. ASEAN kini dalam rundingan untuk memeterai perjanjian perdagangan yang baru, iaitu Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership – RCEP*) yang bakal mewujudkan akses pasaran sejumlah 3.4 billion orang dan

mewakili 43.9 peratus daripada jumlah dagangan dunia. Perjanjian ini juga disasarkan untuk dimuktamadkan pada tahun 2015. Di samping itu, ASEAN juga akan terus meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan dengan kuasa-kuasa besar ekonomi dunia agar potensi ASEAN sebagai sebuah rantau yang berdaya saing dapat dicapai. Ini akan memastikan rantau ASEAN menjadi lebih dinamik, berdaya tahan, kondusif dan komprehensif supaya peranan yang dimainkan oleh rantau ini sebagai pusat, pemudahcara serta destinasi utama perdagangan dan pelaburan antarabangsa dapat diperkembangkan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 16 JUN 2014 [ISNIN]

SOALAN : 43

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan secara terperinci sebab pihak **Kerajaan tidak menggunakan penyembur nyamuk AEDES** yang dicipta dan dihasilkan oleh saintis tempatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua

Ingin diperjelaskan di sini bahawa MOSTI merupakan kementerian yang terlibat untuk bersama-sama cuba mengenal pasti alternatif bagi memerangi AEDES dan DENGGI melalui penyelidikan dan pembangunan. Dalam hubungan ini MOSTI telah menyediakan dana penyelidikan melalui Dana Sains dan Dana Pra-Pengkomersilan. Mengenai soalan Yang Berhormat yang meminta Kerajaan memberi sebab kenapa tidak menggunakan penyembur nyamuk AEDES yang dicipta dan dihasilkan oleh saintis tempatan, saya ingin menjelaskan bahawa di bawah RMKe-9, MOSTI telah membiayai satu projek penyelidikan menghasilkan **bahan penyembur nyamuk berasaskan**

ekstrak sirih lada (*Piper aduncum*) oleh penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini bagaimanapun hanya di peringkat makmal dan diuji di lapangan. Justeru penyembur ini masih belum bersedia untuk digunakan bagi memerangi nyamuk aedes kerana kegunaan penyembur ini adalah terhadap kepada penggunaan isi rumah sahaja (*household space spray*). Penghasilan bahan penyembur ini juga masih di peringkat percubaan, dalam kuantiti yang terhad dan memerlukan kajian lanjut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN [BUKIT KATIL]
TARIKH : 16 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan samada Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf Hospital Besar Melaka serta peratus kadar penghunian di wad hospital itu bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Mei 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan masalah kesesakan yang dihadapi oleh hospital-hospital Negeri seluruh Negara termasuk Hospital Melaka. Buat masa ini, KKM sedang mengkaji beberapa opsyen bagi mengatasi masalah kesesakan di Hospital Melaka termasuk cadangan pembinaan hospital baru (tambahan) ataupun menaiktaraf hospital sedia ada untuk dikemukakan sebagai salah satu projek keutamaan di dalam RMK-11. Walau bagaimanapun, cadangan pembangunan Hospital Melaka ini juga perlu diselaras berdasarkan kemampuan kewangan Kerajaan.

Peratus kadar penghunian / BOR (*Bed Occupancy Rate*) di Hospital Melaka bagi tahun 2013 adalah 84.62 peratus. Purata BOR dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Mei 2014 adalah 81.71 peratus.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI

TARIKH: 16 JUN 2014

SOALAN:

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada benar BENA Collage yang diasaskan oleh Thomas Leong telah membuka pejabatnya di Tingkat 7 Wisma HRDF dan telah diberikan kontrak untuk menjalankan program Recognition of Prior Learning (RPL).

PR-1322-L63056

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. BENA, atau nama penuhnya Bengkel Niaga Ala-Cina, tidak pernah membuka pejabat di bangunan PSMB sebaliknya kehadiran mereka adalah sekadar membantu Jawatankuasa Peningkatan Kemahiran Kebangsaan (*National Up-skilling Committee, NUC*), iaitu *secretariat* kepada program RPL ini.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tuan Chong Chieng Jen
[Bandar Kuching]**

TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 46

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah sebab projek pembinaan Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Seksyen C Fasa 3, Pakej B & C, Jalan Song/Sg.Yong, Kapit Sarawak yang pada awalnya dipelawa secara tender terbuka ditukarkan kepada tender terhad walaupun ramai kontraktor telah mengemukakan tender mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, arahan agar projek pembinaan Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Seksyen C Fasa 3, Pakej 2 & 3, Jalan Song/Sg. Yong, Kapit, Sarawak yang telah diiklankan untuk tender terbuka dibatalkan dan dilaksanakan secara tender terhad adalah kerana projek ini perlu dilaksanakan segera dan memerlukan kontraktor yang mempunyai prestasi memberangsangkan dari segi keupayaan teknikal, kewangan dan pengalaman.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan syarikat penerbangan Malaysia(MAS) mengalami kerugian teruk RM4.5 billion dalam tempoh 3 tahun, apakah rancangan Kerajaan untuk menjaga masa depan syarikat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) mula mencatatkan kerugian pada tahun 1997 dengan kerugian selepas

cukai sebanyak RM259.9 juta dan kerugian berkenaan terus meningkat kepada RM835.6 juta pada tahun 2001, kesan daripada kemelesetan ekonomi dunia pada masa tersebut. MAS kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2002 hingga 2004 setelah melaksanakan penyusunan semula melalui *Widespread Assets Unbundling* (WAU). Walau bagaimanapun, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM1.25 bilion pada tahun 2005 dan RM133 juta pada tahun 2006 disebabkan kenaikan harga bahan api di pasaran dunia. Bagi memulihkan kedudukan kewangannya, MAS telah melaksanakan beberapa strategi dan program merangkumi Pelan Pemulihan Perniagaan (Business Turnaround Plan 1 - BTP1) pada Februari 2006 dan BTP2 pada Januari 2008. Susulan pelaksanaan strategi berkenaan, MAS berjaya mencatatkan keuntungan mulai tahun 2007 sehingga 2010.

MAS kembali mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dengan kerugian bersih sebanyak RM2.52 bilion disebabkan kelembapan pasaran industri penerbangan global terutamanya bagi perkhidmatan kargo dan juga peningkatan kos operasi merangkumi kos bahan api dan kos bukan bahan api seperti peruntukan pemulangan pesawat, peruntukan susut nilai

pesawat kargo dan peruntukan stok usang. Melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik di bawah pelan perniagaannya yang komprehensif, MAS telah berjaya memulihkan prestasi kewangan syarikat dengan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM431 juta pada tahun 2012 berbanding RM2.52 bilion pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, MAS telah mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 10% kepada RM15.1 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun 2012 berikutan peningkatan jumlah trafik penumpang. Walau bagaimanapun, MAS masih mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM1.174 bilion. Kerugian ini disebabkan peningkatan kos bahan api, kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding US Dolar (*Forex Loss*) dan kos pemulangan pesawat.

Untuk tempoh suku pertama tahun 2014, MAS mencatatkan kerugian sebanyak RM443 juta berbanding kerugian RM279 juta pada suku tahun pertama 2013. Lebihan kapasiti pasaran menyebabkan tekanan kepada struktur kadar tambang dan mengurangkan hasil syarikat.

Walaupun MAS telah mencatatkan kerugian pada tahun 2013 dan suku

pertama tahun 2014, syarikat penerbangan nasional ini terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang. Berdasarkan Pelan Perniagaan syarikat, MAS terus memberi tumpuan kepada inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga yang kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain. Strategi ini telah berjaya meningkatkan faktor muatan penumpang dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan operasi syarikat.

Selain itu, jaringan perkhidmatan penerbangan MAS dikukuhkan lagi dengan penyertaannya dalam gabungan Oneworld Alliance mulai 1 Februari 2013. Melalui gabungan ini, MAS dijangka dapat meningkatkan

jumlah penumpang menerusi trafik tambahan daripada ahli oneworld yang lain dengan peluasan rangkaian hubungan yang ditawarkan ke lebih 800 destinasi di 150 negara berbanding rangkaian perkhidmatan MAS sedia ada hanya ke 60 destinasi. Penyertaan MAS dalam Oneworld Alliance telah menyumbang kepada peningkatan faktor muatan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membincangkan isu kerugian MAS dan telah memutuskan supaya Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan mengesyorkan kepada Kerajaan opsyen-opsyen penyelesaian terbaik.

Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Pada masa ini, kajian ke atas MAS sedang dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi

membolehkan hala tuju MAS ditentukan.

NO. SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah perbelanjaan serta dana yang diperoleh semasa lawatan Presiden Amerika Syarikat Barrack Obama ke Malaysia tempoh hari.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bersempena dengan Lawatan Negara Presiden Amerika Syarikat ke Malaysia pada 26 hingga 28 April 2014 perbelanjaan keseluruhan yang terlibat adalah sebanyak RM414,088.75. Perbelanjaan ini termasuklah perbelanjaan ke atas kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada delegasi yang mendapat Taraf Tetamu Kerajaan serta liputan keselamatan yang diberikan.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dr. Haji Izani bin Haji Husin
[Pengkalan Chepa]**

TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 49

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Jalan Kedai Buloh ke Jalan Pantai Kundor bagi membolehkan perkhidmatan pengangkutan awam (bas) beroperasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian tiada menerima sebarang permohonan untuk menaik taraf Jalan Kedai Buloh ke Jalan Pantai Kundor bagi membolehkan perkhidmatan pengangkutan awam (bas) beroperasi.

Walaupun, pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menjalankan siasatan tapak dan membuat anggaran kos bagi tujuan permohonan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan oleh UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
(TEBRAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memasukkan buku-buku teks institusi-institusi pendidik ke dalam senarai barang-barang yang sifar GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Senarai lengkap barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan telah diumumkan semasa pembentangan

Bajet 2014 yang lalu. Pada masa yang sama Kerajaan juga telah memaklumkan jenis barang dan perkhidmatan tersebut melalui program penerangan dan publisiti yang dijalankan secara menyeluruh di seluruh negara. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan senarai ini dapat disebar luas melalui pelbagai media sebagai rujukan kepada orang ramai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada barang-barang yang telah diumumkan dalam Bajet 2014, Kerajaan sedang meneliti cadangan pelbagai pihak supaya beberapa barangan tertentu seperti buku teks dimasukkan ke dalam senarai barang yang sifar GST. Bagi petrol dan diesel, GST akan dikenakan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa pelajar-pelajar sekolah rendah terpaksa menderita menggalas beg yang berat ke sekolah saban hari, ekoran terdapat beberapa buku untuk satu subjek iaitu buku teks, buku kerja dan buku tulis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak tiga (3) kajian yang berkaitan telah dibuat pada tahun 2000, 2008 dan 2010. Dapatan daripada semua kajian menunjukkan bahawa peratus berat buku teks sahaja adalah di antara 3.21% hingga 7.60% berbanding berat badan murid. Berat beg yang berlebihan adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain selain buku teks iaitu murid membawa buku tidak mengikut jadual waktu harian, membawa buku rujukan swasta, membawa buku tulis yang berlebihan daripada yang diperlukan, membawa pakaian lain seperti pakaian sukan dan pakaian untuk ko-kurikulum, dan membawa botol minuman/makanan. Walau bagaimanapun, peratus ini di bawah 15% iaitu peratus berat paling maksimum yang dicadangkan oleh pertubuhan antarabangsa.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi beban beg berat adalah :

- Menyediakan buku teks secara berjilid untuk membolehkan murid membawa bahagian buku yang perlu sahaja

- Pelaksanaan jadual waktu anjal
- Mengurangkan bilangan buku tulis yang berlebihan daripada yang diperlukan
- Mengurangkan bilangan buku rujukan swasta.
- Mengehadkan saiz botol minuman/makanan
- Mengehadkan murid membawa pakaian lain. Contohnya membenarkan murid memakai pakaian sukan sepanjang hari yang berkaitan
- Pemantauan secara berkala oleh Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak Kementerian untuk menaikkan gaji anggota bomba. Ini kerana anggota bomba juga merupakan sebuah agensi yang penting dalam menjaga kelestarian negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang Kementerian tiada perancangan untuk mengemukakan sebarang semakan semula tangga gaji anggota bomba kepada agensi-agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Walau bagaimanapun, sehingga kini anggota bomba telah menikmati beberapa kali penambahbaikan dan kenaikan kadar mata gaji. Secara khususnya, melalui perubahan Skim Perkhidmatan Bomba mulai 01.01.2006, anggota bomba telah mendapat penambahbaikan struktur dan mata gaji dengan menaiktaraf kelayakan masuk minima iaitu daripada SRP/PMR ke SPM serta penggabungan dan pewujudan lapisan baru gred .

Dalam perubahan skim ini, anggota bomba mendapat 2 kali pergerakan gaji yang mana menjadikan gaji semasa yang lebih tinggi. Perbandingan mata gaji semasa Sistem Saraan Malaysia dengan perubahan Skim Perkhidmatan Bomba adalah seperti berikut :-

Gred Lantikan	Mata Gaji SSM	Mata Gaji Skim Baru
KB41	P1 T1 – T22 RM1,480.70 – RM3,471.91	P1 T1 – T27 RM1,480.70 – RM4,077.36
KB29	P1 T1 – T22 RM1,182.65 – RM2,433.79	P1 T1 – T22 RM1,207.00 – RM2,458.14
KB17	P1 T1 – T24 RM662.35 – RM1,741.67	P1 T1 – T24 RM662.35 – RM1,741.67
KB11	P1 T1 RM549.82	

Selepas perubahan skim ini, Kerajaan telah melaksanakan kenaikan gaji kepada semua penjawat awam termasuk anggota bomba melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2007 sebanyak 7.5 hingga 35 % mengikut

kumpulan jawatan. Dengan peningkatan ini telah menjadikan gaji minima anggota bomba menjadi sebanyak RM827.94. Gaji anggota bomba juga turut disemak semula oleh Kerajaan pada tahun 2012 dan telah diberi kenaikan gaji sebanyak 13% melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012. Kenaikan sebanyak 13% ini telah menjadikan gaji minima anggota bomba sebanyak RM935.57.

Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 36 Tahun 2013 yang berkuatkuasa mulai 1 November 2013, struktur Jadual Gaji Minima Maksima (JGMM) anggota bomba turut ditambahbaik dengan berdasarkan prinsip-prinsip seperti berikut :-

- i. Penambahbaikan struktur gaji mengikut prinsip kadar upah mengikut kerja dan kelayakan masuk yang diperlukan, serta prinsip relativiti dan pariti;
- ii. Gaji maksimum tertentu dalam JGMM diperkemas bagi menampung prinsip penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat;

- iii. Seterusnya, gaji maksimum ditambah sebanyak dua (2) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi membolehkan pegawai menikmati Pergerakan Gaji Tahunan (PGT); dan
- iv. Amaun gaji minimum dan maksimum dalam JGMM dibundarkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING]
TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)**

TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan menetapkan harga gula di tahap RM2.80 per kilogram sedangkan harga pasaran antarabangsa gula sejak 2 tahun yang lalu adalah pada harga purata RM1.40 per kilogram.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan menetapkan harga runcit bagi gula bertapis kasar pada RM2.84 per kilogram bermula 26 Oktober 2013. Walaupun harga pasaran antarabangsa adalah rendah daripada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan, bekalan gula masih lagi dibekalkan oleh empat pengilang iaitu Malayan Sugar Manufacturing Company Berhad (MSM), Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR), Gula Padang Terap (GPT) dan Kilang Gula Felda Perlis (KGFP). Kesemua pengilang ini masih terikat dengan kontrak pembelian gula tidak bertapis dari pembekal luar negara menerusi *Long Term Contract* (LTC) bagi tempoh 2012-2014.

LTC ini dilaksanakan setiap 3 tahun bagi memastikan bekalan gula dalam negara adalah mencukupi dan pada harga yang stabil. Tujuan LTC ini adalah untuk melindungi negara daripada sebarang perubahan luar jangka (*volatility*) di dalam pasaran komoditi gula antarabangsa yang boleh mengganggu bekalan gula negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan adakah Kerajaan Malaysia telah menggunakan kesempatan untuk membangkitkan isu berkaitan pembunuhan dan penindasan terhadap etnik Islam Rohingya, Myanmar dalam mana-mana sesi semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-24 yang berlangsung di Myanmar baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai mana yang Dewan yang Mulia ini sedia maklum, semasa berlangsungnya sidang kemuncak ASEAN yang Ke-24 di Nay Pyi Taw, Myanmar, Malaysia dan negara-negara jiran ASEAN tidak membangkitkan isu berkaitan etnik Islam Rohingya oleh sebab ianya tidak termasuk dalam agenda persidangan tersebut.

2. Campurtangan negara-negara ASEAN dalam hal ehwal dalaman Myanmar boleh ditafsirkan sebagai mengenakan tekanan politik ke atas Myanmar dan ia akan merumitkan lagi keadaan. Sebagai ahli rakan ASEAN, Malaysia menghormati integriti wilayah dan kedaulatan Myanmar. Ini juga selaras dengan dasar tidak campur tangan dalam urusan dalaman mana-mana negara anggota ASEAN. Malaysia percaya bahawa Kerajaan Myanmar sedang cuba menyelesaikan isu ini dengan cara yang terbaik dan adil kepada semua masyarakat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jelaskan mekanisme pemantauan pelaksanaan Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung yang dilancarkan Kementerian dalam bulan Jun 2012 dan sehingga kini berapa bilangan syarikat yang didapati bersalah melanggar Kod Etika tersebut dan bentuk hukuman yang dikenakan.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung telah dilancarkan pada 14 Jun 2012 yang memberi penekanan kepada lima (5) aspek seperti berikut:-

- i) etika dan tatacara terhadap pengguna;
- ii) etika dan tatacara terhadap penjual langsung/pengedar/agen;
- iii) etika dan tatacara antara syarikat;
- iv) etika dan tanggungjawab syarikat; dan
- v) etika dan tatacara penguatkuasaan.

Pemantauan pelaksanaan Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung dibuat dengan menubuhkan Jawatankuasa Pentadbir Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung yang akan mengawal selia fungsi Pentadbir Kod dan membincangkan isu-isu semasa pematuhan industri terhadap kod yang disediakan serta penyelesaian aduan.

Sehingga kini tiada syarikat yang didapati bersalah kerana melanggar Kod Etika tersebut memandangkan tiada aduan yang memerlukan campur tangan Pentadbir Kod kerana telah diselesaikan di peringkat syarikat jualan langsung itu sendiri. Berdasarkan semakan Kementerian ini, kebanyakan syarikat-syarikat jualan langsung turut mempunyai Kod Etika masing-masing.

Syarikat-syarikat yang didapati bersalah akibat pelanggaran tatacara kod etika ini boleh dikenakan tindakan yang akan ditentukan oleh Pentadbir Kod Etika dan Tatacara Jualan Langsung termasuklah penamatan kontrak atau hubungan antara pengedar/agen dengan syarikat itu, pemulangan bayaran, pengeluaran amaran kepada syarikat atau pengedar/agennya, atau lain-lain tindakan yang berpatutan serta membuat pengumuman mengenai tindakan yang telah diambil.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]**
TARIKH : **16.6.2014**
SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian untuk meningkatkan kualiti graduan daripada ratusan universiti dalam negara yang sekarang ini berada pada kedudukan ke-52 daripada 65 negara berdasarkan ujian PISA (*Programme for International Student Assessment*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Programme for International Student Assessment* (PISA) merupakan salah satu kayu pengukur peringkat antarabangsa yang mengukur kebolehan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, terutamanya dalam matematik, sains dan bacaan. Bagi meningkatkan prestasi murid-murid dalam mata pelajaran Matematik dan Sains serta kebolehan membaca, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang dan akan menjalankan pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang. Antaranya ialah :

- a) Kurikulum mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) akan memberi lebih perhatian kepada penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

- b) Taklimat Literasi Bacaan PISA untuk guru-guru Tingkatan 3 yang mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia akan diadakan mulai bulan Mei-Jun 2014.
- c) Murid juga menduduki *Mocktest* PISA dan menggunakan modul yang telah dihasilkan agar mereka biasa dengan format soalan PISA.
- d) Sebagai langkah jangka panjang, guru sains dan matematik dilatih untuk mengajar menggunakan kaedah inkuiri dan kaedah penyelesaian masalah yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid.
- e) Buku Panduan 2 Literasi Bacaan PISA dalam kedua-dua bahasa sedang dibangunkan dan akan dimuat naik ke laman web Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM untuk membantu guru dan murid lebih memahami PISA.

Manakala dalam usaha mewujudkan pengajian tinggi yang berkualiti, Kerajaan telah melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Framework, MQF) pada akhir tahun 2007. Selaras dengan peranannya sebagai tempat rujukan kualiti pengajian tinggi, MQF memberikan penekanan kepada pendidikan berlandaskan hasil pembelajaran. Semakan kurikulum institusi pengajian tinggi (IPT) juga sentiasa dibuat agar kurikulum yang disediakan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi aspirasi negara. Semakan kurikulum dilaksanakan selepas kohort pertama pelajar bergraduat atau sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan memenuhi kehendak pasaran dan pemegang taruh. Penambahbaikan akan dilaksanakan selepas semakan semula bagi memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti dan menepati objektif program.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6989

SOALAN:

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kemalangan jalan raya yang melibatkan kenderaan pengangkutan awam yang berlaku pada tahun 2012 dan 2013 mengikut bulan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kemalangan jalan raya yang melibatkan pengangkutan awam yang berlaku pada tahun 2012 dan 2013 termasuk teksi seperti berikut:-

BULAN	2012	2013
JAN	1,516	1,920
FEB	890	1,802
MAC	1,011	1,964
APR	1,080	1,778
MEI	984	1,712
JUN	1,442	1,876
JUL	1,952	2,016
OGOS	1,857	1,822
SEPT	1,404	1,771
OKT	1,631	1,784
NOV	1,623	1,744
DIS	1,606	1,585
JUMLAH	16,996	21,774

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN:

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah pendirian Kerajaan yang sebenar terhadap hak asasi manusia; dan
- (b) bagaimana hak asasi manusia mengancam agama Islam.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Komitment kerajaan terhadap isu hak asasi manusia adalah sangat jelas dan ini dapat dilihat melalui pelantikan seorang Menteri yang bertanggungjawab terhadap isu hak asasi manusia iaitu Datuk Paul Low Seng Kuan, penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

(SUHAKAM), penglibatan Kerajaan dalam ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR) dengan memainkan peranan dalam merangka Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN, sokongan Kerajaan kepada badan-badan serantau seperti Forum Asia Pasifik (APF), yang merupakan salah satu daripada rangkaian institusi hak asasi manusia yang wujud di seluruh dunia, keahlian di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam Majlis Hak Asasi Manusia, penglibatan Kerajaan sebagai tentera pengaman bagi PBB yang terlibat dalam usaha pengaman dan penyelamatan di beberapa negara bergolak termasuklah menyelamatkan tentera Amerika Syarikat dalam kejadian "Black Hawk Down" di Somalia dan penerimaan Malaysia terhadap Deklarasi Kaherah mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam yang diperkenalkan oleh OIC.

Komitmen kerajaan dalam isu hak asasi adalah sesuatu yang berterusan termasuklah menglibatkan diri dalam proses Semakan Berkala Sejangat (UPR) di mana rekod hak asasi manusia Malaysia dan pelaksanaan cadangan negara-negara anggota PBB mengenai isu-isu hak asasi dinilai. Saranan dan cadangan ini merupakan satu elemen yang sangat penting kepada Malaysia sebagai salah satu negara yang terlibat dalam komuniti antarabangsa dan juga dalam bidang hak asasi manusia.

(b) Islam menitik beratkan hak asasi manusia dan menafsirkan hak asasi manusia selaras dengan fitrah manusia itu sendiri. Jaminan mempertahankan hak asasi adalah tertakluk kepada selagi mana ianya tidak bercanggah dengan syariah dan ajaran Islam serta menurut

kerangka Perlembagaan Persekutuan, khususnya Perkara 3(1) berhubung keistimewaan kedudukan Islam sebagai agama Negara. Penafsiran hak asasi manusia menurut acuan Barat jelas memperlihatkan ianya berbentuk *absolute* dan bebas tanpa sekatan. Ianya berbeza dengan penakrifan hak asasi manusia dalam Islam yang dirumuskan dalam Maqasid Syar'iyah iaitu menegakkan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia daripada keburukan.

Tuntutan hak asasi manusia yang berlatar belakangkan fahaman sekular-liberal-plural agama sehingga membelakangi Perlembagaan Persekutuan menjadi ancaman bukan sahaja kepada agama Islam malah kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN : Y.B TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keharmonian kaum/agama dan tindakan yang diambil terhadap mereka yang menghasut kebencian kaum/agama.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Bagi meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) sejak 9 Februari 2010. Berpandu kepada Perlembagaan Persekutuan dan semangat keterangkuman (inclusiveness) mengikut gagasan 1Malaysia, ianya berfungsi sebagai satu mekanisme untuk berdialog, berunding dan menyelesaikan isu-isu antara penganut agama. Empat (4) jawatankuasa kerja diwujudkan untuk memupuk persefahaman terhadap isu-isu antara penganut agama, menggalakkan aktiviti-aktiviti bersama, mengadakan mediasi antara penganut-penganut agama dan menganjurkan acara bersama kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Di samping mesyuarat dan forum formal melalui JKMPKA, pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin-pemimpin agama juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan dan kegiatan bersama dan galakan dan bantuan JPNIN. Antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif dan sering terlibat termasuklah Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN), Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism (MCCBCHST), Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Malaysia Inter-Faith Network, Global Peace Foundation dan Cheng Ho Multi Cultural & Education Trust.

Kerajaan Persekutuan, melalui Pejabat Perdana Menteri, dari masa ke semasa, telah dan masih memberi peruntukan dalam bentuk geran atau bekalan kepada pelbagai pertubuhan keagamaan, tokong, kuil, gereja dan tempat-tempat beribadat bukan Islam yang lain, mengikut permintaan dan keperluan. Di samping itu, kerajaan negeri atau tempatan juga memberi bantuan dalam pelbagai bentuk.

Putera Ghazi dari Jordan pada bulan Oktober 2010 pula telah mengemukakan satu resolusi UN untuk menjadikan minggu pertama bulan Februari sebagai World Interfaith Harmony Week (WIHW). Kerajaan Malaysia menyahut baik cadangan ini dengan mengadakan dan menyokong beberapa aktiviti dan program, termasuklah Program Harmony Walk bersama YAB Perdana Menteri Malaysia ke rumah-rumah ibadat pelbagai agama di sekitar Brickfields, Kuala Lumpur pada 2 Februari 2013, dan juga di peringkat akar umbi yang melibatkan Rukun Tetangga dan persatuan penduduk. Dan pada tahun 2013, Malaysia telah memenangi hadiah tempat ketiga di peringkat antarabangsa dalam Pertandingan World Interfaith Harmony Week (WIHW) 2013 yang dianjurkan oleh The Royal Aal Al-Bayt Institute for Islamic Thought, Jordan.

Pada tahun 2014 pula, Program Harmony Travelogue bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup ke rumah-rumah ibadat pelbagai agama di sekitar Kota Kinabalu, Sabah telah diadakan pada 8 Februari 2014 yang juga melibatkan pemimpin agama setempat, masyarakat di peringkat akar umbi dan persatuan penduduk.

Maka, jelaslah bahawa hubungan di antara kaum untuk tujuan mengekal dan mengukuhkan kedamaian di antara agama di Malaysia adalah melalui proses pergaulan, perbincangan dan penyertaan dalam pelbagai forum, perbincangan dan aktiviti bersama yang bermakna. Ianya memerlukan semangat keterangkuman (inclusiveness), sikap positif dan terbuka, serta pendekatan membina dari semua pihak mengikut Gagasan 1Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM

(BANDAR TUN RAZAK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan analisa kos faedah komprehensif bagi kaedah lain untuk mempelbagaikan dan/atau melebarkan sumber pendapatan negara seperti cukai "durian runtuh", "capital gains tax", cukai warisan dan cukai "Buffet" telah dijalankan sebagai alternatif bagi GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) adalah merupakan langkah penyusunan semula struktur percukaian negara bagi mengatasi beberapa kekurangan di bawah sistem cukai penggunaan sedia ada iaitu cukai jualan dan perkhidmatan. GST bukanlah satu cukai baharu atau cukai alternatif untuk mempelbagaikan sumber hasil negara. GST merupakan suatu bentuk cukai penggunaan yang lebih cekap, telus dan mesra perniagaan. Secara tidak langsung, pengenalan GST akan membawa faedah-faedah seperti peningkatan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 0.3% dan peningkatan eksport sebanyak 0.5% pada tahun 2015. GST juga mempunyai elemen *self-policing* yang akan dapat meningkatkan pematuhan cukai dan sekaligus meningkatkan kutipan hasil.

2. Kerajaan juga telah membuat kajian kesesuaian untuk memperkenalkan beberapa jenis cukai seperti *capital gains tax*, *inheritance tax* dan *wealth tax*. Kajian tersebut mendapati pengenalan cukai-cukai ini bukanlah merupakan pilihan terbaik berbanding dengan pelaksanaan GST dalam konteks persekitaran ekonomi negara pada masa ini.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai “durian runtuh” atau *windfall tax* boleh dibuat dalam beberapa bentuk. Namun begitu ia lazimnya dikaitkan dengan keuntungan luar biasa sesebuah industri. Amalan sekarang ialah mengenakan cukai khusus atau kadar cukai tambahan kepada industri tersebut berbanding kadar standard. Walau bagaimanapun, pendapatan daripada sumber hasil keuntungan luar biasa adalah kurang stabil dan tidak begitu signifikan kerana ianya bergantung kepada harga pasaran dunia. Cukai ini juga sukar untuk diperluaskan kepada industri atau sektor lain kerana ia memberi implikasi ke atas kecekapan pasaran dan daya saing negara. Di Malaysia, cukai keuntungan luar biasa dikenakan ke atas industri kelapa sawit yang dikenali sebagai levi keuntungan luar biasa. Berdasarkan data awal, kutipan daripada cukai ini pada tahun 2013 adalah sebanyak RM7.25 juta. Data menunjukkan bahawa sumbangan tambahan daripada cukai ini adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (CJP) sedia ada. Oleh demikian adalah lebih wajar sistem CJP tersebut ditambah baik dengan menggantikannya dengan sistem GST yang lebih cekap.

4. Mengenai cadangan pengenalan *capital gains tax* (CGT), elemen CGT sebenarnya telah dilaksanakan secara terhad dalam sistem percukaian Malaysia menerusi pengenalan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) atau *Real Property Gains Tax*. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Kementerian Kewangan, didapati CGT belum sesuai untuk dilaksanakan secara menyeluruh kerana pasaran modal di Malaysia masih perlu dimantapkan. Sebagai perbandingan, Singapura dan Hong Kong yang merupakan antara pasaran modal utama di rantau ini juga tidak mengenakan CGT ke atas transaksi sekuriti.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus mengkaji dan melaksanakan penstrukturan cukai dengan mengambil kira kesesuaian persekitaran ekonomi, pendapatan rakyat, pembentukan modal dan faktor lain untuk mengekalkan daya saing negara dan terus menjadikan Malaysia lokasi pelaburan yang menarik.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM [PERMATANG PAUH]
TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)
SOALAN : Dato' Seri Anwar bin Ibrahim meminta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menaiktaraf kebajikan penanam-penanam padi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Langkah-langkah terkini yang telah diambil Kerajaan dalam usaha menaiktaraf kebajikan para penanam padi di Malaysia adalah melalui pelaksanaan program Jihad Memerangi Orang Tengah sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan pendapatan pesawah. Beberapa inisiatif telah diumumkan seperti harga padi yang diselaraskan pada kadar RM1,200 per tan metrik untuk mengatasi masalah manipulasi harga oleh orang tengah. Disamping itu, sebanyak 31 Pusat Belian Padi (PBP) yang telah beroperasi di seluruh negara melalui urus niaga padi di pusat berkenaan.

Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai subsidi dan insentif bagi menampung kos pengeluaran padi kepada pesawah-pesawah. Melalui usaha ini, secara tidak langsung ia dapat membantu pesawah untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan taraf hidup pesawah. Pihak Kerajaan, melalui pelbagai jabatan dan agensi teknikal juga turut menyediakan kemudahan teknologi baru disamping menggalakkan Amalan Pertanian Baik [*Good Agriculture Practice (GAP)*] menerusi pengurusan tanah, pengurusan air yang lebih efektif, pengurusan tanaman mengikut jadual penanaman yang telah ditetapkan serta kawalan penyakit secara bersepadu.

NO. SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6875

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia untuk mengenalpasti penjenayah dan melakukan tangkapan untuk kes-kes ragut dan rompakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Pihak Kementerian dan PDRM sentiasa komited dalam mengendalikan kes-kes jenayah ragut dan rompakan selaras dengan objektif kerajaan untuk untuk menurunkan kadar jenayah seluruh negara sebanyak 5 % setahun. Dalam mencapai objektif ini pihak PDRM menjalankan beberapa strategi dalam usaha mencegah jenayah. Di antaranya adalah:-

- i) Dalam usaha memerangi jenayah dan menangkap penjenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan bersepadu (*Central Intelligence Unit - CIU*) dengan menggunakan konsep "*Intelligence lead policing*" sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.
- ii) Sebagai usaha yang lebih berkesan dan memberi impak yang mendalam dalam aktiviti pencegahan jenayah, PDRM telah menubuhkan Jabatan Khas iaitu Jabatan Pencegahan Jenayah yang mana jabatan ini akan memberi fokus program pencegahan jenayah dengan melibatkan sumber dalaman dan juga penglibatan masyarakat. Antara fungsi Jabatan Pencegahan Jenayah adalah:-

- a) **Memastikan strategi dan pendekatan secara proaktif dan bersepadu bagi mencegah jenayah daripada berlaku.**
 - b) **Mendidik serta membudayakan masyarakat tentang tanggungjawab bersama mencegah jenayah.**
 - c) **Menghapuskan peluang perlakuan jenayah.**
 - d) **Menghapuskan hasrat untuk melakukan jenayah.**
 - e) **Menangani dan mengurau persepsi *fear of crime*.**
 - f) **Memainkan *consultative role* kepada komuniti, institusi pendidikan, institusi perniagaan, agensi kerajaan dan NGO.**
- iii) **Menyelaras operasi secara berterusan dengan memberi tumpuan terhadap kes-kes ragut dan samun di tepi jalan (Ops Rentap), curi kenderaan (Ops Lejang), pecah rumah (Ops Pintu) dan kes- kes yang melibatkan senjata api (Ops Laras, Ops Api) sebagai sebahagian daripada usaha melaksanakan program *National Key Result Area* (NKRA).**
- iv) **Pihak polis telah melancarkan Op Cantas Khas bermula pada 17 Ogos 2013, bertujuan untuk melumpuhkan kegiatan kongsi gelap dan gangsterisme yang mempunyai kaitan yang rapat dengan jenayah rompakan sama yang menggunakan senjata api atau tanpa senjata api. Dalam Op Cantas ini, pihak polis telah berjaya menangkap mereka yang terlibat dengan kongsi gelap serta merampas pelbagai**

jenis senjata yang dipercayai digunakan untuk melakukan jenayah.

Hasil daripada tindakan melalui risikan yang buat dan juga maklumat yang diperolehi daripada masyarakat, pihak polis telah berjaya menangkap warga tempatan dan warga asing yang terlibat dengan jenayah ragut dan rompakan. Statistik kes jenayah ragut dan rompakan dan jumlah pemjenayah yang ditangkap bagi tahun 2013 dan tahun 2014 (sehingga April) seperti berikut:-

KESALAHAN	KES TAHUN 2013	SELESAI TAHUN 2013	PERATUS SELESAI	JUMLAH TANGKAP SEMUA BANGSA	TANGKAP W/ TEMPATAN	TANGKAP W/ASING
SAMUN TANPA BERSENJATAPI	20,212	10,777	53.3	7,110	6,032	1,078
RAGUT	2,118	989	46.7	640	355	285
JUMLAH	22,330	11,766	52.7	7,750	6,387	1,363

KESALAHAN	KES JAN-APR 2014	SELESAI JAN-APR 2014	PERATUS SELESAI	JUMLAH TANGKAP SEMUA BANGSA	TANGKAP W/ TEMPATAN	TANGKAP W/ASING
SAMUN TANPA BERSENJATAPI	6,241	3,091	49.5	3,914	3,539	375
RAGUT	972	484	49.8	450	367	83
JUMLAH	7,213	3,575	49.6	4,364	3,906	458

Pihak polis berkeyakinan dengan kepakaran yang di miliki oleh anggota polis untuk mengesan jenayah dan juga kerjasama yang berterusan daripada masyarakat untuk menyalurkan

maklumat, matlamat untuk mengurangkan jenayah dalam negara akan tercapai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]**
TARIKH : **16.6.2014**
SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha yang dibuat dalam meningkatkan sahsiah pelajar-pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi bagi mengatasi gejala sosial yang berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha meningkatkan sahsiah pelajar melalui program kurikulum dan kokurikulum. KPM juga mempunyai program khusus bagi membendung gejala sosial, di antaranya program jati diri. Melalui program ini, pelajar yang dikenal pasti berisiko akan diberi kesedaran untuk melakukan perubahan sikap dan tingkahlaku bagi membangunkan potesi diri secara menyeluruh. Program ini dirancang untuk membantu pelajar sasaran mengenal diri, penghargaan diri dan membina matlamat diri.

KPM juga bekerjasama dengan Kementerian dan agensi lain dalam menangani isu gejala sosial. Contohnya melalui Program Remaja Berwawasan , tiga agensi utama telah dilibatkan iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) , Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan KPM. Jabatan Perpaduan Negara dan *1Malaysia For Youth* (1M4U) juga turut memberi kerjasama dari segi pelaksanaan program tersebut. Tujuan program ini adalah meningkatkan disiplin diri supaya menjadi individu yang lebih bertanggungjawab kepada

diri mereka sendiri, keluarga, sekolah, masyarakat dan negara pada masa hadapan. Di samping itu, perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah turut memberi fokus utama kepada pembangunan sahsiah dan disiplin murid. Melalui program yang berfokus ini akan dapat merangsang diri murid ke arah sikap yang positif dan menghindarkan gejala disiplin yang akhirnya dapat mengurangkan kadar indeks jenayah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan strategik pengajian tinggi negara (PSPTN) Fasa 2, telah memberikan penekanan terhadap agenda Pembangunan Holistik Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi melahirkan graduan IPT yang seimbang dari segi ilmu, keterampilan, akhlak, nilai murni, patriotik dan berdisiplin ke arah pembentukan modal insan negara yang holistik dan berpersonaliti unggul (*towering personality*). Justeru, penekanan pelaksanaan diletakkan dalam konteks kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi ilmu praktikal dan ilmu falsafah bagi menyokong pembangunan pelajar secara menyeluruh. Oleh itu, penyelarasan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) telah dilaksanakan di semua IPT pada September 2013. Di antara tujuan utama MPU ini dilaksanakan adalah untuk pembinaan Negara Bangsa, penguasaan dan peluasan Kemahiran Insaniah, pengukuhan dan peluasan pengetahuan elemen kemalaysiaan serta pengaplikasian Kemahiran Insaniah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha-usaha pembangunan sahsiah pelajar telah diterapkan di dalam pembangunan modul pengajian untuk setiap program akademik. Antara kursus-kursus yang memberikan penekanan di dalam pembangunan sahsiah adalah kursus-kursus Pengajian Umum seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik dan Pengajian Malaysia. Kursus-kursus tersebut telah mula diperkenalkan sejak tahun 1998 dan diperkenalkan secara berperingkat telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib di semua IPTA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 16 JUN 2014(ISNIN)

SOALAN : 64

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta**MENTERI
PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kadar ketelusan cahaya pada cermin depan dan sisi kenderaan persendirian di Malaysia memandangkan perubahan peningkatan suhu yang ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedang dalam proses untuk mengkaji semula tahap ketelusan cahaya (*Visible Light Transmittance* – VLT) yang dibenarkan digunakan bagi cermin kenderaan. Inisiatif ini diambil mengambilkira maklumbalas yang diberikan oleh orang ramai terhadap keperluan penggunaan cermin gelap atas alasan-alasan berikut:

- (i) cuaca panas di negara kita dan ditambah dengan masalah pemanasan global serta kesesakan lalu lintas;
- (ii) kejadian pecah kenderaan terutamanya kenderaan jenis MPV berikutan barang yang dibawa mudah dilihat dari luar;
- (iii) peraturan sedia ada adalah bertentangan dengan amalan/praktis di negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan daripada perkara ini, satu bengkel telah diadakan pada 2 dan 3 Jun 2014 yang melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan iaitu agensi Kerajaan, pemain industri, badan bukan Kerajaan dan ahli akademik. Bengkel ini adalah merupakan suatu bentuk engagement oleh Kerajaan dalam memastikan semua aspek iaitu penguatkuasaan, keselamatan

jenayah dan kepenggunaan, diteliti secara menyeluruh sebelum suatu ketetapan dibuat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghentikan masalah pensyarah-pensyarah perubatan meninggalkan universiti-universiti seperti dilaporkan dalam media pada 18 Mei 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan mengambil kira isu dan permasalahan yang dibangkitkan dengan menambah baik laluan kerjaya dan memperkenalkan kriteria baru kenaikan pangkat yang lebih fleksibel.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6990

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) apakah purata bilangan warganegara Malaysia dan bukan Malaysia yang menyeberangi Tambak Johor dan Jambatan Linkedua setiap hari dari Johor Bahru ke Singapura, dari tahun 2008 ke 2013; dan

(b) apakah langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor memandangkan peningkatan warga Malaysia bekerja di Singapura sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik, purata harian warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang menyeberangi Jambatan Linkedua pada tahun 2008 adalah seramai 19,806 orang manakala bagi Bukan Warganegara Malaysia adalah seramai 8,479 orang. Bagi Tahun 2009, bilangan warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang menyeberangi Tambak Johor dan Jambatan Linkedua adalah seramai 150,983 orang dan bilangan bukan Warganegara Malaysia mencatatkan seramai 67,914 orang. Seramai 167,262 warganegara Malaysia dan 73,688 bukan warganegara Malaysia dicatatkan pada tahun 2010. Bagi tahun 2011 pula, seramai 205,633 warganegara Malaysia dan 88,114 bukan warganegara Malaysia telah menyeberangi Tambak Johor dan Jambatan Likedua. Seterusnya, pada tahun 2012 bilangan warganegara Malaysia adalah seramai 221,793 serta 94,981 warganegara bukan Malaysia dan pada tahun 2013, 206,136 warganegara Malaysia dan 91,309 bukan warganegara Malaysia dicatatkan menyeberangi Tambak Johor dan Jambatan Linkedua.

Berhubung soalan kedua Yang Berhormat, faktor yang telah dikenalpasti mengakibatkan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor adalah melibatkan beberapa aspek seperti bilangan trafik yang sangat tinggi (anggaran 200,000 sehingga 250,000 pergerakan keluar masuk setiap hari), bilangan kaunter pemeriksaan dan kekuatan anggota bertugas, dan keluasan laluan masuk ke kompleks CIQ.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan Malaysia melalui pihak Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil langkah jangka masa pendek dengan memaksimakan bilangan kaunter yang dibuka bagi menjalankan pemeriksaan. Langkah ini dilakukan dengan membuka bilangan kaunter kereta penuh mengikut waktu puncak. Apabila waktu puncak di laluan keluar ke Singapura, bilangan kaunter di laluan masuk akan dikecilkan untuk menumpukan kekuatan anggota di laluan keluar.

Selain itu, langkah jangka panjang juga telah diambil oleh pihak Jabatan Imigresen. Langkah yang terlibat adalah:

- (i) Kompleks Sultan Abu Bakar menyediakan kemudahan laluan kontra yang telah beroperasi sejak tahun 2013 di mana kenderaan ringan dilaluan masuk ke Malaysia boleh menggunakan laluan keluar yang diubah suai bagi menambah bilangan laluan.**

Kemudahan ini beroperasi pada cuti umum dan musim-musim perayaan.

- (ii) Menyediakan kemudahan Malaysia Automated Clearance System (MACS) di kedua-dua laluan darat Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar. Walau pun sistem ini tidak dapat mengurangkan kesesakan secara menyeluruh, sistem ini membantu mengurangkan tempoh menunggu bagi pemegang kemudahan ini. Walau bagaimanapun, pengurangan tempoh menunggu ini hanya melibatkan penumpang-penumpang bas sahaja di mana pelawat boleh menggunakan *automated gates* di dewan pemeriksaan berbanding beratur di laluan pemeriksaan manual.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6876

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kewajaran pengharaman bahan-bahan terbitan seperti buku Perempuan Nan Bercinta karya Faisal Tehrani dan terjemahan Asal Usul Spesis oleh Charles Darwin yang dianggap membelakangi prinsip demokrasi dan semangat kebebasan berkarya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penerbitan bertajuk “Perempuan Nan Bercinta” karya Faizal Musa (Faisal Tehrani) telah dikenakan tindakan di bawah Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tak Diingini) mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 pada 9 April 2014 kerana memudaratkan ketenteraman awam dan ditegah pengedarannya di seluruh Malaysia.

Manakala penerbitan bertajuk “The Origin of Species - Asal-usul Spesies” terjemahan F. Susilohardo dan Basuku Hernowo (diterbitkan di Indonesia) telah dikenakan tindakan di bawah Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Tak Diingini) mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 pada 21 Disember 2006 kerana memudaratkan ketenteraman awam.

Berdasarkan pandangan dan perakuan Jawatankuasa Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia, buku Perempuan Nan Bercinta mempunyai unsur-unsur yang ketara dalam mengangkat ajaran Syiah dan merendah-rendahkan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang boleh mengelirukan umat Islam serta menyalahi syariah yang ditetapkan dalam al-Quran dan al-Hadith.

Manakala buku terjemahan Asal-usul Spesis pula memberi gambaran mengenai asal-usul penciptaan mahluk yang bertentangan dengan ajaran Islam yang didapati bercanggah dengan Garis Panduan Penapisan Bahan-bahan Berunsur Islam serta pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi amalan umat Islam di negara ini.

Tindakan Kementerian Dalam Negeri mengenakan Perintah Larangan terhadap kedua-dua penerbitan berkenaan tidak wajar dilihat sebagai membelakangi prinsip demokrasi dan semangat kebebasan berkarya tetapi lebih menjurus kepada tindakan bagi memelihara kesejahteraan dan keselamatan rakyat serta ketenteraman awam sejajar dengan peruntukan undang-undang negara.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)
SOALAN : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada Kementerian dapat meluluskan sebuah pusat pengagihan (distribution centre), kilang ais (ice plant) dan bilik sejuk (cold room) untuk dibina di Kg. Penipah, Pulau Brait, Sarawak bagi kegunaan nelayan dari 10 buah kampung di situ bagi membantu menaik taraf hidup para nelayan dari di perah hasil keringat mereka melalui kehadiran orang tengah

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan menaiktaraf jeti di Kampung Brait pada tahun 2013 dan kemudahan yang disediakan adalah jeti, bangunan pemasaran dan tempat pemprosesan yang melibatkan kos sebanyak RM667,878.00.

Sekiranya terdapat cadangan untuk mewujudkan pusat pengagihan (*distribution centre*), kilang ais (*ice plant*) dan bilik sejuk (*cold room*), maka permohonan boleh dibuat melalui Persatuan Nelayan Kawasan Brait.

LKIM juga mendapati bahawa Kampung Brait merupakan tempat yang sesuai di mana selain memudahkan pengoperasian dan pemantauan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Brait, nelayan di Kg. Penipah dan 10 buah kampung yang berhampiran boleh menggunakan kemudahan yang disediakan di jeti Kampung Brait tersebut dan menjadikan ia sebagai pusat pengagihan hasil tangkapan yang sistematik.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD
WASALI [SIPITANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah jangka panjang yang diambil untuk menstabilkan bekalan tenaga elektrik di seluruh negara khususnya di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perancangan pembekalan elektrik di seluruh negara khususnya di negeri Sabah merupakan suatu komitmen yang menyeluruh dan berterusan oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap keboleharapan pembekalan elektrik dan dalam masa yang sama memastikan bekalan elektrik yang berkualiti dan dibekalkan pada kadar yang berpatutan kepada pengguna-pengguna. Secara umumnya, kelemahan sistem pembekalan elektrik di Sabah adalah disebabkan oleh *reserve margin* (dengan izin) yang tipis, jaringan penghantaran dan pengagihan elektrik yang masih belum kukuh menyebabkan lucutan beban atau *emergency load shedding* (dengan izin) kadangkala terpaksa dilakukan; dan kes kecurian elektrik yang kerap menyumbang kepada insiden gangguan bekalan elektrik.

2. Sungguhpun keadaan gangguan bekalan masih berlaku di Sabah, akan tetapi kadar kekerapannya telah berjaya dikurangkan terutamanya dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Secara statistik,

pencapaian *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) (dengan izin) pada tahun 2009 adalah pada tahap **2,867** minit/pelanggan/tahun. Melalui usaha-usaha giat yang telah diambil oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dengan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan, kadar SAIDI telah dapat dikurangkan kepada **423.99** minit/pelanggan/tahun atau pengurangan sebanyak **85.2%** pada tahun 2013 berbanding dengan catatan pada tahun 2009.

3. Prestasi sistem penjanaan yang kurang memuaskan semasa beban puncak akan diatasi secara berperingkat apabila 2 Stesen Jana Kuasa Kitar Padu berasaskan Gas oleh Kimanis Power (285MW) dan SPR Energy (100MW) di Kimanis memulakan tugas operasi komersial (COD) secara berperingkat pada bulan Jun 2014. Pada masa yang sama unit-unit jana kuasa diesel yang kurang berdaya harap dan tidak efisien juga akan dihenti tugas secara berperingkat bermula pada tahun yang sama. Tambahan kapasiti ini dalam Grid Sabah akan memberikan sedikit kelegaan kepada sistem grid di Sabah.

4. Projek-projek penjanaan lain yang di dalam pembinaan dan perancangan (pasca 2014) adalah Stesen Jana Kuasa Tawau Green Energy (30MW) berasaskan sumber geoterma di Apas Kiri, Tawau pada tahun 2016, Stesen Hidroelektrik Upper Padas (180MW) pada tahun

2019 dan sebuah Stesen Jana Kuasa besar berasaskan gas dengan kapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah pada tahun 2019. Stesen Hidroelektrik Upper Padas ini juga akan menyokong sistem pembekalan elektrik ketika beban puncak, dan mampu mengurangkan kos bahan api penjanaan serta kebergantungan kepada bahan api gas. Ia juga bertindak sebagai *flood relief* kepada pekan sekitar iaitu Tenom dan Beaufort.

5. Kerajaan juga akan membangunkan sumber-sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) di Sabah yang meliputi pembangunan loji biomass dan biogas, minihidro, geoterma dan solar dengan pelaksanaan skim *Feed-In-Tariff* (FiT) mulai tahun 2014. Inisiatif-inisiatif jangka panjang juga sedang dirancang dan dilaksanakan buat masa ini untuk menilai pilihan sumber penjanaan yang lebih berdaya saing dari aspek teknikal dan komersil.

6. Bagi sistem penghantaran dan pembahagian pula, pelan untuk menaik taraf dan memperkukuhkan Infrastruktur Penghantaran Dan Pembahagian melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif berikut sedang/akan dijalankan:-

- (i) pengurangan indeks SAIDI dengan pelaksanaan projek-projek SAIDI spesifik yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan;
- (ii) pelaksanaan projek-projek penghantaran yang berkaitan dengan projek penjanaan, pertumbuhan beban di pusat-pusat beban terbabit (termasuk pembinaan PMU Megalong, Sipitang yang disambungkan melalui Talian Penghantaran 275kV dari Kimanis), keperluan litar kedua atau litar gelang bagi memenuhi kriteria N-1, dan keperluan peningkatan sistem bagi mengelak beban lampau bilamasa berlaku gangguan pada mana-mana bahagian dalam rangkaian sistem; dan
- (iii) naik taraf sistem juga diperlukan bagi mengganti atau memulihara peralatan atau sistem sedia ada yang usang.

7. Bagi memperkukuhkan sistem penghantaran dan pengagihan yang terdedah kepada gangguan cuaca, tambahan sistem perlindungan kilat dan penggantian komponen-komponen sistem penghantaran seperti alatubah, pengasing, *capacitive voltage transformer* yang telah berusia

serta penggantian talian tak salut (*bareline*) kepada pengalir bertebat (*aerial bundled cable – ABC*) telah dilaksana.

8. 3 inisiatif utama yang dikenal pasti bagi pembangunan sistem penghantaran di Sabah adalah seperti berikut:-

- (i) Pelan memperkasakan talian penghantaran sedia ada dengan menaiktaraf talian 66kV kepada 132kV secara berperingkat yang dijangkakan siap sepenuhnya menjelang tahun 2024;
- (ii) Pelaksanaan litar gelang 132kV di bandar-bandar utama di sekitar Sabah seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu; dan
- (iii) Pembangunan grid Sistem Sabah yang bersepadu dengan pembangunan litar gelang bagi rangkaian talian penghantaran 275kV yang akan menjadi tunjang kepada Grid di Sabah.

9. Adalah diharapkan dengan terlaksananya semua pelan pembangunan ini maka sistem penjanaan, penghantaran serta

pembahagian akan menjadi utuh dan berdaya harap di dalam membekalkan tenaga elektrik berterusan kepada pengguna-pengguna di Sabah dan WP Labuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada dana sejumlah RM18.1 bilion yang kini diparkir di Cayman Islands oleh 1MDB telah diberi jaminan mutlak oleh Kerajaan Pusat atas segala risiko jika berlakunya sebarang malapetaka kewangan. Apakah struktur pelaburan "Segregated Portfolio Company" seperti yang disebutkan oleh 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1MDB mempunyai pinjaman sebanyak RM5.8 bilion yang menerima jaminan eksplisit Kerajaan Malaysia. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan dari Kerajaan bagi bon-bon atau pinjaman-pinjaman yang lain.

Jaminan Kerajaan kepada pinjaman berjumlah RM5.8 billion tersebut terdiri daripada jaminan yang diberi kepada bon-bon IMTN 30 tahun berjumlah RM5 billion dan pinjaman 1MDB berjumlah RM800 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

1MDB telah melaburkan US\$2.318 bilion sahaja bersama pengurus dana berlesen antarabangsa yang berdaftar di Kepulauan Cayman dan bukanlah US\$18.1 bilion seperti yang di dakwa. Dana tersebut adalah hasil pulangan dari usahasama 1MDB-PetroSaudi International.

Perlu ditekankan di sini bahawa 1MDB mempunyai kawalan penuh ke atas dana pelaburannya di Kepulauan Cayman. Dana ini diuruskan di bawah mandat yang diberikan oleh 1MDB, dan 1MDB boleh mengeluarkan

wang ini pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Terma "*control*" atau kawalan yang dipetik dari laporan kewangan 1MDB telah salah ditafsirkan. Kenyataan penuhnya berbunyi, dengan izin: "*The Directors concluded that the Group is unable to exercise control or significant influence over Segregated Portfolio Company (SPC) in accordance with the MFRS 127 Consolidated and Separate Financial Statements and MFRS 128 Investments in Associates.*"

Dalam piawaian Malaysia Financial Reporting Standards atau MFRS 127, terma "*control*" atau kawalan ditakrifkan sebagai "*the power to govern the financial and operating policies of an entity so as to obtain benefits from its activities*". Seperti yang jelas dinyatakan di dalam nota-nota akaun, pelaburan 1MDB adalah hanya sebagai pemegang saham atau "*participating shareholder*".

Ini adalah konsep yang sama dengan melabur wang dalam dana bersama atau "*mutual funds*" di mana 1MDB merupakan pemegang saham dana yang sudah mempunyai mandat pelaburan sendiri dan

pemegang saham tidak dapat mempengaruhi mandat pelaburan asal.
Namun begitu, ini tidak bermaksud 1MDB telah hilang kawalan ke atas
dana yang dilaburkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI LIOW TIONG LAI [BENTONG]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 71

DATO' SRI LIOW TIONG LAI [BENTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan bagi menarik balik pekerja mahir pulang ke tanah air untuk berkhidmat. Adakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Talent Corp mendapat sambutan yang baik dan berapakah jumlah mereka yang pulang ke Malaysia mengikut bidang kerja.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan usaha Kerajaan Malaysia menerajui pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) melalui ***Returning Expert Programme (REP)*** bertindak untuk memudahcara kepulangan tenaga mahir Malaysia di luar negara bagi memperkasa usaha memenuhi keperluan bakat sektor utama ekonomi negara.

2. Pemohon yang diluluskan melalui program tersebut akan menerima pakej insentif yang telah ditambahbaik sejak diterajui oleh TalentCorp. Berkuatkuasa bermula 16 April 2014, pakej insentif terbaru adalah seperti berikut:
 - (i) Cukai Pendapatan pada kadar rata 15% berterusan ke atas pendapatan penggajian selama 5 tahun;
 - (ii) Maksimum RM150,000 pengecualian cukai ke atas satu kereta CKD keluaran tempatan atau satu kereta CBU yang diimport sepenuhnya;
 - (iii) Pengecualian cukai bagi semua barangan persendirian yang di bawa ke Malaysia; dan
 - (iv) Kemudahan status taraf Pemastautin Tetap (PR) untuk pasangan dan anak pemohon Malaysia yang keluarganya bukan rakyat Malaysia.

3. Penambahbaikan berterusan ini bertindak untuk menyokong dua aspek penting, iaitu dari segi **kualiti** dan **kuantiti**. Dalam memastikan aspek **kualiti** bagi pemohon yang diluluskan di bawah REP, pemohon REP perlu menepati kriteria yang telah diperhalusi dengan mengambil kira:

- (i) pengalaman bekerja di Malaysia iaitu sebelum bekerja di luar negara;
- (ii) pendapatan di luar negara; dan
- (iii) pengamalan serta kepakaran yang relevan dengan sektor ekonomi atau jurang kemahiran kritikal yang sedia ada.

4. Dari segi **kuantiti** pula, sejak menerajui program ini pada 2011, lebih 2,800 tenaga pakar telah diluluskan melalui program ini dalam beberapa sektor ekonomi utama yang menerajui ETP. Pecahan demografi pemohon yang telah diluluskan adalah terdiri daripada:

Bil.	Lima Bidang Teratas	Lima Sektor Teratas
1	Perbankan	Perkhidmatan Kewangan
2	Perakaunan	Perkhidmatan & Perniagaan
3	Jurutera Mekanikal/ Ahli Geologi	Minyak, Gas & Tenaga
4	Jurutera ICT dan Elektronik	Kandungan & Infrastruktur Komunikasi,
5	Pakar Perubatan	Perkhidmatan Kesihatan

5. Kelulusan permohonan REP yang telah dilaksanakan oleh TalentCorp dari tahun 2011 sehingga 31 Mei 2014 adalah:

Inisiatif	2011	2012	2013	31 Mei 2014
<i>Returning Expert Programme (REP)</i>	680	923	900	355

6. Inisiatif ini diperkukuhkan lagi dengan kolaborasi bersama pemain industri terkemuka negara melalui sesi temuseru (*outreach*) sebagai

usaha menghubungkan tenaga mahir Malaysia di luar negara dengan mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan dalam negara. Usaha ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan oleh pemain industri terkemuka berdasarkan kepada penyertaan 90 syarikat swasta bagi sesi temuseru luar negara yang telah diadakan sepanjang tahun 2013 di United Kingdom, Australia dan lain-lain negara dengan kehadiran lebih 7,500 rakyat Malaysia di luar negara.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

- a) Laporan Kajian Impak Alam Sekitar yang dilakukan untuk stesen janakuasa solar 50MW yang akan dibina oleh 1MDB di Kedah; dan

- b) Adakah Perjanjian Pembelian Tenaga Solar antara TNB dan 1MDB akan dibentangkan dalam Parlimen untuk dinilai oleh Ahli Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Berhubung kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi Projek Janakuasa Solar oleh 1MDB, saya ingin menjelaskan bahawa ianya merupakan salah satu dari prasyarat yang perlu dipenuhi dalam *Power Purchase Agreement* (PPA). Buat masa ini, EIA masih belum dimuktamadkan lagi.

- (b) Perjanjian pembelian tenaga solar diantara TNB dan 1MDB merupakan satu perjanjian komersial diantara kedua – dua pihak tersebut yang perlu dihormati oleh semua pihak. Perjanjian ini tidak akan dibentangkan dalam Parlimen untuk dinilai oleh Ahli Parlimen atas dasar priviti kontrak dan kerahsiaan antara kedua-dua pihak yang berkontrak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6991

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap ISMA kerana membuat kenyataan-kenyataan berbau perkauman pada 9 Mei 2014 dan apakah pendirian Kerajaan berkenaan kenyataan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Sehingga 29 Mei 2014, pihak polis telah menerima sebanyak 42 laporan polis yang telah dibuat terhadap Presiden Ikatan Muslim Malaysia (ISMA). Lanjutan daripada laporan polis yang diterima, kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948. Walaubagaimanapun, buat masa ini saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci status penyiasatan dan tindakan yang telah diambil memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan pihak PDRM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Rentetan daripada tindakan pihak polis itu, adalah jelas bahawa tindakan Presiden ISMA mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman tersebut tidak terkecuali daripada tindakan undang-undang di negara ini. Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini.

Undang-undang sedia ada sudah mencukupi dalam menangani apa jua isu yang dibangkitkan yang cuba mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam. Pendirian Kerajaan adalah jelas di mana tindakan tegas akan diambil di bawah undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 terhadap mereka yang terlibat sekiranya terbukti bersalah.

Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan dan memelihara keharmonian yang dinikmati selama ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk memastikan tidak ada lagi penculikan yang akan berlaku di kalangan pengusaha di kawasan pantai timur Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Langkah-langkah yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan untuk memastikan keselamatan di Pantai Timur Sabah berada di dalam keadaan yang terkawal adalah seperti berikut:

- i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
- ii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
- iii) *Response team/komuniti policing* mengikut sektor diantara PDRM, ATM dan APMM;
- iv) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
- v) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;

- vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
- vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- viii) Pewujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;
- ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- x) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
- xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xii) Melaksanakan pendaftaran awal "*Pump Boat*" bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;

- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan
 - iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.
3. Adalah diyakini dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil diatas akan dapat mempertingkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian. Terima Kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] meminta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan statistik aduan awam berkenaan kes penipuan ejen pelancongan bagi setiap tahun dari 2003 sehingga sekarang, serta senarai ejen-ejen berkenaan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan hanya mempunyai statistik aduan mulai tahun 2009. Bilangan aduan yang diterima oleh Kementerian mengenai kes penipuan oleh syarikat-syarikat pengendalian pelancongan bagi tahun 2009 hingga kini adalah sebanyak 117 kes. Daripada siasatan Kementerian adalah didapati hanya sebanyak 15 kes telah disahkan sebagai kes penipuan yang melibatkan syarikat-syarikat yang berlesen (14 kes) dan syarikat tidak berlesen (1 kes).

Senarai nama syarikat berkenaan serta tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini adalah seperti yang berikut:-

Bil.	Tahun	Nama Syarikat	Tindakan
1.	2009	Warith NY Travel & Tours	Pembatalan lesen
2.	2009	Tijaratun Nur Travel & Tours	Pembatalan lesen
3.	2009	Platinum Corporate Sdn. Bhd. ("Travel Shoppe")	Pembatalan lesen
4.	2009	Lohas Leisure Holiday	Pembatalan lesen
5.	2010	Andalas Travel & Tours	Pembatalan lesen
6.	2010	Qaisar Travel & Tour	Pembatalan lesen
7.	2010	Agensi pelancongan Extremevec	Pembatalan lesen
8.	2010	Permata El-Nur Travel & Tours	Pembatalan lesen
9.	2010	RPS Travel Travel & Tours	Pembatalan lesen
10.	2010	Hijjaz Legend Travel & Tours	Pembatalan lesen
11.	2012	J & J Mesra Travel & Tours	Pembatalan lesen
12.	2013	Seven Seas Travel & Tours	Pembatalan lesen

Bil.	Tahun	Nama Syarikat	Tindakan
13.	2013	Arlief Juara Kembara (Syarikat tidak berlesen)	Pendakwaan dijalankan oleh pihak PDRM dan perbicaraan ke atas kes sedang berjalan
14.	2014	ANF Holidays	Pembatalan lesen
15.	2014	Yadh Travel & Tours	Pembatalan lesen

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi kepada sekatan-sekatan daripada pentadbiran universiti ke atas penganjuran wacana dan dialog ilmiah yang melibatkan mahasiswa seperti yang terjadi di Universiti Islam Antarabangsa pada 14 Mei 2014 dan Universiti Malaya pada 29 Mac 2014 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pentadbiran Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak menyekat penganjuran wacana atau dialog ilmiah yang melibatkan mahasiswa selagi aktiviti dan pengisian program tersebut bersesuaian dan mendapat kelulusan daripada pihak Universiti tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan oleh setiap universiti masing-masing sebelum mana-mana aktiviti atau program tersebut dianjurkan.

Program "Tanyalah Asatizah" anjuran *Islamic Revealed Knowledge (IRK) Student's Secretariat* di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) masih dibenarkan walaupun tajuk dan penceramah program didapati berbeza dari yang dinyatakan dalam kertas cadangan asal yang telah diluluskan oleh pentadbiran UIAM. Walau bagaimanapun, perjalanan program tersebut dipantau sendiri oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) *Kulliyah Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences*.

Manakala program di bawah nama *Law Career Convention* (LCC) anjuran Persatuan Undang-undang Universiti Malaya (UM) pada 29 Mac 2014, sebenarnya telah diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) pada 22 Januari 2014. Namun, didapati program tersebut tidak mengikut prosedur yang ditetapkan dalam peruntukan undang-undang di bawah Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 dan Statut Universiti Malaya (Badan-badan Pelajar) 1979. Permohonan memasukkan aktiviti baharu iaitu Program *Lecture Series* telah dibuat hanya 4 hari sebelum Program LCC dijalankan iaitu selepas kelulusan dikeluarkan. Di samping itu, program *Lecture Series* adalah merupakan suatu program yang berlainan dengan Program LCC yang memerlukan kelulusan berasingan. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dianggap selesai apabila Naib Canselor UM bertemu dan berbincang dengan Yang Dipertua Badan Pelajar berkenaan. Penyelesaian telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan tiada isu berbangkit selepas persetujuan tersebut dicapai.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng
[Lanang]**

TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 77

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) berapakah peruntukan yang diluluskan untuk menyediakan bekalan elektrik dan air di rumah panjang kawasan Parlimen P.211 Lanang pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014 ; dan
- (b) bilakah Kementerian akan menyediakan bekalan elektrik dan air kepada semua rumah panjang di luar bandar kawasan Parlimen P.211 Lanang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawapan (a)

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM19.40 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan dua puluh (20) projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang memberi manfaat kepada 584 buah rumah di kawasan Parlimen Lanang sejak tahun 2008 sehingga 2014. Sehingga 31 Mei 2014, empat belas (14) projek telah siap dilaksanakan manakala enam (6) projek lagi sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan September 2014. Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, sebanyak RM4.5 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan empat (4) projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang memberi manfaat kepada 241 buah rumah. Kesemua projek ini telah siap dilaksanakan.

Jawapan (b)

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian mengunjurkan bahawa semua kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk di kawasan Parlimen Lanang akan menerima bekalan elektrik pada akhir tahun 2019. Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, Kementerian akan terus melaksanakan projek bagi memastikan semua penduduk luar Bandar dapat

menikmati bekalan air yang sempurna. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah piawaian yang digunakan untuk tahap pencapaian sesebuah sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Instrumen piawai yang digunakan bagi mengukur tahap pencapaian sesebuah sekolah di Malaysia ialah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) yang mengandungi 5 standard, iaitu:

- Standard 1: Hala Tuju Kepimpinan
- Standard 2: Pengurusan Organisasi
- Standard 3: Pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan sukan, dan Hal Ehwal Murid.
- Standard 4: Pembelajaran dan Pengajaran
- Standard 5: Kemenjadian Murid

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua sekolah melaksanakan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) bagi membuat penilaian sendiri menggunakan instrumen ini. Manakala Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti akan melaksanakan pemeriksaan verifikasi di sekolah terpilih bagi menentu sahkan taraf sebenar sekolah merujuk kepada SKPM.

NO. SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6992

SOALAN:

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil daripada
kenyataan dan program yang dikenal pasti sepanjang 2013 dan 2014
yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama.**

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu atau kumpulan atau pertubuhan yang dengan sengaja mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama di negara ini. Antara aktiviti-aktiviti yang berpotensi membangkitkan sentimen ketegangan kaum dan agama sepanjang tahun 2013 dan 2014 adalah seperti:

- i. isu Kalimah Allah;**
- ii. Program *Pink Dot* Penang 2014 yang menghalalkan perlakuan seks lesbian, bisexual, gays dan transgender;**
- iii. Isu menghina Nabi Muhammad s.a.w.;**
- iv. Isu kaum pendatang;**
- v. Menghina Sultan/Raja Johor serta Selangor; dan**
- vi. Isu DNA babi dalam coklat Cadbury.**

Isu-isu yang dibangkitkan tersebut berpotensi untuk mengundang kontroversi dan menarik perhatian NGO yang berteraskan kaum masing-masing untuk bertindakbalas melahirkan bantahan mereka menerusi laporan polis, demonstrasi, penyerahan memorandum dan mengadakan sidang akhbar.

Dalam hubungan ini, antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani permasalahan ini adalah melalui tiga (3) cara iaitu penguatkuasaan undang-undang, program penerangan kepada orang awam melalui kerjasama dengan agensi-agensi dan menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO sehingga tertubuhnya *Center For Human Research And Advocary (CENTHRA)* iaitu sebagai pusat pengumpulan data yang lebih berstruktur dalam menghadapi isu dan cabaran yang dibawa oleh COMANGO.

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah mengamalkan "*double standard*" dengan izin, di dalam mengambil tindakan terhadap mana-mana individu, kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan yang cuba menimbulkan ketegangan di antara kaum dan agama. Namun begitu, setiap tindakan oleh pihak Polis adalah berdasarkan kepada laporan polis yang dibuat. Manakala untuk pendakwaan pula akan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut terbukti benar-benar melanggar undang-undang sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skim yang diwujudkan bagi membolehkan anggota tentera dan polis serta lain-lain anggota beruniform di negara ini memiliki rumah sendiri.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan PPA1M bagi mengatasi isu pemilikan rumah di kalangan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana. Definisi penjawat awam dalam program ini ialah:

- (i) seorang anggota Perkhidmatan Awam (definisi mengikut Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan) yang termasuk anggota beruniform seperti tentera dan polis; **atau**
- (ii) seorang anggota badan-badan berkanun Persekutuan (BBP) dan badan-badan berkanun Negeri (BBN) termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PPA1M akan dibangunkan di lokasi yang diluluskan oleh Kerajaan berdasarkan permintaan yang munasabah. Dalam hal ini juga, sebelum sesuatu lokasi PPA1M dimuktamadkan, agensi pelaksana akan melaksanakan kaji selidik yang terperinci berkaitan permintaan dan penawaran bagi menentukan bilangan unit yang akan dibangunkan serta mengenal pasti tanah/tapak projek yang bersesuaian. Pendekatan ini adalah terpakai di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, perancangan program ini adalah tertumpu di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

projek di bawah Dana TechnoFund, entiti telah mendapat pembiayaan sebanyak RM3.733 juta daripada *Commercialisation of Research & Development Fund* (CRDF) di bawah Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) untuk pengkomersilan polimer larut air. Walau bagaimanapun, projek Syarikat Global Network Technology Sdn. Bhd. di bawah MTDC ini gagal disempurnakan. MTDC telah mengemukakan Notis Penamatan dana pada 10 Mac 2011 dan Surat Tuntutan Balik Pembayaran Dana pada 24 Mac 2011. Syarikat telah gagal untuk membayar balik dana tersebut dan tindakan perundangan telah diambil oleh MTDC.

Syarikat NSE Pomar Sdn. Bhd. telah mendapat pembiayaan sebanyak RM4.463 juta bagi projek "*Establishment of Multipurpose Supercritical Extraction Unit with Palm Kernel SC-CO₂ Extraction as the Production Palm*" menerusi Dana TechnoFund dalam RMKe-9. Syarikat telah gagal menyempurnakan projek ini dan projek telah ditamatkan pada 17 November 2012. Sehubungan itu, berdasarkan penamatan projek tersebut, syarikat telah di senarai hitam selama 2 tahun daripada mendapat sebarang pembiayaan dana di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd. yang merupakan syarikat induk tidak pernah mendapat sebarang pembiayaan dana daripada Kementerian ini. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan dana yang diperolehi dari MOSTI dan agensi di bawahnya iaitu MTDC bagi anak-anak syarikat berkenaan berjumlah RM14.19 juta.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

**TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) Bilakah Kerajaan akan meminda Seksyen 51 Akta Memperbaharui Undang-undang (Pernikahan dan Penceraian) 1976 bagi menyelesaikan masalah pertembungan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berhubung isu penjagaan anak apabila salah satu pihak dalam perkahwinan di bawah Akta tersebut menganut agama Islam; dan
- (b) Jika Mahkamah Sivil diberi bidangkuasa dalam hal tersebut, apakah langkah diambil untuk memastikan hak kedua-dua pihak pasangan yang beragama Islam dan bukan Islam terbelas dan dijaga.

**JAWAPAN:(Y.B.MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan terhadap kebajikan dan kemaslahatan kanak-kanak. Dalam aspek hak penjagaan anak, kepentingan anak adalah mengatasi kepentingan pihak-pihak yang lain. Menurut prinsip hadhanah Islam, ibu adalah yang paling berhak bagi menjaga anak kecilnya semasa dalam perkahwinan atau selepas perkahwinan dibubarkan selagi tidak hilang kelayakan.

Kerajaan sedang mencari mekanisma terbaik bagi menyelesaikan masalah yang timbul apabila seorang daripada suami isteri bukan Islam memeluk Agama Islam, dengan mengambil kira kedudukan kedua-kedua mahkamah sivil dan Syariah.

Bagi menyelesaikan masalah pertembungan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah berhubung dengan isu penjagaan anak apabila salah satu pihak dalam perkahwinan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] menganut agama Islam, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah menyediakan cadangan pindaan kepada Akta 164, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah

Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Selain cadangan pindaan kepada seksyen 51 Akta 164, cadangan juga melibatkan pindaan kepada relief sampingan lain yang berbangkit daripada pembubaran perkahwinan seperti hak penjagaan anak, nafkah bekas isteri, nafkah anak, pembahagian aset perkahwinan dan keperluan pasangan tersebut untuk menyelesaikan segala obligasi dan liabilitinya di bawah undang-undang yang mentadbir perkahwinannya sebelum perintah pembubaran perkahwinan dibenarkan oleh mahkamah.

Memandangkan cadangan pindaan kepada ketiga-tiga Akta 164, Akta 505 dan Akta 303 tersebut turut melibatkan pindaan kepada undang-undang Islam yang berkuat kuasa di negeri-negeri, cadangan pindaan tersebut telah dibentangkan kepada Majlis Raja-Raja atas arahan Jemaah Menteri pada 29 Jun 2009 untuk perkenan Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja telah memutuskan supaya cadangan pindaan tersebut dikemukakan untuk penelitian dan pandangan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri terlebih dahulu. Pada bulan November 2013, suatu mesyuarat telah diadakan antara Jabatan Peguam Negara dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi menjelaskan tujuan cadangan pindaan tersebut.

- (b) Semua mahkamah sama ada sivil atau Syariah berpegang kepada prinsip keadilan dalam memastikan hak pihak-pihak dalam perbicaraan terbela dan terjaga. Bagi maksud tersebut, pihak-pihak yang terlibat bertanggungjawab secara kolektif untuk memberi kerjasama bagi memastikan prosiding mahkamah dapat berjalan lancar dan kes yang dibicarakan dapat diselesaikan dengan adil dan dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) jumlah wang yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil dan Cina untuk 5 tahun yang lepas; dan
- (b) mengapakah YAB. Perdana Menteri menyatakan baru-baru ini bahawa masih terdapat baki yang berlebihan untuk peruntukan tersebut yang belum digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peruntukan pembangunan yang diberikan oleh Kerajaan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil adalah terdiri daripada peruntukan Pembangunan, Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pakej Rangsangan Khas. Untuk makluman, bagi tempoh lima tahun (2009 hingga 2013), jumlah peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ialah RM 547.9 juta dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sebanyak RM 391.2 juta.
- (b) Bagi Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Pakej Rangsangan Khas, perbelanjaan peruntukan tersebut adalah bergantung kepada peringkat-peringkat pelaksanaan projek. Peruntukan tersebut akan habis digunakan setelah projek yang dirancang bagi tujuan peruntukan tersebut siap dilaksanakan sepenuhnya.

NO. SOALAN: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6877

SOALAN:

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada cadangan oleh Kerajaan untuk mewujudkan digit control untuk No. Kad Pengenalan agar dapat menjadikan nombor checking seperti yang dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam sistem bil pembayaran mereka agar tidak berlaku kesilapan semasa pemasukan data oleh pekerja, contohnya seperti semasa kemasukan data pemohon BR1M.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak tahun 1990, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menggunakan nombor sebanyak 12 digit yang dijana oleh sistem komputer dalam Kad Pengenalan. Dalam hal ini, nombor yang digunakan mempunyai digit *control* bertujuan mengelakkan berlakunya kesilapan dengan mengambilkira bahawa setiap nombor adalah unik bagi setiap individu dan memastikan tiada pertindihan dalam nombor yang digunakan dalam Kad Pengenalan seseorang. Selain itu, JPN juga telah berkongsi penggunaan nombor kad pengenalan ini dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan lain-lain lagi bagi memastikan kesahihan maklumat seseorang individu

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH [LIMBANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 85

TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan menara-menara komunikasi di pedalaman yang masih bergantung kepada generator agar mendapat bekalan elektrik yang berkekalan supaya pengguna jalur lebar dan telefon dapat menikmati servis sepanjang masa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui MCMC bertanggungjawab memastikan rakyat mempunyai akses kepada perkhidmatan komunikasi dan jalur lebar dengan menyediakan liputan selular terutama di kawasan pedalaman.

Bagi lokasi yang berada di dalam lingkungan kawasan yang tidak mempunyai kemudahan elektrik, bekalan alternatif digunakan seperti GenSet dan solar untuk menyalurkan kuasa elektrik kepada peralatan

SOALAN NO: 85

telekomunikasi. Kerjasama perlu dicapai daripada pihak berkuasa tempatan atau negeri bagi menyalurkan bekalan elektrik komersial ke lokasi tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah strategi yang dirancang untuk mengurus penduduk-penduduk Malaysia yang berusia emas serta penyediaan perkhidmatan penjagaan yang lebih baik dan mampu untuk golongan tua. Nyatakan juga rancangan kerajaan untuk memastikan semua warga emas mempunyai kewangan yang mencukupi untuk menampung keperluan waktu persaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi mengenang jasa serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah penuaan sihat, produktif dan aktif.

Sehubungan itu, selaras dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, KPWKM mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang dirangka pada tahun 1998. Susulan kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011.

Antara strategi yang diketengahkan dalam Dasar Warga Emas Negara adalah seperti berikut:

- (i) mengutamakan pendekatan persediaan, pencegahan dan pengukuhan yang memerlukan perubahan paradigma dalam pelaksanaan program daripada berorientasikan kebajikan warga emas kepada pembangunan yang melibatkan tanggungjawab diri, keluarga, komuniti dan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) seperti kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan anggota masyarakat;
- (ii) pendekatan pelaksanaan dasar dalam aspek pengukuhan hubungan dan perpaduan dalam kalangan warga emas serta antara generasi. Di samping itu, tumpuan turut diberikan kepada pembangunan masyarakat secara inklusif serta pemahaman mengenai situasi warga emas melalui inisiatif advokasi yang proaktif; dan
- (iii) penambahbaikan dalam mekanisme pelaksanaan dan pemantauan melalui pewujudan jawatankuasa pada peringkat kebangsaan iaitu Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara dan dibantu oleh sebanyak 7 Jawatankuasa Kecil. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dalam program pembangunan warga emas.

Tuan Yang Dipertua,

Khidmat Jagaan dan Tempat Tinggal

Berhubung kemudahan tempat tinggal untuk warga emas, hingga bulan Disember 2013, terdapat sebanyak 211 buah pusat jagaan warga emas yang dikendalikan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta serta dihuni seramai 4,968 orang warga emas.

Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan Rumah Seri Kenangan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif. Pada masa ini, terdapat sebanyak 11 buah Rumah Seri Kenangan iaitu 9 buah di Semenanjung Malaysia dan 2 buah di Sarawak serta 3 buah Rumah Warga Tua di Sabah yang memberi penjagaan dan perlindungan kepada seramai 1,910 orang penghuni.

Rumah Ehsan juga ditubuhkan untuk memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang sakit dan uzur. Pada masa ini,

terdapat 2 buah Rumah Ehsan yang mempunyai penghuni seramai 227 orang di mana seramai 154 orang daripadanya adalah warga emas. Selain itu, kadar wang saku bagi penghuni warga emas di institusi JKM telah dinaikkan daripada RM10 sebulan kepada RM30 sebulan mulai tahun 2014.

Tuan Yang Dipertua,

Perkhidmatan Bantu di Rumah

Kementerian melalui JKM telah melaksanakan Perkhidmatan Bantu di Rumah atau *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh sukarelawan yang membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan seharian mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas membeli-belah barangan dapur, membayar bil utiliti, membawa mereka ke hospital, menatariaskan warga emas seperti membersihkan diri, menyikat atau mendandan rambut dan memotong kuku di samping menjadi sahabat kepada warga emas tersebut. Hingga bulan

April 2014, seramai 1,716 orang sukarelawan terlibat dalam memberikan perkhidmatan *Home Help* yang mana seramai 4,408 orang warga emas mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini.

Selain itu, Kementerian telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui Unit Khidmat Penyayang Warga Emas (UPWE) bagi memenuhi keperluan warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kesihatan. Semasa peringkat awal pewujudan perkhidmatan UPWE pada tahun 2008, hanya terdapat seramai 239 orang warga emas yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Bilangan tersebut telah meningkat kepada 2,042 orang warga emas pada akhir tahun 2013.

Pemeriksaan Kesihatan di Pusat Jagaan

Pada 28 Mei 2012, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kementerian Kesihatan akan mengadakan pemeriksaan kesihatan berkala kepada penghuni di 48 pusat jagaan warga emas yang berdaftar dengan KPWKM. Seterusnya, pada bulan Ogos 2012, program ini telah diperluaskan melalui *National Blue Ocean Strategy 7 (NBOS 7) 1Malaysia*

Family Care di mana Kementerian Kesihatan telah melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan serta rawatan untuk warga emas yang tinggal di institusi, terlantar di rumah serta latihan kepada penjaga warga emas yang terlantar di rumah. Selain warga emas, NBOS 7 juga difokuskan kepada golongan orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal.

Dalam hal ini, seramai 9,256 orang warga emas yang tinggal di institusi telah menjalani saringan kesihatan hingga akhir tahun 2012. Daripada jumlah ini, 4,720 orang menerima rawatan susulan. Selain itu, 3,200 orang warga emas yang terlantar di rumah telah menjalani saringan kesihatan dan daripada jumlah ini seramai 3,136 orang menerima rawatan.

Bagi tahun 2013 pula, seramai 11,294 orang warga emas yang tinggal di institusi telah menjalani saringan kesihatan manakala seramai 13,543 orang warga emas menerima rawatan susulan. Selain itu, 4,005 orang warga emas yang terlantar di rumah telah menjalani saringan kesihatan dan seramai 12,725 orang menerima rawatan.

Sebagai tambahan, Kementerian Kesihatan telah mengambil inisiatif untuk melatih seramai 2,628 orang penjaga warga emas yang terlantar di rumah

pada tahun 2012 dan jumlah ini meningkat kepada seramai 11,701 orang pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Kewangan

KPWKM melalui JKM sentiasa memberikan keutamaan daripada segi bantuan kebajikan masyarakat kepada warga emas yang miskin. Keprihatinan ini terbukti di mana KAR1SMA Warga Emas atau Bantuan Orang Tua (BOT) merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan. Pada tahun 2013, JKM membelanjakan sebanyak RM540 juta bagi memberi bantuan kebajikan kepada 142,124 orang warga emas di seluruh negara. Jumlah ini merupakan 35% daripada keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan pada tahun 2013. Sesungguhnya bantuan ini adalah satu inisiatif keprihatinan kerajaan bagi membantu warga emas menampung sebahagian kos sara hidup. Apa yang penting ialah sokongan anak dan ahli keluarga supaya ibu bapa mereka dapat hidup sihat sejahtera. Malahan, aspek ini juga jelas terbukti apabila nisbah tanggungan

(*dependency ratio*) di Malaysia adalah masih rendah iaitu 46% pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Simpanan Persaraan Yang Mencukupi Bagi Golongan Warga Emas

Secara umumnya, golongan warga emas bergantung kepada simpanan persaraan (*retirement savings*) mereka memandangkan golongan ini telah bersara. Maka, terdapat kemungkinan simpanan ini kian menyusut terutama jika tidak diurus dengan baik dan seterusnya boleh menyebabkan golongan ini terjerumus dalam senario *old age poverty*. Berhubung perkara ini juga, kajian oleh Universiti Malaya pada tahun 2003 ke atas 2,427 orang bekas pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menunjukkan bahawa 14% daripada responden menghabiskan wang simpanan KWSP mereka dalam tempoh 3 tahun, 50% menghabiskannya dalam tempoh 5 tahun dan 70% menghabiskannya dalam tempoh 10 tahun. Malahan, tinjauan KWSP pada tahun 2008 mendapati bahawa hanya 18.3% ahli aktif KWSP berumur 54 tahun yang mempunyai simpanan mencukupi iaitu melebihi RM173,000.

Pengalaman di negara-negara maju juga menunjukkan bahawa golongan warga emas di sana turut berisiko menghadapi senario *old age poverty*. Justeru, melalui peluang pekerjaan atau aktiviti penjanaaan pendapatan yang lebih luas bagi golongan warga emas, senario ini boleh dielakkan ke arah kesejahteraan hidup warga emas.

Berlandaskan kepada perkara ini juga, bagi menggalakkan warga emas terus menyumbang kepada ekonomi negara dan seterusnya memperoleh pendapatan serta simpanan persaraan yang mencukupi, kerajaan telah meluluskan Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja-Pekerja Separa Masa) dan diwartakan pada 1 Oktober 2010. Peraturan ini memberi jaminan kepada warga emas, orang kurang upaya serta wanita sebagai tenaga kerja untuk melindungi mereka dari segi terma-terma perburuhan sebagai pekerja separa masa. Kerajaan juga telah melanjutkan umur persaraan wajib daripada 58 tahun kepada 60 tahun mulai tahun 2012 bagi mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam.

Di samping itu, kerajaan telah menggubal Akta Umur Persaraan Minimum 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013. Akta ini menetapkan umur persaraan minimum pada 60 tahun bagi pekerja swasta. Selaras dengan

penggubalan akta ini juga, KWSP menetapkan bahawa caruman KWSP Syer Pekerja bagi pekerja warga emas (berumur antara 60 hingga 75 tahun) adalah sebanyak 5.5% iaitu 50% daripada caruman syer pekerja yang berumur kurang 60 tahun.

Sebagai kesimpulan, KPWKM komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial warga emas agar mereka dapat menjalani kehidupan secara berdikari, berintegriti dan bermaruah. Berhubung perkara ini juga, kerajaan berpendirian bahawa institusi keluarga adalah yang terbaik dalam menyediakan khidmat jagaan dan sokongan kepada golongan warga emas. Sesungguhnya, perkara ini adalah sejajar dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang menghormati dan menyayangi warga emas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah rancangan untuk menaikkan taraf perkhidmatan kereta api Kuala Lumpur-Tumpat akan dilaksanakan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah mengenal pasti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai salah satu projek infrastruktur penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek ini dilihat akan menjadi pemangkin mempercepatkan pembangunan industri di ECER yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor. Status projek pada masa ini ialah ia masih di peringkat kajian daya maju (*viability*).
2. Bagi laluan sedia ada, sukacita dimaklumkan bahawa 2 buah stesen baru telah dibina di Stesen Gua Musang dan Wakaf Bharu, manakala 3 lagi stesen iaitu Stesen Pasir Mas, Tanah Merah dan Krai telah dinaiktaraf.
3. Sementara itu, pada masa ini, belum ada perancangan untuk sebarang perubahan kepada jadual dan perkhidmatan keretapi yang sedang ditawarkan di Pantai Timur Semenanjung.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah memulakan proses persempadanan semula untuk kerusi-kerusi Parlimen dan DUN dan adakah SPR telah memberitahu Speaker Parlimen dan Perdana Menteri mengenai permulaan proses ini.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak melanggar sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan;
- iv. Mengekalkan perhubungan masyarakat tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang melaksanakan kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual ke Tiga Belas Perlembagaan.

Mengikut peruntukan perenggan (iii) Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan selepas SPRewartakan tempoh bermulanya urusan persempadanan, kajian persempadanan semula tersebut hendaklah disiapkan dalam tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh bermulanya kajian semula itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR masih belum memaklumkan urusan persempadanan semula kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri kerana urusan mempersempadankan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri masih belum lagi dimulakan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkorporatkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, jika ya, nyatakan apakah rasionalnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini sedang menjalankan kajian terperinci bagi mempertimbangkan pengkorporatan

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Antara rasional tindakan ini adalah untuk meningkatkan ketelusan dan autonomi Jabatan Kastam dalam menguruskan kutipan cukai Kerajaan.

Selain itu, pengkorporatan sesebuah jabatan Kerajaan dapat meningkatkan kecekapan pengurusan organisasi Jabatan melalui proses-proses yang lebih efisien dan budaya kerja yang lebih positif. Perkara ini seterusnya dijangka dapat menambahbaik kualiti perkhidmatan dan penyampaian JKDM dalam menjalankan bidang tugasnya.

Penambahbaikan yang dapat dicapai melalui langkah pengkorporatan ini seterusnya akan diterjemahkan kepada peningkatan dalam kutipan hasil cukai yang akan menguntungkan negara. Perkara ini adalah seperti yang telah dilihat daripada badan-badan Kerajaan yang telah dikorporatkan terdahulu seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang telah dikorporatkan pada tahun 1996.

Pendekatan mengkorporatkan JKDM juga dijangka akan dapat mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan yang melibatkan kos operasi

dan kos pembangunan Jabatan Kastam. Oleh yang demikian, langkah pengkorporatan Jabatan tersebut dilihat akan memberikan kesan positif terhadap Kerajaan secara keseluruhan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

YB. Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] meminta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan kes yang dilaporkan dan disiasat membabitkan penipuan pakej Umrah bagi tempoh 2012 hingga terkini 2014 dan nyatakan bilangan syarikat pelancongan yang menipu pengguna dalam menyediakan pakej mengerjakan Umrah serta langkah-langkah Kerajaan bagi membanteras kegiatan penipuan ini dari berterusan.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh tahun 2012 hingga Mei 2014, sebanyak empat (4) kes penipuan umrah telah disiasat oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang membabitkan tiga (3) buah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan sebuah syarikat pengendalian pelancongan yang tidak berlesen.

Dalam hal ini, Kementerian telah mengambil tindakan pembatalan lesen ke atas syarikat-syarikat yang berlesen manakala bagi syarikat tidak berlesen, Kementerian telah menjalankan tindakan pendakwaan kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

Bagi memastikan syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti penipuan menerima hukuman yang lebih berat, Kementerian telah merujuk kes penipuan kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk dikenakan tindakan di bawah Kanun Keseksaan.

Tambahan kepada itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga mengambil langkah-langkah berikut:

- i) Meningkatkan usaha pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya ke atas syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen dan juga syarikat atau individu yang mengendalikan pakej umrah tanpa lesen;

- ii) Membuat semakan semula ke atas kadar denda mahkamah yang dikenakan ke atas pesalah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya;
- iii) Melaksanakan kempen kesedaran mengenai penipuan umrah secara berterusan kepada golongan sasaran terutama wakil Jawatankuasa Masjid/Surau, pemimpin masyarakat dan orang ramai supaya mengetahui ciri-ciri dan modus operandi syarikat umrah palsu serta kepenggunaan dari segi pemilihan pakej umrah yang sah oleh syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang berlesen dengan Kementerian;
- iv) Kementerian telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk membantu menyampaikan maklumat dan kesedaran awam mengenai penipuan pakej umrah melalui khutbah Jumaat; dan
- v) Kementerian juga akan memperluaskan hebahan mengenai langkah-langkah bagi mengelakkan penipuan pakej pelancongan khususnya melalui media elektronik dan media sosial.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perbezaan antara khidmat yang diberikan oleh Jabatan Bantuan Guaman dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan dan apakah pencapaian oleh kedua-dua entiti ini sejak ia ditubuhkan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Bantuan Guaman (JBG) atau dahulunya dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman (BBG) merupakan jabatan Kerajaan yang telah ditubuhkan pada tahun 1970 melalui Ordinan No.39 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 [P.U.[A] 257/1970] manakala Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai suatu syarikat berhad menurut jaminan pada 25 Januari 2011.
2. Pada amnya, JBG dan YBGK memberi perkhidmatan yang hampir sama iaitu khidmat nasihat dan bantuan guaman dalam perkara jenayah secara percuma atau dengan bayaran yang minimum kepada golongan yang kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan dari segi bidang kuasa dan kumpulan sasaran.
3. Bidang kuasa jenayah JBG hanya meliputi pengendalian prosiding melibatkan tertuduh yang tidak diwakili oleh peguam mengaku salah kepada pertuduhan dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan dengannya (*plea in mitigation*), prosiding jenayah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] dan prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336].

4. Selain itu, JBG juga memberi khidmat nasihat guaman, mewakili atau memberi bantuan guaman di Mahkamah Sivil dan Syariah, memberi khidmat pengantaraan dan memberi penerangan serta kesedaran undang-undang kepada masyarakat. Bidang kuasa sivil JBG merangkumi pengendalian kes kekeluargaan Sivil dan Syariah. Di samping itu, JBG turut mengendalikan kes sivil pelbagai termasuk kes kemalangan jalan raya, sewaan, pentadbiran harta pusaka, sewa beli, pemberi pinjam wang serta tuntutan pengguna.

5. JBG menawarkan khidmat bantuan guaman dengan bayaran fi pendaftaran berdasarkan sumber kewangan pemohon. Bagi pemohon yang mempunyai pendapatan tahunan di bawah RM25,000, pemohon dikenakan bayaran fi pendaftaran RM2. Pemohon dengan pendapatan antara RM25,000 hingga RM30,000 setahun dikenakan bayaran fi pendaftaran RM2 dan bayaran sumbangan sebanyak RM300.

6. YBGK pula menyediakan khidmat nasihat dan bantuan guaman secara percuma dalam perkara jenayah termasuk jenayah Syariah kepada warganegara Malaysia di peringkat tangkapan, reman, pertuduhan dan permohonan ikat jamin. Ujian kemampuan hanya akan dijalankan untuk menentukan kelayakan orang yang akan menerima bantuan guaman di peringkat perbicaraan dan rayuan di mahkamah, iaitu bagi mereka yang berpendapatan tidak melebihi RM36,000 setahun.

7. Walau bagaimanapun, YBGK tidak menyediakan bantuan guaman bagi kes kesalahan hukuman mati kerana peguam lantikan

mahkamah (*assigned counsel*) akan disediakan oleh pihak Mahkamah.

8. Sejak tahun 1970 hingga April 2014, sebanyak 370,317 khidmat nasihat telah diberikan dan sebanyak 250,008 kes yang didaftarkan oleh JBG.

9. Sejak mula beroperasi pada 2 April 2012 sehingga April 2014, YBGK telah memberikan perkhidmatan kepada 189,187 orang warganegara Malaysia daripada peringkat tangkapan sehingga perbicaraan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kerajaan akan membina Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia di bandar utama Sarawak seperti di Bandaraya Miri dan berapa unit peruntukan rumah tersebut akan dibina di negeri Sarawak.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan PPA1M bagi mengatasi isu pemilikan rumah di kalangan penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana. Definisi penjawat awam dalam program ini ialah:

- (i) seorang anggota Perkhidmatan Awam (definisi mengikut Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan) yang termasuk anggota beruniform seperti tentera dan polis; **atau**
- (ii) seorang anggota badan-badan berkanun Persekutuan (BBP) dan badan-badan berkanun Negeri (BBN) termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PPA1M akan dibangunkan di lokasi yang diluluskan oleh Kerajaan berdasarkan permintaan yang munasabah. Dalam hal ini juga, sebelum sesuatu lokasi PPA1M dimuktamadkan, agensi pelaksana akan melaksanakan kaji selidik yang terperinci berkaitan permintaan dan penawaran bagi menentukan bilangan unit yang akan dibangunkan serta mengenal pasti tanah/tapak projek yang bersesuaian. Pendekatan ini adalah terpakai di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, perancangan program ini adalah tertumpu di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENNA]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan harga getah yang sampai kepada pengeluar (pekebun dan penoreh) berada pada kadar yang munasabah selepas dari harga FOB.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan harga *farmgate* getah adalah berasaskan harga *Free On Board* (FOB) SMR 20, setelah ditolak beberapa kos tertentu seperti kos pemprosesan, pengangkutan dan keuntungan kepada pembeli/ pemproses. Selain daripada itu, penetapan harga di peringkat *farmgate* juga dipengaruhi oleh kandungan getah kering (*Dry Rubber Content - DRC*).

Dalam hubungan ini, Kabinet baru-baru ini telah meluluskan cadangan pelaksanaan mekanisma yang baru untuk mengawal selia harga getah di peringkat ladang. Mekanisma ini bertujuan untuk mengurangkan lapisan pemasaran bagi memastikan harga di ladang (*farmgate price*) yang diterima oleh pekebun kecil adalah berpatutan.

Di samping itu, usaha-usaha akan terus diambil supaya pekebun kecil menghasilkan getah yang bersih dan berkualiti untuk memastikan harga yang diterima adalah lebih baik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMOR]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status kewangan terkini untuk syarikat Indah Water Konsortium. Baru-baru ini, terdapat kes di mana tarif caj pembedaan untuk lot-lot kedai telah dinaikkan daripada RM8/- sebulan ke RM20/- sebulan atas alasan Peningkatan Nilai Premis. Sejak bila, asas dan berapa lot-lot kedai yang terlibat dalam peningkatan nilai premis ini

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kedudukan kewangan IWK pada masa ini amat meruncing dengan kerugian terkumpul syarikat direkod sehingga 31 Disember 2013 mencecah RM1.2 billion. Faktor utama adalah disebabkan oleh kadar tarif semasa yang rendah di mana tiada kenaikan semenjak tahun 1994 malah mengalami penurunan pada setiap kali semakan yang dipohon pada tahun 1998, 1999 dan 2004. Keadaan ini mengakibatkan IWK menghadapi defisit operasi yang semakin meningkat setiap tahun.
2. Kaedah pengebilan yang digunakan oleh IWK adalah selaras dengan peruntukan undang-undang subsidiari yang terkandung di dalam **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pembedugan (Caj) 1994** dan telah digunapakai sejak tahun 1997 sehingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kadar caj asas yang dikenakan kepada pengguna komersil adalah mengikut nilai tahunan premis yang dinilai oleh Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT). Terdapat 21 jalur caj asas yang dikategorikan untuk premis komersil dengan kadar caj terendah bermula dari RM8.00 kepada kadar caj tertinggi iaitu RM9,600.00 sebulan.

4. Semasa pengambilalihan loji rawatan kumbahan oleh IWK, lot-lot kedai berkenaan masih belum mempunyai nilai tahunan. Sehubungan itu, IWK telah menggunakan kadar caj yang terendah iaitu RM8.00 sebagai kadar caj asas sehingga maklumat nilai tahunan premis komersil tersebut diperolehi daripada PBT.

5. Berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi daripada PBT, lot-lot kedai berkenaan mempunyai nilai tahunan di antara RM5,001.00 sehingga RM10,000.00. Oleh yang demikian, IWK telah mengebil premis komersil tersebut berdasarkan kepada nilai tahunan terkini. Justeru itu, kadar caj asas yang perlu dikenakan adalah sebanyak RM20.00 sebulan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah ia benar bahawa dalam subjek pelajaran Sejarah, sejarah Sabah dan Sarawak sudah semakin berkurangan, lebih sejarah mengenai Melayu dan Islam diutamakan. Apakah hasil siasatan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 2010 terhadap dakwaan bahawa buku teks Sejarah bias dan faktanya pula silap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum dan Buku Teks Sejarah pada tahun 2010, menunjukkan pada keseluruhannya kandungan buku teks Sejarah yang sedia ada telah dapat mencerminkan dan menterjemahkan matlamat, objektif dan kandungan kurikulum mata pelajaran Sejarah. Penulisan dan pendidikan sejarah juga berasaskan kepada kaca mata, aspirasi dan pandangan masyarakat di Malaysia secara umum (*Malaysian Centric*). Berkaitan dengan isu kesahihan fakta sejarah yang terdapat dalam penulisan Buku Teks Sejarah, adalah didapati Buku Teks Sejarah tidak mempunyai banyak kesilapan seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Hanya terdapat beberapa kekeliruan kecil berkaitan istilah tertentu yang berpunca daripada *different school of thoughts* pihak-pihak tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah telah ditubuhkan pada 3 Mei 2011 bagi melihat kandungan kurikulum dan buku teks di peringkat sekolah menengah. Hasilnya, tema tentang tajuk sejarah Sabah dan Sarawak telah disentuh dan disusun mengikut rentetan peristiwa (kronologi) melalui tema berikut:

Tingkatan	Tema
Tingkatan 1	Tema 2: Kesultanan Melayu Melaka menjadi Asas Kerajaan Masa Kini
Tingkatan 2	Tema 3: Kemakmuran dan Kekayaan Negara Kita Menarik kuasa Luar untuk Menjajah
Tingkatan 2	Tema 4: Tindakbalas Masyarakat Tempatan Terhadap Penjajah British
Tingkatan 3	Perjuangan Rakyat ke arah Kemerdekaan Tanah Air
Tingkatan 3	Pembentukan Persekutuan Malaysia
Tingkatan 5	Tema 11: Pembinaan Negara Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6880

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- a) adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk menyeragamkan nombor siri dokumen perjalanan antarabangsa (pasport) kepada semua pemohon agar nombor siri tersebut tidak bertukar-tukar setiap kali permohonan pembaharuan dibuat; dan
- b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah kaunter Imigresen atau kiosk pembaca pasport automatik di lapangan terbang KLIA 2 memandangkan ramai warganegara yang berulang alik di antara dalam dan luar negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran nombor Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) kepada pemegang pasport adalah berbeza setiap kali pembaharuan PMA dibuat. Pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk mengawal dan memelihara stok buku pasport yang perlu dikaitkan dengan identiti pemilik. Kaedah yang diguna pakai oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ini adalah di atas sebab-sebab berikut:

- (i) Pasport yang dikeluarkan pada masa ini mempunyai ciri-ciri kawalan stok di mana nombor siri pasport telah siap dicetak (*pre-printed*) dan sedia ditebuk pada helaian buku (*perforated*) bagi memudahkan JIM mengawal pengeluaran dan pengiraan stok buku pasport di samping bertindak sebagai tanda pengenalan kepada buku pasport tersebut;**

- (ii) Dalam kaedah pemberian nombor pasport kepada pemilik, nombor siri buku tersebut didaftarkan kepada individu. Kaedah ini adalah berdasarkan kepada konsep '*one book identity for one holder identity only*' di mana identiti pemegang pasport dikaitkan dengan nombor siri pasport tersebut.**

Kesimpulannya nombor pasport adalah sama dengan nombor siri (kawalan) buku pasport. Nombor pasport berserta buku pasport yang baru akan diberikan kepada pemegang pasport setiap kali ia diperbaharui.

Berhubung soalan kedua Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk menambah kaunter imigresen atau kiosk pembaca pasport automatik di lapangan terbang KLIA2. Ini berikutan kekangan ruang yang terdapat di ruang pemeriksaan imigresen di KLIA2 dan bilangan kaunter sedia ada yang mencukupi.

SOALAN NO. : 97

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

PR-1322-L62983

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tindakan Kementerian mengenai pencemaran udara dan sungai disebabkan oleh projek pelupusan sisa pepejal di kawasan Lahat Papan, Batu Gajah. Sejauh manakah Sungai Johan tercemar akibat projek ini dan merosakkan ekosistem yang sedia ada

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pelupusan sisa pepejal di kawasan Lahat Papan, Batu Gajah adalah projek yang dibangunkan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan diuruskan oleh Syarikat Selektta Spektra Sdn. Bhd. Tapak pelupusan ini telah beroperasi sejak awal Januari 2012 tanpa terlebih dahulu menyediakan dan mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA).

Jabatan Alam Sekitar memantau rapi pengoperasian tapak pelupusan ini sejak tahun 2012 dan tindakan-tindakan penguatkuasaan berbentuk kompaun dan notis-notis arahan telah dikeluarkan kepada pihak yang terbabit termasuklah arahan supaya menyediakan laporan EIA terperinci. Pihak Selektta Spektra juga telah diberi notis.

Jabatan Alam Sekitar juga sedang melengkapkan siasatan bagi membolehkan tindakan perundangan yang lebih tegas diambil ke atas pihak terbabit berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Berkaitan dengan kualiti air Sungai Johan yang merupakan anak Sungai Serokai, rekod Jabatan Alam Sekitar menunjukkan Sungai Serokai berada pada tahap sederhana tercemar iaitu Kelas III berdasarkan Standard Kualiti Air Sungai Kebangsaan. Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING
KAWASAN : SERDANG
TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DR. ONG KIAN MING (SERDANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek terowong dan lintas laluan di Lebuhraya SILK dari Kajang Utama ke bandar Kajang yang sepatutnya bermula pada 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Pada masa kini kerja-kerja pembersihan tapak untuk cadangan projek pembinaan akses laluan dari Taman Kajang Utama ke Taman Kajang Sentral yang melalui Lebuhraya SILK baru sahaja disiapkan. Kerja-kerja pembinaan fizikal pula akan dimulakan pada bulan Julai 2014. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM21 juta itu dijangka akan siap dalam tempoh 24 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat perubahan mengenai reka bentuk konsep untuk akses laluan berkenaan, iaitu dari cadangan pembinaan 'underpass' (terowong) kepada 'overpass' (jejambat). Ini disebabkan terdapat isu-isu teknikal yang berbangkit, antaranya isu berkaitan kaedah pembinaan projek, isu 'discharge area' dan keperluan untuk meminimumkan pengurusan trafik semasa kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkah pihak Kerajaan nyatakan secara terperinci, berapakah sebenarnya bilangan telaga minyak dan gas yang sedang beroperasi sepenuhnya di perairan negeri Kelantan, kawasan Joint Development Area (JDA) dan Commercial Arrangement Area (CAA), dan berapakah hasil minyak dan gas yang dikeluarkan sehari.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah lapangan minyak dan gas yang sedang beroperasi sepenuhnya di Fasa Pengeluaran serta kadar pengeluaran bagi kawasan Joint Development Area (JDA), Commercial Arrangement Area (CAA) dan persisiran pantai Semenanjung Malaysia masing-masing adalah seperti yang berikut:-

Data pada 31 Disember 2013	Bilangan lapangan minyak & gas	Kadar Pengeluaran (Kboed)
PM3CAA	9	30
Joint Development Area	6	97
Semenanjung Malaysia (<i>Nota</i>)	64	540

Nota: Lapangan minyak dan gas di Semenanjung Malaysia tidak dikenalpasti mengikut persempadanan negeri kerana kesemua aktiviti-aktiviti mencari gali di luar persisiran pantai tersebut berada di luar kawasan 3 batu nautika dan tertakluk dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang akan diambil untuk memastikan setiap panggilan awam ke mana-mana jabatan, agensi, badan berkanun di bawah Kerajaan Persekutuan dapat dijawab dalam masa yang tersingkat. Sila nyatakan purata masa menunggu bagi setiap panggilan yang dibuat ke pihak-pihak tersebut.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi perhatian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan pelanggan terutamanya pengurusan panggilan awam. Bagi memastikan setiap panggilan awam ke mana-mana jabatan, agensi, badan berkanun di bawah Kerajaan Persekutuan dapat dijawab dalam masa yang tersingkat, Pusat Panggilan 1Malaysia (*1Malaysia One Call Center* atau 1MOCC) telah ditubuhkan.

Fasa 1 1MOCC telah dilancarkan pada 12 November 2012 yang melibatkan 21 agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan 4 agensi barisan hadapan iaitu Perbadanan Putrajaya, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Fasa 2 dilaksanakan pada 15 Januari 2013 dengan perluasan perkhidmatan 1MOCC ke 23 Ibu Pejabat Kementerian. 1MOCC boleh dihubungi dengan 6 saluran perkhidmatan iaitu telefon & SMS (+603-80008000), faks (+603-80008000), e-mel (80008000@1mocc.gov.my), laman web (www.malaysia.gov.my), Facebook (facebook.com/myGovPortal) dan Twitter (twitter.com/myGovPortal).

Pelaksanaan 1MOCC menggunakan 3 sistem iaitu sistem Telefoni Avaya untuk pengambilan panggilan secara automatik, *Customer Relationship Management (CRM) System* yang merekodkan semua transaksi yang diterima dan *Sistem Knowledge Based (KBase)* untuk rujukan utama Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) sewaktu berurusan dengan pelanggan.

Sejak 1MOCC dilancarkan hingga 31 Mei 2014, sejumlah 1,888,204 transaksi telah diterima oleh 1MOCC melalui saluran panggilan telefon. Daripada keseluruhan transaksi tersebut, 95.71% daripadanya telah dijawab dalam tempoh 20 saat iaitu mencapai *Service Level Agreement (SLA)* dan KPI (90%) yang ditetapkan. Purata masa yang diambil untuk mengendalikan satu panggilan di 1MOCC adalah 238 saat (kurang 4 minit).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi menambah baik dan memantapkan keupayaan penyampaian perkhidmatan Pegawai Khidmat Pelanggan (PKP) 1MOCC. Antara usaha yang dilakukan ialah memberi latihan yang berterusan dan kursus motivasi kepada PKP yang bertugas. PKP telah didedahkan kepada kursus komunikasi berkesan, pengurusan dan pemantapan sahsiah diri serta peningkatan profesionalisme. Di samping itu, kebajikan PKP juga dititikberatkan supaya pegawai boleh lebih fokus kepada penyampaian perkhidmatan terutama menguruskan panggilan yang diterima oleh 1MOCC.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kos dan status terkini pengubahsuaian keseluruhan bangunan Parlimen. Kos komputer lama dan baru bagi kegunaan Dewan Parlimen Sementara dan alasan pembelian komputer baru itu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan keseluruhan yang diluluskan untuk projek ubahsuai dan naiktaraf Bangunan Parlimen adalah berjumlah RM520 juta (Ringgit : Lima ratus dua puluh juta sahaja). Status terkini projek adalah seperti berikut :

Fasa	Status
Fasa 1A : Baik pulih dan Naiktaraf Bangunan Dewan Serbaguna untuk dijadikan Dewan Negara dan Dewan Rakyat Sementara.	Siap pada 5 September 2011 Kos : RM 31 juta
Fasa 2A : Baik pulih Panel Fasad dan Bumbung Pinnacle Blok Utama dan Blok Menara	Siap pada 26 September 2013 Kos : RM 17 juta
Fasa 2B Baik pulih dan Naiktaraf Blok Utama serta kerja-kerja berkaitan.	Pembinaan dijadualkan bermula pada bulan Julai 2014 dan dijangka siap pada Disember 2016.
Fasa 2C Membaik pulih Blok Menara	Pembinaan dijadualkan bermula pada November 2016 dan dijangka siap pada Mac 2018.
Fasa 3A	Pembinaan dijadualkan bermula

Pembinaan Blok Baru Ahli Parlimen dan Pejabat Pentadbiran - Infra	pada September 2014 dan dijangka siap pada Ogos 2016.
Fasa 3B Pembinaan Blok Baru Ahli Parlimen dan Pejabat Pentadbiran	Tender dijadualkan pada awal Disember 2014 dan dijangka siap pada Oktober 2017.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat berkaitan komputer, perolehan komputer baru (*Tablet PC*) adalah salah satu daripada usaha menaiktaraf kemudahan ICT di Parlimen Malaysia. Kerajaan prihatin dengan rungutan Ahli-ahli Parlimen mengenai kemudahan komputer dan talian internet yang tidak memuaskan di dewan sebelum ini. Menyedari bahawa perkakasan sebelum ini adalah dipasang pada tahun 2008 dan peningkatan teknologi ICT yang berkembang dari masa ke semasa maka perolehan *Tablet PC* secara sewaan telah dilakukan dengan hasrat menyediakan kemudahan ICT yang berspesifikasi tinggi dan terkini sejajar dengan arus teknologi semasa.

Pecahan kos komputer lama (*touchscreen*) dan komputer baru (*Tablet PC*) adalah seperti berikut :

<u>Komputer Lama</u>	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
Net Eon Touch Screen All-in-One PC (Termasuk kabel, switch, ubahsuai perabot dan konfigurasi).	380	11,916.00	4,268,500.00

<u>Komputer Baru</u>		187.00	
Sony VAIO Duo 13 Tablet PC	245	(sewa sebulan)	
		2,244.00	549,780.00
		(sewa setahun)	(sewa setahun)

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 16 JUN 2014 [ISNIN]

SOALAN :

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aset faraid yang tidak dituntut, aset beku dan hartanah wakaf yang tidak dimanfaatkan.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan aset alih orang Islam untuk tujuan pembahagian faraid kepada waris-waris yang berhak, yang diuruskan oleh satu agensi khas iaitu **Amanah Raya Berhad (ARB)**. Manakala kes-kes faraid yang lain diuruskan oleh waris-waris sendiri di **Pejabat Pusaka Kecil daerah masing-masing setelah mendapat perintah bahagian faraid dari Mahkamah Syariah.**

Bagi kes yang diuruskan oleh ARB, proses yang berjalan ialah pihak waris akan mendaftarkan permohonan di ARB beserta maklumat harta peninggalan si mati berdasarkan maklumat dari pihak bank atau mana-mana agensi di mana harta si mati berada. **Oleh kerana semua jenis**

kes faraid tersebut didaftarkan sendiri oleh waris-waris, maka tidak wujud isu aset faraid tidak dituntut. Sebarang kelewatan penyelesaian kes-kes faraid di semua agensi yang berkenaan, lazimnya berpunca dari masalah berkaitan waris-waris sahaja dan tidak timbul persoalan harta atau aset yang telah ditentukan statusnya sebagai harta faraid tidak dituntut oleh waris-waris.

Berhubung dengan **aset beku dan hartanah wakaf yang tidak dimanfaatkan** pula, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuk urusan wakaf terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf di negeri masing-masing, bertanggung jawab untuk memastikan hartanah wakaf diuruskan dengan sebaiknya.

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), jumlah keluasan tanah wakaf di seluruh Malaysia adalah berjumlah **11,091.82** hektar. Sehubungan itu, menyedari tentang tanggung jawab berkaitan wakaf sepenuhnya dibawah bidang kuasa pihak berkuasa Agama Islam Negeri, maka Kerajaan Persekutuan melalui **Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)** adalah sebagai pemudahcara diperingkat nasional bagi membantu dan memudahcara usaha membangunkan tanah wakaf secara berperingkat-peringkat mengikut kesesuaian tanah wakaf berkaitan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK CHUA TEE YONG
[LABIS]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

DATUK CHUA TEE YONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pengundi yang didaftarkan oleh penolong pendaftar pemilih wakil parti politik mengikut parti politik sejak Pilihan Raya Umum ke 13 dan jumlah pengundi.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 30,920 pemilih telah didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih (Parti Politik) seluruh negara dari bulan Jun 2013 hingga bulan April 2014.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan Sekolah Berasrama Penuh dan MRSM mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menggalakkan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) untuk menganjurkan program-program peringkat antarabangsa di dalam dan luar negara. Antaranya ialah penganjuran *Fully Residential School International Symposium* sebagai acara tahunan dalam negara, menyertai pertandingan di bidang kejuruteraan, robotik dan sains di luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6882

SOALAN :

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan ciri-ciri militan dan apakah asas-asas penangkapan yang disyaki militan baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Ciri-ciri militan yang seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Dungun adalah orang atau kumpulan yang mempunyai fahaman atau kepercayaan yang berlebih-lebihan atau kepercayaan yang melebihi batasan ajaran sesuatu Agama itu sehingga cenderung menggunakan keganasan dan kekerasan untuk mencapai sesuatu tujuan. Kumpulan ini juga bergerak aktif untuk merekrut ahli-ahli baru bagi tujuan melancarkan operasi jihad di dalam mahupun di luar negara.

Dari segi asas-asas penangkapan terhadap beberapa inividu ini, selain daripada mempunyai ciri-ciri seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, individu-individu ini juga adalah tergolong daripada kumpulan militan yang baru ditubuhkan. Kumpulan mereka sedang bergerak aktif untuk merekrut ahli-ahli baru bagi tujuan melancarkan operasi jihad di dalam mahupun di luar negara. Terdapat tiga (3) sel utama kumpulan ini yang dikenalpasti dan langkah-langkah membanteras telahpun dijalankan. Namun begitu, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci berhubung perkara ini kerana pihak polis masih menjejaki saki-baki anggota kumpulan ini.

Walau bagaimanapun, di sini saya ingin memberi jaminan bahawa pihak PDRM sentiasa memantau sebarang cubaan untuk menggerakkan semula

aktiviti kumpulan-kumpulan militan yang baru bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam agar terus terpelihara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan projek perumahan yang masih terbengkalai di Sabah dan apakah tindakan Kementerian untuk membantu pembeli rumah-rumah yang terlibat terutamanya dalam melindungi hak-hak mereka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sabah bertanggungjawab untuk membuat pemantauan dan juga pemulihan memandangkan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] tidak berkuatkuasa di sana. Pemantauan dan penguatkuasaan pemajuan perumahan dilaksanakan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah (KKTP) melalui Enakmen Perumahan (Pengawalan dan Pelesenan Pemaju-Pemaju Perumahan)1978 (Sabah No.24 of 1978).

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah telah memaklumkan bahawa sehingga 11 Jun 2014, terdapat empat (4) projek perumahan swasta terbengkalai di Negeri Sabah iaitu Taman Hartawan, Taman Mepo dan Taman Richdar yang terletak di kawasan Kota Kinabalu masih dalam perancangan pemulihan, manakala Taman Kota Keningau, Keningau telah berjaya diselesaikan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jun 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH

TARIKH: 16 JUN 2014

SOALAN:

Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan gaji dan upah para pekerja yang rendah iaitu sekitar 32% daripada nilai GDP agar setara dengan dengan negara maju iaitu sekitar 50% dari GDP.

PR-1322-L61814

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, kadar upah daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Growth Domestic Product* (GDP) boleh ditingkatkan melalui beberapa pendekatan, antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan telah melaksanakan dasar gaji minimum yang bertujuan meningkatkan kadar upah tenaga kerja di negara ini. Dasar ini telah berkuatkuasa 1 Januari 2013 yang mana perundangan baru ini mewajibkan pekerja dibayar gaji

minimum RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Akta Majlis Perundingan Gaji negara 2011 yang memperuntukan Perintah Gaji Minimum 2012 perlu dikaji satu kali dalam tempoh dua tahun;

- (ii) Meningkatkan produktiviti pekerja negara dengan menambah nilai kerja dari sudut teknologi, inovasi dan kreativiti Mengubah industri dari berintesis buruh kepada automasi dan mekanisasi.

- (iii) Memperkenalkan Inisiatif Pembaharuan Strategik bagi Pembangunan Modal Insan yang bertujuan memupuk transformasi di tempat kerja dan tenaga kerja, mewujudkan persekitaran kerja yang berdaya saing, menarik dan mengekalkan bakat serta peningkatan kemahiran tenaga kerja yang sedia ada.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji
Mohamad
[Lipis]**

TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 108

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan strategi RISDA untuk mencapai matlamat produktiviti pengeluaran Getah dan pengurangan kos di ladang RISDA bagi tahun 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memastikan produktiviti dapat dicapai, aspek-aspek berikut telah diberi perhatian iaitu :

i. Penanaman dan Penyenggaraan

Menggunakan benih bermutu tinggi dengan kaedah penanaman pada jarak dan teknik tanaman dalam. Pekebun kecil juga dibimbing dengan latihan dan teknik penanaman serta penyenggaraan kawasan oleh kakitangan di lapangan;

ii. Pembajaan

Dilakukan mengikut kaedah yang disyorkan dan berjadual pada masa-masa yang sesuai;

iii. Bahan rangsangan

Dilaksanakan secara berjadual untuk meningkatkan pengeluaran susu getah;

iv. Penorehan

Bilangan penoreh yang mencukupi untuk melakukan kerja-kerja torehan di kebun dengan bilangan pokok 500 hingga 550 pokok getah untuk setiap tugas;

v. Galakan Menoreh

Pemilik kebun yang menoreh di kebun sendiri adalah digalakan untuk meningkatkan bilangan hari menoreh dari 12 kepada 14 hari bagi satu tugas setiap bulan secara tetap. Ini bermaksud torehan ganti perlu dilaksanakan bagi menggantikan hari yang tidak menoreh atau melakukan torehan berganda bagi tugas yang tertinggal. Selain itu, penorehan lewat juga perlu dilakukan bagi kes hujan di awal pagi; dan

vi. Kawalan Penyakit Pokok

Melaksanakan kawalan penyakit sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan pokok dijangkiti penyakit seperti penyakit akar dan cendawan angin. Selain itu, kawalan makhluk perosak seperti anai-anai, landak dan tapir juga perlu dilaksanakan mengikut keperluan.

Bagi memastikan kos di ladang dapat dikurangkan pula, langkah-langkah berikut telah dikenalpasti dan dilaksanakan:

i. Pengurusan secara berkelompok

Ini dapat mengurangkan kos dan perbelanjaan pembangunan ladang seperti kos pagar, jalan ladang, parit dan logistik;

ii. Pembekalan benih getah

Memastikan anak benih adalah dari sumber tapak semaian RISDA sendiri yang dijual pada harga yang lebih murah berbanding di pasaran semasa;

iii. Tanaman anak benih getah

Anak benih getah akan ditanam pada waktu yang betul bagi meningkatkan peratusan pokok hidup yang tinggi;

iv. Pembajaan

Teknik pembajaan dilakukan mengikut kadar yang disyorkan untuk mengelakkan pembaziran sumber;

v. Meracun dan merumpai

Melaksanakan kerja-kerja meracun dan merumpai mengikut keperluan;

vi. Pembinaan depo belian dan Pusat Timbang dan Stor (PTS)

Depo dan PTS dibina berhampiran kawasan projek bagi mengurangkan kos pengangkutan semasa menjual getah. Selain itu ia dapat menjimatkan masa dan tenaga sekiranya getah dijual di kawasan berhampiran projek; dan

vii. Pembinaan Prasarana

Prasarana dibina dalam ladang yang menghubungkan kebun-kebun getah di sesuatu kawasan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL
AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

YB. Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] meminta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian itu bercadang mewujudkan satu peraturan yang menetapkan mana-mana agensi yang mengendalikan pakej umrah meletakkan simpanan tetap (*fixed deposit*) seperti mana ditetapkan Tabung Haji untuk urusan kepada pengendali swasta.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Undang-undang dan peraturan yang menetapkan syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan berlesen yang mengendalikan pakej ke luar negara termasuk pakej umrah untuk menandatangani sejumlah wang kepada Kementerian atau membeli insurans atau jaminan bank dengan nilai RM100,000 telah diperuntukkan di bawah Seksyen 16(3), Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturannya. Kementerian bersedia untuk menguatkuasakan peraturan ini setelah mengambilkira pandangan semua pihak, terutamanya penggiat industri bagi memastikan kepentingan pengguna dan orang awam dilindungi.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 16 JUN 2014 [ISNIN]

SOALAN :
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes permohonan penukaran penafsiran agama ke "Bukan Islam" yang didaftarkan dengan Mahkamah Syariah Kuala Lumpur untuk tiap tahun 2008 hingga 2013 dan bilangan yang telah pun diselesaikan mengikut pecahan tahun pendaftaran kes.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes permohonan pengisytiharan status agama Islam kepada bukan Islam yang difailkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dari tahun 2008 hingga 2013 adalah sebanyak **94** kes. Dari jumlah tersebut, sebanyak **67** kes telah diselesaikan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B) (LUMUT)**

**TARIKH : 16.6.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Skim Pertukangan Perantis, Sekolah Pertukangan Perantis Tentera Darat yang telah diasaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada tahun 1969 akan dikekalkan dengan pengambilan 120 orang perantis setiap tahun memandangkan skim ini telah berjaya melahirkan Pegawai dan Anggota yang berwibawa di semua peringkat Warga Angkatan Tentera Malaysia. Apakah langkah susulan Kementerian mengenai perkara tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tentera Darat sedia maklum bahawa Sekolah Pertukangan Perantis TD (SPPTD) berperanan sebagai sumber kemasukan modal insan yang mempunyai kemahiran teknikal/vokasional bagi memenuhi keperluan pelbagai Kor/Rej TD. Kurikulum semasa tertumpu kepada subjek wajib SPM dan Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV).

Bermula tahun 2013, Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) ini tidak lagi ditawarkan dan program Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengambil tempat dalam mengarusperdanakan pendidikan vokasional di Malaysia sejajar dengan Transformasi Pendidikan Vokasional Negara. Penjumudan MPAV oleh Kementerian Pelajaran Malaysia akan menjejaskan Sekolah Pertukangan Perantis Tentera Darat. Halatuju dan kewujudan Sekolah Pertukangan Perantis Tentera Darat akan ditentukan setelah Tim Kajian mengemukakan laporannya. Dalam apa jua keadaan, perkembangan dan kehendak organisasi adalah

**diambilkira dan segala aspek akan dilihat dan dirumuskan
sebelum sebarang keputusan dibuat.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN
HAMZAH [JASIN]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan potensi impak El Nino ke atas negara kita dari pelbagai aspek kehidupan kerana ianya diunjurkan akan melanda rantau ini mulai Jun – Ogos 2014 dalam tempoh yang panjang serta langkah-langkah persiapan untuk mendepaninya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) pada 15 April 2014, fenomena El Nino berkemungkinan akan terjadi pada pertengahan tahun ini dan dijangka bermula di antara bulan Jun dan Ogos depan. Sekiranya negara kita terkesan dengan fenomena El-Nino ini, kedudukan bekalan air di negeri-negeri khususnya di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, dijangka akan lebih meruncing berbanding dengan kedudukan pada awal tahun ini berikutan negara juga akan mengalami Monsun Barat Daya pada bulan Jun hingga September.
2. Walaupun tahap kekuatan fenomena El Nino masih belum dapat ditentukan, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air di seluruh negara. Jawatankuasa tersebut juga akan membincangkan kesan fenomena El Nino terhadap sektor-sektor lain yang berkaitan dan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkan kesannya kepada sektor-sektor tersebut.

3. Selain itu, beberapa langkah persediaan telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri terutamanya bagi negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mengalami krisis air yang meruncing pada awal tahun ini. Antaranya ialah operasi pembenihan awan untuk meningkatkan simpanan air mentah di empangan-empangan, mengepam air sungai ke kolam atau tasik sebagai simpanan untuk kegunaan semasa cuaca panas dan kering, meneroka penggunaan air bawah tanah dan menyalurkan air mentah dari Sungai Semantan, Pahang melalui terowong Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor ke Sungai Langat.

4. Selain tindakan yang diambil oleh Kerajaan, kerjasama semua pihak juga amat penting untuk menghadapi fenomena El Nino ini. Oleh itu, saya menyeru para pengguna untuk membudayakan penggunaan air secara berhemat. Pengguna-pengguna industri pula disarankan untuk mengambil langkah-langkah alternatif yang boleh mengurangkan impak krisis air seperti menggunakan air bawah tanah, mengitar semula air, menggunakan kelengkapan cekap air dan meningkatkan kapasiti tangki simpanan air masing-masing.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH [KUALA
TERENGGANU]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah polisi dan pendirian Kementerian atas pembinaan bangunan-bangunan serta struktur-struktur yang dibina di atas sungai-sungai dan longkang terbuka besar yang menutup permukaan air dari pendedahan kepada cahaya matahari serta udara.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa melulus dan melesenkan sebarang pembinaan bangunan atau struktur di atas sungai adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sebagaimana Peruntukan yang termaktub dalam Perkara 5(1)(b) dan 5(1)(c) Akta Air 1920 (Disemak - 1989). Peruntukan undang-undang yang sama bagi kelulusan pembinaan struktur di atas sungai ini juga termaktub di dalam Enakmen berkaitan air di lain-lain negeri.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) secara dasarnya tidak menggalakkan sebarang pembinaan bangunan atau struktur dibuat merentasi atau di dalam sungai. Ini kerana ia akan menyebabkan kesulitan kepada pihak JPS untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan tebatan banjir.

JPS telah menerbitkan beberapa garis panduan berkaitan pembinaan struktur di atas sungai iaitu Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai (1995), Garis Panduan Pembangunan Melibatkan Sungai dan Rizab Sungai (2000), Garis Panduan Memproses Permohonan Lintasan Paip Gas di atas Sungai, Longkang dan Tali Air (1993) dan Garis Panduan Memproses Permohonan dan Menetapkan Syarat-Syarat bagi Jambatan dan Lintasan. Garis panduan-garis panduan ini menetapkan syarat-syarat teknikal yang seharusnya dipatuhi bagi setiap permohonan bagi cadangan pembangunan yang melibatkan sungai dan tebing sungai. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

SOALAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 114

**YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- (a) bilangan kemalangan maut kenderaan bermotor yang melibatkan kanak-kanak berumur di bawah 5 tahun;
- (b) sama ada terdapat perancangan untuk menguatkuasa penetapan tempat duduk kanak-kanak dalam kereta demi meningkatkan keselamatan mereka seperti yang diamalkan di negara-negara maju yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kematian akibat kemalangan maut yang melibatkan kanak-kanak berumur 5 tahun ke bawah dari tahun 2005 hingga 2012 adalah seperti berikut:

TAHUN	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
KEMATIAN	36	80	118	109	32	33	39	24

Tuan Yang di-Pertua,

- b) Kerajaan sememangnya bercadang untuk menguatkuasa penetapan tempat duduk kanak-kanak dalam kereta melalui penguatkuasaan peraturan *United Nations (UN) R44 - Child Restraint System* sebagai langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan bagi kanak-kanak semasa berada dalam kenderaan. Peraturan UN R44 ini telah diwartakan pada 15 Mac 2013. Walau bagaimanapun, mengambilkira *grace period* yang diberikan kepada pihak industri bagi membuat persediaan, peraturan ini akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2015. Proses pematuhan terhadap peraturan ini akan dikuatkuasakan melalui proses *Component Type Approval (CTA)*.

Sementara menunggu penguatkuasaan dijalankan bermula tahun hadapan, Kerajaan melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) buat masa ini, telah mengambil inisiatif dengan menggalakkan penggunaan tempat duduk kanak-kanak di dalam kereta melalui advokasi kepada orang ramai mengenai kepentingan penggunaan tempat duduk kanak-kanak. Selain itu, JKJR dengan kerjasama syarikat insurans Allianz Malaysia juga pernah memberikan '*booster sit*' kepada penumpang kanak-kanak semasa menjalankan advokasi. Mulai tahun 2012 hingga Disember 2013, sebanyak 18,745 unit '*booster sit*' telah diedarkan kepada penumpang kanak-kanak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan kenapakah Jabatan Kebajikan Masyarakat masih membuat
peraturan setiap penerima bantuan OKU untuk memperbaharui
pendaftaran OKU setiap tahun, ini menyusahkan mereka untuk berurusan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) bagi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan golongan tersebut.

Berdasarkan World Disability Report 2011 oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan World Bank, dianggarkan sebanyak 15% daripada penduduk sesebuah negara adalah terdiri daripada kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Mengikut jumlah populasi semasa negara ini sebanyak 29.9 juta, dianggarkan 4.4 juta orang penduduk adalah terdiri daripada kalangan OKU. Walaupun begitu sehingga tahun 2013 hanya sejumlah 464,967 orang OKU telah didaftarkan melalui JKJ. Pendaftaran OKU adalah dibuat secara sukarela meliputi tujuh (7) kategori ketidakupayaan iaitu Masalah Pembelajaran (170,809), Fizikal (153,918),

Pendengaran (55,517), Penglihatan (42,909), Pelbagai (22,091), Mental (16,998) dan Pertuturan (2,725).

Objektif pendaftaran OKU adalah untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi, latihan serta perkhidmatan. Pada masa yang sama, pendaftaran OKU membolehkan pihak kerajaan merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU serta membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian menurut keperluan berdasarkan tahap kefungsiian / ketidakupayaan mereka.

Pendaftaran OKU hanya dibuat sekali sahaja dan tidak perlu diperbaharui setiap tahun. OKU yang telah berdaftar dengan JKM akan diberikan kad OKU iaitu suatu tanda pengenalan diri yang dikeluarkan kepada OKU bagi memudahkan mereka berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Walaupun begitu sekiranya Kad OKU tersebut hilang, rosak, OKU telah mencapai umur 18 tahun atau berlaku perubahan kategori ketidakupayaan, kad OKU tersebut perlu diperbaharui di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi ragu, meninggal dunia, pemilik kad pengenalan tidak dikenalpasti, alamat tidak wujud dan pengundi yang bertindih nama selepas pengemaskinian di dalam senarai pengundi hasil daripada pemindahan lokaliti mengundi.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sentiasa menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih sepanjang tahun berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Urusan pengemaskinian daftar pemilih yang dilakukan oleh SPR adalah seperti berikut:

- (i) memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia;
- (ii) memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan;
- (iii) memotong nama pengundi tidak hadir (PTH) yang hilang kelayakan;
- (iv) memotong rekod anggota tentera/polis yang telah menamatkan perkhidmatan; dan
- (v) memotong nama pengundi biasa yang menyertai perkhidmatan tentera/polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 102,217 rekod pemilih telah dikemas kini bagi tahun 2013.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) adakah pemansuhan peranan Majlis Penasihat Petroleum Negara (Seksyen 5 [1] Akta Kemajuan Petroleum 1974) telah dipersetujui oleh Negeri-Negeri Pengeluar Minyak di Persekutuan Malaysia; dan
- (b) adakah Seksyen 5 [1] Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah dimansuhkan melalui sidang Parlimen. "

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Seksyen 5 [1] Akta Kemajuan Petroleum 1974 menyatakan bahawa kuasa untuk menubuhkan Majlis Penasihat Petroleum Negara (MPPN) adalah di bawah bidang kuasa YAB Perdana Menteri. Oleh itu persetujuan pihak lain adalah tidak diperlukan bagi tujuan penubuhan atau pemansuhan;

- b. Seksyen 5 [1] Akta Kemajuan Petroleum 1974 tidak dimansuhkan tetapi hanya peranan MPPN sahaja yang telah dimansuhkan pada tahun 2009 berikutan penyusunan semula semua Majlis dan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri dan YB Menteri. Walau bagaimanapun, susulan dari beberapa isu royalti, Kementerian Kewangan telah mencadangkan supaya peranan MPPN diaktifkan semula dan telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
[TUMPAT]

TARIKH : **16 JUN 2014**

SOALAN : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah tindakan Kerajaan
untuk membantu rakyat *Central African*
Republic (CAR) yang dibunuh kerana
perbezaan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Luar Negeri menyambut baik keprihatinan YB Tumpat terhadap perkembangan dan pergolakan yang sedang berlaku di Republik Afrika Tengah (CAR).

2. Kementerian ini sentiasa mengikuti perkembangan di negara tersebut yang melibatkan pertelingkahan di antara penganut Kristian dan penganut Islam. Namun demikian, memandangkan perkara ini merupakan hal ehwal dalaman negara berkenaan, maka Kerajaan kita tidak berhasrat mencampuri urusan dalaman negara tersebut. Pendirian ini adalah selaras dengan dasar luar Malaysia yang diamalkan selama ini.

3. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, setakat ini, Kerajaan CAR telah memohon pertolongan dari segi ketenteraan dari Kerajaan Perancis untuk memulihkan keselamatan dan keamanan negara tersebut. Kerajaan juga berharap pihak-pihak yang bertelagah dapat menghentikan persengketaan dan mencari jalan penyelesaian secara rundingan secepat mungkin. Dengan pelantikan Presiden Sementara yang baru di negara tersebut pada 24 Januari 2014, Malaysia yakin beliau mampu menyatupadukan semula rakyat serta dapat membawa keamanan dan keharmonian di Republik berkenaan. Keamanan dan kestabilan ini bukan sahaja penting kepada Republik Afrika Tengah, tetapi juga untuk menjamin kestabilan rantau berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 119

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6883

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan terperinci peruntukan yang telah diberi kepada Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) untuk menjalankan segala program, seminar atau aktiviti persatuan ini, termasuk semua nama program dan jumlah peruntukan masing-masing.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) tidak memberi peruntukan kewangan kepada Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Dalam hal ini, pertubuhan tersebut menjana pendapatan pertubuhannya melalui yuran kemasukan, yuran ahli, kutipan dana dan derma serta lain-lain aktiviti bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhannya selaras dengan Perlembagaan Pertubuhan ISMA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

**DARIPADA : Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

SOALAN :-

Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan yang diterima sehingga sekarang di bawah skim perumahan mampu milik swasta (MyHome) yang dilaksanakan sejak 1 April 2014 dan apakah syarat-syarat khas untuk sesuatu permohonan diluluskan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 28 Mei 2014, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima sebanyak 52,667 permohonan bagi program Skim MyHome. Permohonan yang diterima adalah seperti berikut:

- i. Permohonan secara manual : 4468
- ii. Permohonan secara online : 48199

Syarat-syarat permohonan MyHome adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berumur 18 tahun ke atas
- iii. Pembelian rumah pertama
- iv. Permohonan satu (1) unit rumah kepada setiap isi rumah
- v. Pendapatan isi rumah :

➤ MyHome 1 : RM3,000 – RM4,000

➤ MyHome 2 : RM4,000 – RM6,000

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014

SOALAN NO. : 121

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bersedia atau tidak untuk mengharamkan penebangan balak di negara ini; dan
- (b) daripada kawasan yang dilulus tebang, berapakah luasnya kawasan yang diganti dengan penanaman pokok kayu balak atau getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk menghentikan aktiviti penebangan balak atau pengusahasilan hutan di negara ini memandangkan ia terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Pada ketika ini, industri pembalakan merupakan salah satu penyumbang utama kepada pembangunan sosio ekonomi negara. Bagi memastikan sumber hutan terpelihara serta memastikan industri pembalakan dapat dibangunkan secara mapan tanpa menjejaskan alam sekitar, Malaysia mengamalkan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) bagi kawasan-kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

(b) Kawasan yang diusahasil di bawah PHSB tidak ditanam atau diganti dengan pokok getah tetapi ditanam dengan pokok-pokok hutan dari spesies tempatan (*indigenous species*) seperti kumpulan meranti dan merawan di kawasan-kawasan yang terbuka seperti bekas matau (*log pond*), kongsi (*logging camp*) dan lorong penarik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci sejauh manakah pencapaian pendamaian nasional yang dijanjikan oleh YAB. Perdana Menteri sejak Pilihan Raya Umum ke-13.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang unik sejak merdeka lagi. Keunikan ini, yang didiami oleh rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya, bersatu membina dan membangunkan watan tercinta. Hakikat ini,

turut diakui UNESCO dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Selama 56 tahun kita memerintah sehingga sekarang, Malaysia telah membangun begitu pesat, hinggakan rakyatnya dapat hidup aman dan harmoni mengecapi nikmat kemakmuran negara.

Namun sejak kebelakangan ini, setelah berlalunya Pilihanraya Umum Ke-13, akibat politik adu domba dan persepsi negatif yang disebarkan oleh pihak-pihak tertentu, hubungan muhibbah yang disemai oleh Kerajaan selama ini mulai longgar. Kenyataan yang menyentuh sensitiviti antara agama dan masyarakat berbilang bangsa, telah menyebabkan polarisasi kaum menjadi renggang. Keadaan ini, boleh merosakkan kerukunan dan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

Oleh kerana itu, kita perlukan penyatuan nasional atau *national reconciliation*. Penyatuan nasional ini adalah ilham dan inisiatif Kerajaan untuk menambah baik hubungan kaum. Ia bukan sekadar *appeasement*. Konsep penyatuan Nasional ini, selari dengan Gagasan 1Malaysia, yang bertujuan memupuk semangat kebersamaan di kalangan rakyat, untuk turut sama-sama berperanan membina negara Malaysia yang bersatu padu, dalam mendepani cabaran masa depan. Ini tidak bermakna, Kerajaan akan melepaskan kepentingan nasional, hanya semata-mata untuk memenuhi kehendak atau tuntutan pihak-pihak tertentu.

Pelan penyatuan nasional ini, berteraskan kepada empat tunggak utama iaitu sosial, politik, kerajaan dan hubungan antarabangsa. Pelan ini lebih kepada melibatkan kolaborasi, pendirian bersama dan membina persefahaman demi kebaikan agama serta masyarakat.

Semestinya, bingkai kerangka penyatuan nasional ini berpaksi kepada Perlembagaan, Rukunegara dan Wawasan 2020. Manakala, pegangan *wassatiyah* atau kesederhanaan menjadi kunci dalam mendekati rakyat dan memulihkan kerukunan hubungan antara kaum.

Tuan Yang Dipertua,

Penyatuan Nasional ini terbahagi kepada dua. Pertama, di peringkat dasar, melalui penubuhan Majlis Konsultansi Perpaduan Negara atau MKPN. Ia menumpukan kepada beberapa bidang seperti perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara, membina bangsa dan persefahaman silang budaya, pembangunan inklusif, belia dan perpaduan serta integrasi nasional. Komposisi MKPN juga ada melibatkan mereka yang tidak bersama Kerajaan atau mempunyai pendirian politik yang berbeza. Di samping itu, MKPN boleh dijadikan landasan untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia, bagi merintis jalan ke arah mencari penyelesaian, mengatasi polarisasi kaum dan pemupukan keharmonian antara agama serta pembentukan dasar sosial yang inklusif dalam menentukan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Sesungguhnya, Kerajaan telah berusaha sedaya mungkin dalam membina hubungan baik dengan semua pihak dan golongan, termasuklah negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang. Sebagai contoh, Kerajaan Pusat telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan pimpinan Kerajaan negeri Kelantan, bagi merintis jalinan kerjasama dalam usaha membangun dan memajukan negeri tersebut.

Terkini, kita telah menyaksikan Memorandum Persefahaman atau MOU untuk penstrukturan semula industri air, yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Selangor dalam menyelesaikan isu air yang telah berlanjutan sejak 2008 lagi, demi kepentingan rakyat dan kemajuan bersama. Malah baru-baru ini, Kerajaan telah merasmikan projek jambatan kedua Pulau Pinang, yang kemudiannya diumumkan sebagai Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Inisiatif ini yang dimulakan oleh Kerajaan Persekutuan, walaupun negeri Pulau Pinang ditadbir oleh pembangkang.

Di peringkat kedua adalah *sosial grassroot movement*. Antara programnya ialah seperti pelancaran Skwad Uniti, yang dilancarkan pada 9 Mac 2014. Skwad ini melibatkan penggemblengan Kelab Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Mediator Komuniti di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Ia akan melebarluaskan program tradisi seperti kawalan keselamatan kepada program-program kesukarelawanan seperti gotong royong, bantuan

bencana dan bantuan-bantuan kepada yang kurang upaya serta yang memerlukan.

Berkait itu juga, Kerajaan sentiasa komited dan bersifat terbuka, mengadakan dialog, melakukan sesi *engagement* dan perbincangan, dengan melibatkan pelbagai kelompok, komuniti dan pertubuhan, bagi memupuk semangat muhibbah, hubungan erat sesama rakyat, toleransi, patriotisme kepada negara.

Tuan Yang Dipertua,

Jelasnya, kita adalah kerajaan yang *walk the talk* dan berjiwa besar. *We must rise above party politic*, mengenyepikan perbezaan ideologi, melakukan apa yang terbaik untuk rakyat dengan meletakkan usaha pembangunan dan pembinaan negara (*nation-building*) sebagai agenda teras utama. Ikhtiar dan inisiatif sebegini akan diteruskan demi mewajah masa depan negara Malaysia yang lebih aman, makmur dan sentosa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi merangka pelan tindakan dan sekaligus bersiap sedia menghadapi fenomena El-Nino yang berkemungkinan akan menyebabkan berlakunya krisis air dan jerebu berpanjangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan Persekutuan memandang serius ramalan berlakunya fenomena El Nino yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) pada 15 April 2014. Atas dasar inilah, sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi menangani kesan fenomena *El Nino* terhadap bekalan air dan sektor-sektor yang berkaitan di seluruh negara. Jawatankuasa tersebut bukan sahaja turut dianggotai oleh YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, malah beberapa YB Menteri lain juga menjadi ahli jawatankuasa tersebut.
2. Penubuhan jawatankuasa ini akan membolehkan pemantauan dan pelaksanaan langkah-langkah persediaan di peringkat kebangsaan dilakukan secara menyeluruh bagi menghadapi fenomena *El Nino* yang diramalkan berlaku pertengahan tahun ini. Melalui penubuhan jawatankuasa peringkat kebangsaan ini juga, semua langkah persediaan bagi menghadapi impak fenomena *El Nino*

dapat diselaraskan bagi memastikan penggunaan sumber-sumber
dapat dioptimumkan.

NO. SOALAN : 124

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

YB. Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah kemasukan pelancong asing ke negeri Sabah akibat masih berlaku pencerobohan di perairan Sabah dan peristiwa kehilangan pesawat penerbangan MH 370 memberi kesan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti kehilangan pesawat MH 370 dan siri penculikan telah mengakibatkan pembatalan tempahan terutamanya dari negara China. Sehingga penghujung April 2014, sebanyak 30,000 tempahan dilaporkan telah dibatal atau ditangguhkan, di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines

Namun demikian, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetap komited dalam usaha mengekalkan momentum pembangunan industri pelancongan negara dengan melaksanakan beberapa pendekatan strategik bagi memastikan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 tidak terjejas akibat insiden ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6884

SOALAN :

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah kegiatan-kegiatan yang digolongkan sebagai kegiatan militan; dan
- (b) siapa dan warga negara manakah mereka yang menjadi ahli kumpulan militan dan apakah benar mereka ini mengrekrut belia-belia negara kita untuk menjadi pengebom berani mati.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a) , ciri-ciri atau kegiatan-kegiatan berbentuk militan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Putatan adalah orang atau kumpulan yang mempunyai fahaman atau kepercayaan yang berlebih-lebihan atau kepercayaan yang melebihi batasan ajaran sesuatu Agama itu sehingga cenderung menggunakan keganasan dan kekerasan untuk mencapai sesuatu tujuan. Kumpulan ini juga bergerak aktif untuk merekrut ahli-ahli baru bagi tujuan melancarkan operasi jihad di dalam mahupun di luar negara.

Bagi menjawab soalan (b) pula, daripada 2010 sehingga kini, terkesan seramai 108 orang individu yang terlibat dengan kegiatan militan daripada pelbagai warganegara telah ditahan oleh pihak berkuasa di negara ini. Namun begitu, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci berhubung persoalan Ahli Yang Berhormat tentang kemungkinan belia negara ini dilatih untuk menjadi pengebom berani mati kerana tidak mahu mengganggu proses siasatan dan risikan yang dijalankan oleh pihak PDRM.

Walaupun bagaimanapun, ancaman militan di negara ini masih berada di tahap yang rendah. Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa membuat pemantauan dan mengadakan kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN. Di

sini, saya memberi jaminan bahawa pihak PDRM akan menjalankan siasatan terhadap mana-mana kumpulan militan mahupun kumpulan-kumpulan lain yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di negara kita yang tercinta agar rakyat dapat hidup di dalam keadaan aman dan sejahtera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM
[KUBANG PASU]**

TARIKH : 16JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai pelaksanaan perjanjian yang ditandatangani antara Malaysia dan Singapura mengenai pembinaan jambatan ketiga antara kedua-dua negara. Bila akan dibina, berapakah kos pembinaannya dan apakah kesan langsung kepada diplomatik dan perdagangan antara kedua-dua negara.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti yang dilaporkan dalam sidang akhbar kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura pada sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura kelima yang telah diadakan pada 7 April 2014 baru-baru ini, cadangan pembinaan sebuah Jambatan Persahabatan atau "Friendship Bridge" telah dipersetujui dimana kedua-dua Negara telah bersetuju untuk mengkaji cadangan ini dengan lebih mendalam bagi melambangkan pertalian persahabatan yang telah sedia lama terjalin erat antara kedua-dua buah Negara.

2. Kerajaan Malaysia dan Singapura masih dalam proses perbincangan dan belum menandatangani sebarang perjanjian bagi cadangan pembinaan jambatan tersebut. Kajian terperinci perlu dilaksana bagi menentukan objektif, jangkamasa dan kos pembinaan jambatan tersebut.

3. Pembinaan jambatan baru ini diyakini mengeratkan lagi peluang kerjasama kedua-dua Negara dan memudahkan perjalanan di antara Johor Bahru dan Singapura. Jambatan ini, sekiranya dibina, akan turut membawa kesan positif terhadap kawasan perairan di Selat Tebrau.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memantau bekalan_air yang disediakan oleh Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang bersih dan sihat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan bekalan air bersih, berkualiti dan berterusan kepada rakyat. Oleh yang demikian, Kementerian telah mengesyorkan supaya kerajaan-kerajaan negeri membuat pindaan ke atas enakmen air negeri masing-masing dengan memasukkan peruntukan yang membolehkan kawalan dan pengawalseliaan terhadap sumber air dan kawasan tadahan dikuatkuasakan secara sistematik dan berkesan.
2. Selain itu, Kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Bekalan Air (JBA) KeTTHA juga sentiasa memantau kualiti air minum di seluruh Malaysia bagi memastikan ia dalam keadaan yang bersih dan selamat. Kementerian juga menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia dalam memantau kualiti air bagi memastikan air terawat selamat digunakan oleh pengguna. Secara khususnya, persampelan dan analisis kualiti air dilakukan secara berkala oleh Unit Kawalan Mutu Air Minum Selamat (KMAM) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan operator-operator rawatan air di negeri-negeri bagi memastikan

pematuhan terhadap Garis Panduan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan Tahun 2004 yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Seandainya berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran parameter kualiti air, operator-operator air akan mengambil tindakan yang sewajarnya sama ada dengan cara menghentikan operasi loji sepenuhnya atau mengambil tindakan-tindakan lain bergantung kepada punca pelanggaran itu berlaku.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pembelanjaan SPR dan PDRM semasa Pilihan Raya Kecil Bukit Gelugor dan Teluk Intan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) termasuk pihak-pihak berkuasa dan jabatan-jabatan di bawah kementerian yang berlainan dan jumlah perbelanjaan mereka adalah mengikut anggaran bajet yang telah ditetapkan oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian masing-masing.

Perbelanjaan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melibatkan perbelanjaan bagi menampung setiap kos perbelanjaan dan perkhidmatan yang digunakan untuk setiap pilihan raya kecil yang dijalankan. Ini kerana peruntukan perbelanjaan tersebut disediakan dengan mengambil kira keperluan-keperluan seperti kos latihan kepada petugas-petugas pilihan raya, bayaran lebih masa kepada para petugas, bayaran sewa, bil-bil telefon, sewaan, bahan-bahan makanan, bekalan bahan mentah, bekalan pejabat, pengangkutan, bayaran honorarium serta perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain. Jumlah perbelanjaan bagi setiap PRK adalah tidak sama dan ia adalah berbeza bergantung pada jumlah pengundi, petugas SPR, pusat mengundi, saluran mengundi dan keluasan bahagian pilihan raya PRK tersebut.

Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh SPR untuk Pilihan Raya Kecil Bukit Gelugor (yang mengandungi 3 Dewan Undangan Negeri

(DUN)) dan Telok Intan (yang mengandungi 2 DUN) adalah seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN PILIHAN RAYA	PERUNTUKAN
1.	P.051 Bukit Gelugor	RM 1,980,000.00
2.	P.076 Telok Intan	RM 1,470,000.00

Semua perbelanjaan yang dibuat dalam PRK adalah mematuhi segala peraturan dan tatacara kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 129

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah siasatan dibuat terhadap tindakbalas *Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre KLATCC* selepas tanda radar untuk MH370 hilang pada jam 1.21 pagi dan apakah hasil siasatan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Subang, siasatan sedang dilakukan oleh Pasukan Penyiasat Antarabangsa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia bagi insiden kehilangan pesawat MAS MH370. Hasil siasatan akan hanya diumumkan setelah siasatan selesai dijalankan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]
TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:-

- (a) Apakah benar dakwaan menyatakan Malaysia adalah pusat pengeluaran dan penyebaran filem cetak rompak terbesar di dunia; dan
- (b) Berapakah jumlah tangkapan untuk tahun 2013 dan terkini untuk kesalahan ini dan usaha-usaha kerajaan membanteras kegiatan cetak rompak

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Adalah tidak benar sama sekali dakwaan menyatakan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan penyebaran filem cetak rompak terbesar di dunia. Buktinya melalui laporan terbaharu yang dikeluarkan oleh *United States Trades Representative (USTR)*

“2014 Special 301 Report” bertarikh 01 Mei 2014 telah mengesahkan bahawa Malaysia tidak tersenarai dalam *Watch List* buat tahun ketiga berturut-turut sejak 2012 lagi. Pengistiharan tersebut juga menunjukkan bahawa *Amerika Syarikat* telah memperaku dan menghargai usaha-usaha Kerajaan Malaysia khususnya usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dalam usaha menangani masalah cetak rompak di negara ini. Selaras dengan itu, Kementerian akan terus mempertingkatkan usaha memerangi cetak rompak di negara ini.

Tuan Yang Dipertua,

(b) Dari tahun 2013 hingga 30 April 2014 sebanyak 212 orang telah ditangkap kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan Label Cakera Optik 2010.

Usaha-usaha Kerajaan yang sedang dan akan dilakukan bagi membendung gejala cetak rompak antaranya adalah seperti berikut:-

- i) Menjadikan 363 kawasan dan premis perniagaan yang menjadi tumpuan aktiviti penjualan barang cetak rompak di seluruh Negara sebagai kawasan Hotspot Nasional dan Hotspot Negeri. Kawasan-kawasan ini akan di pantau sepanjang masa oleh anggota penguatkuasa KPDNKK.

- ii) Menjadikan kawasan Hotspot sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan.
- iii) Bekerjasama dengan pemilik jenama barangan yang tersenarai di dalam *Basket of Brand* (BOB) bagi memudahkan tugas penguatkuasaan.
- iv) Mengerak dan mempergiatkan aktiviti Pasukan Petugas Khas Membanteras Cetak Rompak (PPKMCR) dengan menubuhkan tiga (3) Jawatankuasa Kecil iaitu Jawatankuasa Penguatkuasaan Fizikal, Jawatankuasa Penguatkuasaan Digital dan Jawatankuasa Kempen Kesedaran.
- v) Mempergiatkan operasi membanteras cetak rompak (OCR) secara berterusan meliputi penerbitan buku, perisian komputer, filem dan laman sesawang yang menyediakan salinan langgaran atau cetak rompak.
- vi) Inisiatif dan tindakan secara proaktif, reaktif dan preventif ini bagi memastikan Industri terus keratif dan berkembang.

NO. SOALAN: 131

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6993

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) jumlah wang yang telah disumbang oleh Kerajaan bagi membiayai aktiviti-aktiviti gerakan badan bukan Kerajaan, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA); dan

(b) sama ada YAB. Perdana Menteri bersetuju dengan kenyataan pengerusi ISMA, Ustaz Abdullah Zaik Abd Rahman bahawa orang Cina di Malaysia adalah penceroboh, dan kesilapan sejarah ini perlu dibetulkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) tidak memberi peruntukan kewangan kepada Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Dalam hal ini, pertubuhan tersebut menjana pendapatan pertubuhannya melalui yuran kemasukan, yuran ahli, kutipan dana dan derma serta lain-lain aktiviti bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhannya selaras dengan Perlembagaan Pertubuhan ISMA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH: 16 JUN 2014

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senaraikan jumlah kematian pekerja (sila nyatakan pekerja tempatan atau pekerja migran) dalam seluruh tempoh pembinaan Jambatan Pulau Pinang yang kedua.

PR-1322-L62159

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah Kematian Pekerja

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) komited dalam usaha-usaha menangani isu kemalangan di tempat kerja terutamanya dalam sektor pembinaan. Sepanjang tempoh pembinaan Jambatan Pulau Pinang Kedua, sebanyak dua (2) kes kemalangan maut yang

dilaporkan dan disiasat oleh pihak JKPP. Kedua-dua kes kemalangan maut melibatkan pekerja migran iaitu pekerja warganegara China dan Bangladesh.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sejauh mana Kerajaan telah melaksanakan hukum Islam dan mengamalkan prinsip-prinsipnya di dalam sistem perundangan negara pada ketika ini; dan
- (b) halangan dan permasalahan yang dihadapi bagi menterjemahkannya serta nyatakan usaha-usaha yang sedang diambil bagi menyempurnakan sistem perundangan Islam sepenuhnya.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI B AHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah yang positif dalam melaksanakan hukum Islam dan mengamalkan prinsip-prinsipnya (*maqasid Syariah*) di dalam sistem perundangan negara selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Dalam merealisasikan usaha tersebut, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil telah ditubuhkan pada tahun 1988 bagi menggubal, meneliti dan menyemak undang-undang Islam bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman.

Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil sentiasa memberi pandangan kepada Kerajaan terhadap isu-isu yang berbangkit yang menyentuh undang-undang Islam di Malaysia. Dalam melaksanakan peranan dan fungsi yang diamanahkan, Jawatankuasa ini sentiasa membuat kajian dan penyelidikan dalam menyelesaikan sesuatu isu yang berbangkit berdasarkan Hukum Syarak, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

Dengan adanya jawatankuasa ini, Kerajaan telah berjaya menambahbaik undang-undang yang sedia ada dengan

mencadangkan pindaan-pindaan yang relevan dan sesuai agar menepati kehendak Hukum Syarak. Antara kejayaan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) Menyelesaikan masalah atau konflik undang-undang yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan melalui pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan, dengan mewujudkan Perkara 121(1A) yang memberi kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah tanpa campurtangan daripada Mahkamah Sivil dan pindaan kepada Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan tentang kuasa penahanan dan penangkapan oleh Hakim Syarie sebagaimana kuasa Majistret (1988);
- (ii) Mewujudkan dan menyeragamkan undang-undang Islam seluruh negeri iaitu :
 - (a) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
 - (b) Undang-Undang Keluarga Islam;
 - (c) Undang-Undang Tatacara Mal;
 - (d) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
 - (e) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;.
- (iii) Membuat pindaan kepada Kanun Tanah Negara dengan memasukkan peruntukan mengenai Mahkamah Syariah dalam usaha mengharmonikan undang-undang Syariah dan Sivil iaitu Seksyen 421A Kanun Tanah Negara.

- (iv) Kerajaan juga dalam proses menggubal beberapa undang-undang Islam yang baru antaranya ialah undang-undang zakat, faraid, wasiat, wakaf, hibah dan lain-lain.
- (b) Berhubung dengan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menyempurnakan sistem perundangan Islam sepenuhnya, Kerajaan mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi memastikan undang-undang jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Dalam hal ini, Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut. Menerusi pindaan yang dicadangkan, **had bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman perlu diperluaskan dan dipertingkatkan sesuai dengan maqasid Syariah.**

Dalam masa yang sama, Kerajaan juga terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan **menaik taraf sistem kehakiman Syariah** di negara ini.

Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5) peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf. Komitmen Kerajaan dalam hal ini adalah jelas dan ia memerlukan sokongan padu dari semua pihak bagi memastikan usaha ini dapat dijayakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian bagi pelaksanaan kenaikan gred berdasarkan time-based di kalangan pensyarah bagi setiap Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara ini dan nyatakan jumlah pensyarah di IPTA termasuklah jumlah pensyarah yang bertaraf profesor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan dalam skim-skim perkhidmatan dalam Kerajaan termasuk Skim Perkhidmatan Pensyarah IPTA sentiasa ditambah baik dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kemampuan kewangan Kerajaan. Setakat ini, bilangan pensyarah keseluruhan adalah hampir 24,000 orang dan yang bertaraf Professor adalah seramai 1,771 orang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**
TARIKH : **16.6.2014**
SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan sedia menyokong untuk pembangunan Labuan sebagai Pusat Pendidikan Antarabangsa Utama Negara, memandangkan Labuan merupakan pulau dan memudahkan kawalan dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa menyokong sebarang usaha untuk mempertingkatkan akses serta kualiti pengajian tinggi negara. Pada masa ini, terdapat Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Antarabangsa Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain itu juga, pihak Kerajaan menyokong pembangunan ekonomi Labuan dengan mengadakan program-program pengajian bagi melahirkan pekerja peringkat pertengahan dalam sektor perbankan, kejuruteraan dan perkhidmatan terutamanya bagi menyokong industri kewangan dan perniagaan luar persisiran dan industri berat berkaitan dengan pengeluaran petroleum dan gas. Setakat ini pihak kementerian tidak mempunyai sebarang perancangan menjadikan Labuan sebagai pusat pendidikan antarabangsa.

SOALAN NO: 136

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan perbelanjaan, jumlah pekerja terlibat, peralatan dan kordinator yang dipertanggungjawabkan setiap hari bagi menjaga beruang panda:-

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perdana Menteri Republik Rakyat China (RRC) telah bersetuju menghadiahkan sepasang Giant Panda kepada Malaysia bagi tempoh 10 tahun semasa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Qinzhou, RRC pada 1 April 2012.

Pasangan Giant Panda ini ditempatkan di Zoo Negara yang dikendalikan oleh Malaysian Zoological Society (MZS). Urusan operasi penyelenggaraan dan pentadbiran ditanggung oleh Zoo Negara termasuk pekerja-pekerjanya antara lain menggunakan hasil kutipan tiket ke Pusat Konservasi Giant Panda.

Zoo Negara telah menempatkan 2 orang pegawai veterinar dan 6 orang *keeper* di Pusat Konservasi Giant Panda. Untuk tujuan peralatan klinikal, kerajaan telah menyumbang secara *one off* sebanyak RM1.5 juta.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 136

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan perbelanjaan, jumlah pekerja terlibat, peralatan dan kordinator yang dipertanggungjawabkan setiap hari bagi menjaga beruang panda:-

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perdana Menteri Republik Rakyat China (RRC) telah bersetuju menghadiahkan sepasang Giant Panda kepada Malaysia bagi tempoh 10 tahun semasa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Qinzhou, RRC pada 1 April 2012.

Pasangan Giant Panda ini ditempatkan di Zoo Negara yang dikendalikan oleh Malaysian Zoological Society (MZS). Urusan operasi penyelenggaraan dan pentadbiran ditanggung oleh Zoo Negara termasuk pekerja-pekerjanya antara lain menggunakan hasil kutipan tiket ke Pusat Konservasi Giant Panda.

Zoo Negara telah menempatkan 2 orang pegawai veterinar dan 6 orang *keeper* di Pusat Konservasi Giant Panda. Untuk tujuan peralatan klinikal, kerajaan telah menyumbang secara *one off* sebanyak RM1.5 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

**YB. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- a) kesan langsung dan tidak langsung terhadap sektor pelancongan akibat isu MH370; dan
- b) apakah langkah dilakukan Kementerian bagi membolehkan sasaran Visit Malaysia 2014 tetap tercapai.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

a)

Insiden MH370 telah memberi impak secara langsung dan tidak langsung kepada sektor pelancongan Malaysia terutamanya pembatalan tempahan dari negara China dimana sehingga bulan April 2014, tempahan yang dibatal atau ditangguhkan telah mencatat sebanyak 30,000 tempahan di mana seramai 8,913 tempahan merupakan kehilangan muatan penumpang akibat pembatalan 76 penerbangan berjadual dan sewa khas dari China seperti berikut:

- Pembatalan penerbangan berjadual Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **10 penerbangan** oleh syarikat penerbangan MAS.
- Pembatalan penerbangan berjadual Shenzen ke Kota Kinabalu sebanyak **22 penerbangan** oleh China Southern Airlines.
- Pembatalan penerbangan sewa khas Shanghai ke Kota Kinabalu sebanyak **44 penerbangan** oleh syarikat tambang murah Spring Airlines.

Tuan Yang di-Pertua,

b)

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah merancang pelbagai program dan aktiviti bagi mencapai sasaran ketibaan pelancong seramai 28 juta dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM76 bilion ke dalam negara. Justeru itu, bagi memastikan penggiat industri pelancongan bersedia menerima kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah menganjurkan sesi taklimat dan dialog bersama para penggiat industri pelancongan setiap negeri serta kursus khas "*We Are The Host*" kepada *frontliners* yang meliputi pengusaha pelancongan, penyambut tetamu hotel, pemandu pelancong dan agensi-agensi lain yang terlibat.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga sedang menganjurkan acara-acara khas di peringkat negeri di mana ianya akan mencakupi empat konsep utama iaitu Citrarasa, Citrawarna, Festival Seni dan Festival Muzium yang akan menonjolkan keunikan budaya dan seni negara dalam bentuk festival dan akan mempamerkan budaya satu Malaysia, kepelbagaian makanan, seni serta sejarah Malaysia.

Bagi menampakkan lagi *visibility* Tahun Melawat Malaysia 2014, dan selaras dengan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan Yang Ke Sembilan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia turut bekerjasama dengan pihak syarikat penerbangan asing serta pihak swasta bagi mempromosikan acara *homegrown* Kementerian secara agresif dan

pelbagai acara-acara di peringkat negeri di dalam penerbitan risalah khas iaitu *Malaysia Mega Events & Festivals 2014*.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga telah menganjurkan Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2014 dan sambutan VMY 2014 *Grand Reception* di 37 pintu-pintu masuk utama bagi mempromosikan Cuti-Cuti 1Malaysia *1001 Packages* yang meliputi 1001 pakej pelancongan domestik yang ditawarkan kepada pelancong asing dan tempatan di mana ianya dipromosikan Malaysia di pameran dan expo pelancongan antarabangsa utama. Langkah-langkah ini dijangka dapat memastikan imej Kerajaan terjaga, kebajikan dan kepuasan hati para pelancong diutamakan serta matlamat Kementerian tercapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 138

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah siasatan kenapa Malaysia Airlines OPS Center memberitahu KL ATCC pada jam 2.07 pagi bahawa pesawat MH370 adalah di ruang udara Kampuchea dan pada jam 2.35 pagi bahawa MH370 adalah dalam keadaan biasa, apa asasnya, dan siapakah yang bertanggungjawab untuk maklumat itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Subang, siasatan sedang dilakukan oleh Pasukan Penyiasat Antarabangsa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia bagi insiden kehilangan pesawat MAS MH370. Hasil siasatan akan hanya diumumkan setelah siasatan selesai dijalankan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TAN SRI DATO' SRI ABD KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH JAWAPAN : 16 JUN 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perincian pelan strategik untuk memastikan bekalan air mentah cukup di semua negeri di Malaysia apabila musim kering dijangka melanda antara Jun dan September 2014 akibat El Nino yang diramalkan antara yang terburuk dalam dua dekad selain daripada catuan air.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Saya yakin bahawa Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak sebagai Menteri Besar Selangor, telah sedia maklum bahawa sumber air terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya pasti bahawa Ahli Yang Berhormat lebih maklum akan langkah-langkah dan perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan bekalan air mentah yang mencukupi di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya apabila musim kering melanda negara di antara Jun dan September pada tahun ini. Kerajaan Persekutuan sentiasa sedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan bekalan air terawat yang mencukupi dan berterusan kepada rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
2. Bagi negeri-negeri lain pula, saya menyeru supaya kerajaan-kerajaan negeri mengambil langkah-langkah segera bagi memastikan simpanan air mentah mencukupi dan menjaga sumber air masing-masing bagi mengelakkan krisis air sekiranya fenomena El Nino melanda negara kelak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan tentang masalah penglibatan pelajar sekolah dalam aktiviti pengambilan dadah terutama di kawasan sempadan dan apakah usaha Kerajaan untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati risiko penglibatan dadah dalam kalangan murid sekolah adalah sama di semua daerah sama ada di kawasan sempadan atau pun bukan sempadan. Oleh itu, program pendidikan pencegahan dadah (PPDa) dan pendidikan intervensi telah dilaksanakan kepada semua murid sekolah rendah dan sekolah menengah melalui pendekatan kurikulum, kokurikulum dan pembangunan sahsiah. Murid-murid sekolah rendah dan menengah telah diberikan maklumat bahaya dadah melalui aktiviti berikut:

- a) Pengajaran tajuk penyalahgunaan bahan dalam subjek Kesihatan
- b) Program 5 minit antidadah yang diadakan semasa perhimpunan sekolah
- c) Penyebaran maklumat melalui bilik /lalu/sudut PPDa sebagai satu *one stop centre*.

- d) Minggu antidadah yang melibatkan aktiviti ceramah, pameran dan pertandingan Boria, Dikir Barat dan melukis Poster.
- e) Penubuhan Skim Lencana Antidadah (SLAD) untuk murid-murid sekolah menengah.

Di samping itu, KPM juga melaksanakan program-program kepimpinan kepada murid-murid supaya mereka dapat menyebarkan mesej bahaya dadah kepada rakan sebaya. Program-program seperti Sahabat PPDa, Skim Lencana Antidadah (SLAD) banyak membantu guru dalam menjayakan program pencegahan dadah di sekolah. Pendidikan Intervensi pula dilaksanakan kepada murid-murid yang berisiko iaitu murid-murid yang mempunyai rekod ponteng, merokok dan terlibat mencuba dadah. KPM telah menetapkan supaya semua murid yang dikesan terlibat dadah perlu menjalani kaunseling Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah. Dalam hal ini, KPM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensinya yang berkaitan iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan, PDRM dan NGO seperti PEMADAM dan PENGASIH bagi melaksanakan program-program yang boleh membantu murid-murid sekolah mengelakkan diri daripada dadah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) pecahan kos RM40 bilion yang terlibat dalam projek Kereta Api Laju KL – Singapura; dan
- (b) mengapa kos ini jauh lebih tinggi daripada kos projek *KL – Singapore Bullet Train* yang dicadangkan oleh YTL dengan anggaran kos RM9 bilion pada tahun 2006.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek keretapi berkelajuan tinggi (*High Speed Rail* - HSR) Malaysia - Singapura kini berada di peringkat akhir penentuan parameter yang melibatkan penstrukturan butiran terperinci projek, termasuk mengenal pasti jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan serta perolehan bersama pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. Sementara itu, cadangan projek oleh YTL yang dinyatakan Ahli Yang Berhormat merupakan cadangan hampir 10 tahun yang lalu serta menggunakan andaian jajaran, stesen dan kos pembinaan yang berbeza.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 142

Tuan Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan penyiasatan yang dilakukan oleh Pasukan Khas Penyiasatan Antarabangsa MH370 yang telah ditubuhkan bagi menyiasat secara terperinci berkenaan kehilangan pesawat MH370 sejak Mac lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pasukan Khas Penyiasatan MH370 yang telah ditubuhkan pada 25 April 2014 telah memulakan tugas mereka dengan mengumpulkan data, maklumat serta dokumentasi-dokumentasi berkaitan pesawat MH370.

Beberapa siri mesyuarat telah dijalankan bersama-sama dengan Penyiasat Antarabangsa bagi memastikan penyiasatan selaras dengan kehendak *ICAO Annex 13*. Penyiasatan masih diteruskan.

NO. SOALAN: 143

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6886

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik rakyat yang berumur antara 55 dan 80 tahun ke atas yang masih memegang kad pengenalan merah serta apakah pendekatan yang telah dan sedang diambil untuk menyelesaikan masalah pendaftaran serta kerakyatan mereka ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah pemegang Kad Pengenalan Merah bertaraf Pemastautin Tetap (MyPr) di Malaysia yang berumur 55 tahun ke atas sehingga 30 April 2014 adalah seramai 116,046 orang. Dalam hal ini, perlu diambil maklum bahawa taraf Pemastautin Tetap tidak memberikan kelayakan automatik kepada seseorang untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia kerana penganugerahan tersebut masih tertakluk kepada peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Hal ini adalah kerana penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada seseorang individu yang bertaraf “Bukan Warganegara” merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya.

Perlembagaan Persekutuan secara jelas telah memperuntukkan bahawa antara syarat-syarat utama yang perlu dipenuhi oleh setiap pemohon adalah dengan memenuhi takrifan tempoh kemastautinan serta menunjukkan niat untuk bermastautin di Persekutuan, mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Malaysia serta mestilah berkelakuan baik. Oleh itu, peruntukan tersebut telah jelas menunjukkan bahawa tempoh kemastautinan bukanlah satu-satunya pertimbangan ke atas permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi seseorang.

Sebaliknya, pertimbangan permohonan kewarganegaraan Malaysia sewajarnya melibatkan penelitian yang lebih terperinci dan memakan masa kerana menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk memastikan bahawa warganegara Malaysia yang baru adalah benar-benar berkelayakan. Untuk makluman, perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk diukur jika hanya berlandaskan borang permohonan. Dalam hal ini, Jadual Pertama Perlembagaan Persekutuan telah menyentuh tanggungjawab ini iaitu mengenai keperluan untuk mendapatkan warganegara Malaysia yang menumpahkan segala taat setia sebenar kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dengan menjadi warganegara Malaysia yang sebenar, setia dan jujur khususnya di saat-saat Malaysia diduga dengan isu keselamatan dan ketenteraman awam. Selain itu, perlu juga diambil maklum bahawa, permohonan kewarganegaraan Malaysia meletakkan tanggungjawab dan beban ke atas setiap pemohon untuk membuktikan kelayakan masing-masing untuk dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jangkaan Kerajaan dalam mengunjurkan projek mega berimpak tinggi seperti RAPID, Keretapi Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur Singapura, Kwasa Damansara, Menara Warisan Merdeka dan *Tun Razak Exchange* bernilai RM322 bilion dapat merancakkan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek-projek seperti RAPID, Keretapi Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur Singapura, Kwasa Damansara, *Tun Razak Exchange* dan Menara Warisan Merdeka jika dilaksanakan akan mampu merancakkan ekonomi negara. Projek mega terutamanya yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi akan menggalakkan aktiviti pembinaan serta menjana peluang pekerjaan di samping memberi kesan limpahan kepada pertumbuhan sektor ekonomi lain dan seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi domestik. Sektor pembinaan telah berkembang kukuh dalam tempoh suku pertama 2014 dan sektor ini mempunyai banyak dengan izin, *backward and forward linkages* yang mempengaruhi penawaran dan permintaan bagi barangan dan perkhidmatan yang berkait rapat dengan sektor ini. Sebagai contoh, beberapa projek yang sedang dilaksanakan telah menyumbang kepada peningkatan ketara pertumbuhan sektor pembinaan sebanyak 18.9% dalam tempoh suku pertama 2014 berbanding 14.2% pada suku yang sama tahun lepas. Perkembangan ini seterusnya memberi kesan limpahan positif kepada ekonomi domestik yang mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 6.2%.

2. Selain itu, projek pembinaan ini akan meningkatkan kapasiti

pengeluaran negara pada masa hadapan serta memberikan keyakinan kepada pelabur swasta dan seterusnya menyumbang kepada pemantapan ekonomi domestik.

NO. SOALAN: 145

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6887

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) ke atas pemilihan semula Parti DAP seperti yang diarahkan oleh ROS dan mengapakah ROS masih enggan memberikan jawapan yang jelas kepada pucuk pimpinan DAP.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) masih menjalankan siasatan menyeluruh terhadap Parti Tindakan Demokratik (DAP) berikutan pemilihan semula yang telah dijalankan oleh DAP pada 29 September 2013. Dalam hal ini, siasatan JPPM masih diteruskan kerana JPPM masih menerima aduan-aduan baru ke atas DAP setelah pemilihan semula tersebut dijalankan. Selain itu, pada 03 April 2014, JPPM telah menerima surat daripada pihak DAP yang memohon semakan kehakiman ke atas tindakan yang dijalankan oleh JPPM. Pengurusan kes telah dijalankan pada 07 Mei 2014 dan masih dalam tindakan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Oleh itu, JPPM hanya akan menjalankan tindakan selanjutnya selepas menerima arahan daripada pihak mahkamah kelak.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kaedah atau skim kenaikan pangkat bagi penolong kanan, penyelia petang, guru kanan, ketua- ketua bidang dan pelbagai skim perkhidmtan yang ditawarkan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan laluan kenaikan pangkat guru termasuk penolong kanan, penyelia petang, guru kanan dan ketua bidang melalui empat (4) laluan iaitu Laluan Hakiki, Cemerlang, *Time Based* dan Laluan Khas. Laluan Kenaikan Pangkat Secara Hakiki dilaksanakan untuk mengisi kekosongan jawatan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) tertakluk kepada peraturan kenaikan pangkat yang berkuat kuasa seperti mempunyai merit prestasi yang baik, bebas daripada tindakan tatatertib, lulus tapisan keutuhan SPRM, berada di dalam 'zoning' yang ditetapkan, diperakukan oleh Ketua Jabatan serta lain-lain syarat.

Laluan Cemerlang dilaksanakan bermula tahun 1994 dan pengisian nya adalah berdasarkan kekosongan kuota. Urusan kenaikan pangkat Laluan Cemerlang merangkumi 8 jenis laluan iaitu Pengetua Cemerlang, Pegawai Cemerlang, Pensyarah

Cemerlang, Guru Cemerlang, Pengelola Cemerlang, Guru Besar Cemerlang, Pegawai Cemerlang *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+), dan Pegawai Cemerlang *School Improvement Partners* (SIPartners)

Laluan *Time-Based* pula diwujudkan mulai tahun 1998 bagi memberi peluang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan kenaikan pangkat dan pelaksanaannya berdasarkan tempoh masa berkhidmat. Mulai 1 Januari 2012, kerajaan telah menambah baik lagi kenaikan pangkat PPP berdasarkan kepada prinsip *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) di mana Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) boleh mencapai ke Gred DG54 dalam tempoh 25 tahun perkhidmatan manakala Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) boleh mencapai ke gred DG38 dalam tempoh 21 tahun.

Manakala Laluan Khas mula dilaksanakan pada tahun 2008 bagi memberikan kenaikan pangkat kepada Guru Besar gred DG41 ke gred DG44 di sekolah rendah yang memiliki kelayakan ijazah dan berkhidmat sekurang-kurangnya tiga tahun di atas gred DG41.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD
[PASIR GUDANG]

SOALAN :-

Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengenal pasti peniaga-peniaga yang tidak mempunyai lesen dan tapak perniagaan yang sah dan apakah langkah susulan yang dilakukan bagi membantu golongan peniaga sebegini dalam usaha meningkatkan ekonomi dan produktiviti mereka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peniaga-peniaga yang tidak mempunyai lesen dan tapak perniagaan yang sah dikenalpasti melalui penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan masing-masing.

Dalam usaha mengenalpasti peniaga yang tidak mempunyai lesen dan tapak perniagaan yang sah, PBT-PBT memainkan peranan yang sangat penting. Dalam perkara ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan. Antaranya, ada PBT yang mengenalpasti mereka melalui rondaan dan pemeriksaan secara rutin, bekerjasama dengan NGO atau pemimpin masyarakat serta mendapatkan maklumat dari Persatuan Penjaja, orang awam serta aduan-aduan yang diterima. Ada juga PBT yang membuat pemantauan dan bancian secara berkala ke atas setiap premis perniagaan mengikut jenis perniagaan dan lokasi.

Dalam usaha membantu peniaga yang tidak mempunyai lesen dan tapak perniagaan yang sah, PBT-PBT memainkan peranan yang sangat penting. Dalam perkara ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan. Ada PBT yang mengeluarkan permit jualan harian untuk peniaga tanpa lesen dan ditempatkan di lokasi yang tidak mengganggu lalulintas, dipenempatan sementara di tapak letak kereta dan juga bekerjasama dengan pihak swasta untuk pembinaan pusat perniagaan. Di samping itu, terdapat juga PBT yang membantu secara langsung atau tidak langsung dengan memberikan kelonggaran ke atas syarat-syarat lesen dari segi penempatan peniaga, menawarkan tapak-tapak niaga/gerai milik PBT yang kosong dan memberikan keutamaan semasa proses temuduga gerai-gerai baru PBT. PBT juga mengeluarkan lesen bermusim semasa perayaan dan mengiklankan ruang niaga kosong di pasar dan kompleks penjaja.

YAB Perdana Menteri semasa merasmikan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan di Dataran Senawang, Negeri Sembilan telah menyarankan supaya semua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negara mengecualikan bayaran yuran lesen penjaja dan peniaga kecil. Selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri, Menteri Kesejahteraan Bandar,

Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menulis kepada Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri mencadangkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan di negeri masing-masing mengecualikan bayaran lesen kepada penjaja dan peniaga kecil.

Pengecualian bayaran yuran penjaja dan peniaga kecil adalah serampang dua mata di mana ianya menyambut saranan YAB Perdana Menteri yang berhasrat menggalakkan rakyat untuk meraih pendapatan sampingan dengan berniaga secara kecil-kecilan dan juga pada masa yang sama, Kementerian berharap dapat menggalakkan penjaja dan peniaga kecil yang tidak mempunyai lesen untuk mendapatkan lesen tanpa bebanan kewangan kepada mereka. Ini dapat membantu PBT mengumpul maklumat yang lebih komprehensif mengenai penjaja dan peniaga kecil di kawasan masing-masing. Data ini dapat membantu PBT membuat perancangan di mana berkaitan demi kesejahteraan rakyat dan peniaga di kawasan masing-masing.

KPKT juga telah mengedarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 3 Tahun 2008 Pengeluaran

Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008. Pelaksanaan Garis Panduan ini adalah untuk memastikan PBT dapat memainkan peranan dan sumbangan bagi sama-sama membantu hasrat Kerajaan meringankan beban golongan berpendapatan rendah. Dalam menjaga kepentingan penjaja dan peniaga kecil warganegara Malaysia, pekeliling ini juga menetapkan bahawa permit hendaklah dikeluarkan kepada warga Negara Malaysia sahaja. KPKT melalui JKT juga telah menulis kepada semua PBT pada 11 Februari 2014 supaya memastikan tiada tapak-tapak penjaja disewa atau dijual kepada pendatang asing tanpa izin (PTI) di kawasan PBT masing-masing.

Untuk makluman, mengikut Sekyen 107 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), lesen perniagaan adalah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Namun begitu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberikan perhatian ke atas isu lesen perniagaan dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan PBT.

Dalam usaha menambahbaik proses pengeluaran lesen, KPKT telah mengeluarkan Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2011 – Garis Panduan Penambahbaik Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011) untuk penambahbaik proses pengeluaran lesen seperti berikut:

- (i) Lesen premis perniagaan dikeluarkan serta-merta;
- (ii) Lesen premis perniagaan disatukan dengan lesen papan iklan premis perniagaan; dan
- (iii) Proses permohonan lesen premis perniagaan dipermudahkan di mana pemohon hanya perlu mengemukakan dokumen penting sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen bukan sahaja dikeluarkan oleh PBT tetapi juga oleh agensi yang lain. Misalnya, lesen untuk menjual barang-barang lusuh seperti besi buruk diperolehi daripada pihak polis melalui peruntukan Akta Peniaga Sekenhend 1946 (Akta 189) manakala lesen perniagaan dikeluarkan oleh PBT di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Kementerian berharap semua usaha dan inisiatif ini akan dapat membantu golongan peniaga yang tidak mempunyai lesen dan tapak perniagaan yang sah dalam usaha meningkatkan ekonomi dan produktiviti mereka.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jun 2014

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG]

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah terdapat perancangan oleh kementerian bagi mewujudkan lebih banyak skim yang pelbagai melalui agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, SEDC, SME Bank dan AGROBank khas untuk membantu rakyat Sarawak mengusahakan projek-projek pertanian dan perikanan, terutamanya di Kawasan Hulu Rajang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai dua buah agensi berkaitan kemudahan pembiayaan iaitu Agrobank dan TEKUN Nasional. Agrobank merupakan sebuah institusi perbankan yang menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan pada kadar yang paling kompetitif bagi membantu rakyat dalam mengusahakan projek-projek pertanian, ternakan dan perikanan. Manakala TEKUN Nasional diwujudkan bagi membantu usahawan yang memerlukan modal permulaan atau modal tambahan secara *micro credit*.

Buat masa ini, Agrobank tiada peruntukan yang dikhaskan mengikut kawasan, termasuklah kawasan Hulu Rajang, Sarawak. Walau bagaimanapun, sebanyak 1,683 penduduk di Hulu Rajang yang menjalankan projek pertanian, perikanan dan penternakan telah mendapat pembiayaan berjumlah RM151 juta dari Agrobank. Bagi tahun 2014 sahaja (sehingga Mei 2014), Agrobank telah meluluskan pembiayaan bernilai RM3.8 juta kepada 347 orang usahawan tani di kawasan ini.

Di samping itu juga, TEKUN Nasional telah berjaya menyalurkan sejumlah 370,806 pinjaman bernilai RM3.08 billion kepada 287,309 orang usahawan di seluruh negara sejak penubuhannya pada 1998 sehingga 30 April 2014. Bagi Parlimen Kapit dan Hulu Rajang, sejumlah 641 pinjaman bernilai RM2.99 juta yang melibatkan 474 orang usahawan telah disalurkan. Manakala bagi tahun 2014, TEKUN Nasional telah menyalurkan sejumlah 19 pinjaman bernilai RM79,000 kepada 18 usahawan di parlimen berkenaan.

Agrobank dan TEKUN Nasional sentiasa bersedia untuk menimbang dan meluluskan semua permohonan yang berdaya maju dalam memastikan objektif Kerajaan menjadikan pertanian sebagai penggerak utama ekonomi negara tercapai serta mengurangkan import makanan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah mengemaskinikan Daftar Pemilih Induk. Setakat manakah maklumat pengundi telah dikemaskinikan pada bulan Mei 2014.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengemaskini danewartakan Daftar Pemilih Induk 2013 pada 30 April 2014 yang melibatkan seramai 13,411,163 pemilih. Oleh yang demikian, Daftar Pemilih Induk 2013 merupakan daftar pemilih yang terkini yang dikemaskini oleh SPR.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6888

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan status terkini mereka yang telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Akta 747) dan Akta Kanun Keseksaan (Akta 574) kerana disyaki terlibat dengan kegiatan militan pada bulan April baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Seramai dua belas (12) individu yang disyaki terlibat dalam kegiatan militan telah ditangkap pada bulan April 2014 yang lalu. daripada jumlah tersebut, empat (4) orang daripada mereka telah dihadapkan ke mahkamah dengan pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan. Manakala lapan (8) orang lagi telah dibebaskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kronologi dan status terkini projek Menara Warisan Merdeka, termasuk butiran rancangan mengenai projek ini seperti jangka masa bagi pelbagai mercu tanda projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perintah Pembangunan projek Menara Warisan Merdeka telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur pada 24 Februari 2014.

Selanjutnya, kerja-kerja tanah dan cerucuk telah bermula di tapak projek pada bulan Mac 2014 dan dijangka siap pada bulan April 2015. Kerja-kerja *superstructure* pula dijangka bermula pada bulan Mei 2015 dan Menara 118 tingkat ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung 2018.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilangan muzium dalam negara, peruntukan setiap tahun dan kos penyelenggaraannya.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah muzium yang terdapat di seluruh negara pada masa ini adalah sebanyak 193 buah muzium. Muzium-muzium ini dapat dibahagikan mengikut pecahan seperti berikut:

BIL.	JENIS MUZIUM	JUMLAH
1	Muzium Persekutuan (di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia)	21 buah
2	Muzium Negeri (di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri)	86 buah
3	Muzium Institusi	60 buah
4	Muzium Swasta/Persendirian	26 buah

Bagi tahun 2013, peruntukan Belanja Mengurus bagi Jabatan Muzium Malaysia dan muzium-muzium di bawah pentadbirannya adalah sebanyak RM35.8 juta dan peruntukan Belanja Pembangunan adalah sebanyak RM9.8 juta.

Bagi muzium-muzium negeri pula jumlah peruntukan keseluruhannya ialah RM9.1 juta. Peruntukan ini adalah untuk perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Peruntukan spesifik untuk tujuan penyelenggaraan tidak ditetapkan, namun begitu peruntukan Belanja Mengurus juga digunakan bagi tujuan penyelenggaraan termasuklah penyelenggaraan bangunan, ruang pameran, kelengkapan, peralatan dan sebagainya lagi.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 153

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan maklumat terkini mengenai siasatan SPRM yang bermula pada 2010 terhadap pemberian permit hidupan liar yang tidak wajar oleh Jabatan Hidupan Liar.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

SPRM tidak menjalankan siasatan berhubung dengan pemberian permit hidupan liar yang tidak wajar oleh Jabatan Hidupan Liar. Walaubagaimanapun, SPRM telah menjalankan siasatan ke atas tohmahan yang mengatakan anggota-anggota keselamatan di Terminal Bayan Lepas Pulau Pinang telah menerima wang rasuah untuk membenarkan Anson Wong menyeludup hidupan liar. Kertas Siasatan tersebut telah ditutup setelah mendapat keputusan daripada Timbalan Pendakwaraya (TPR) pada 14.3.2011. Namun demikian, pada 28.2.2012, SPRM telah mendapat arahan daripada Jabatan Peguam Negara untuk menyemak semula kes ini dan pada 7.3.2012, keputusan untuk menutup fail ini dikekalkan selepas disemak semula oleh Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAAN]
TARIKH : 16 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagi tahun 2004-2013, berapakah dari sumber hospital awam di Sabah yang digunakan oleh Pendatang-Pendatang Tanpa Izin (PTI), dan berapakah peruntukan yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan adalah digunakan oleh PTI.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di negara ini, bermula tahun 2008 sehingga 2013, Kerajaan telah membelanjakan peruntukan mengurus sebanyak RM8.21bilion kepada negeri Sabah yang mana termasuk bekalan ubat-ubatan, reagen, vaksin, peralatan pakai buang dan sebagainya. Dalam tempoh yang sama, jumlah kutipan hasil hospital di Sabah bagi warganegara asing adalah sebanyak RM86.5 juta manakala tunggakan hasil adalah sebanyak RM37.0 juta. Jumlah kutipan dan tunggakan hasil hospital bagi warganegara asing dalam tempoh tersebut adalah sebanyak RM123.5 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pemberian khas yang telah disalurkan setiap tahun kepada Sabah khususnya pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013 mengikut Jadual Kesepuluh di bawah Bahagian IV Kurungan (2) Perlembagaan Malaysia.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemberian khas yang diperuntukkan mengikut Jadual Kesepuluh Bahagian 4(2) Perlembagaan Persekutuan yang telah disalurkan kepada Negeri Sabah bagi tempoh enam tahun yang lepas iaitu bagi tempoh 2008 hingga 2013 ialah sebanyak RM160.2 juta iaitu RM26.7 juta setahun.

NO. SOALAN: 156

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 16 JUN 2014

RUJUKAN : 6994

SOALAN:

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak Kementerian telah membelanjakan kos pembinaan menara tinjau dan bagaimanakah keberkesanan penggunaan menara tersebut untuk kawalan keselamatan jalan raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak terlibat dalam pembinaan menara tinjau yang dibina di lebuhraya dan di Jalan-Jalan Persekutuan, pembinaan menara berkenaan dibina oleh Kementerian Kerjaraya (KKR) dan pengendali konsesi-konsesi Lebuhraya. Pembinaan menara berkenaan bertujuan untuk membuat pemantauan di kawasan-kawasan yang dikenalpasti kerap berlaku kemalangan dan juga di tempat-tempat yang sering berlaku kesesakan terutama di musim perayaan dan cuti umum.

Pembinaan menara berkenaan boleh membantu pihak polis untuk melihat secara lebih jelas pergerakan kenderaan melalui daratan apabila berlaku kesesakan di samping menunjukkan kehadiran polis di tempat yang berisiko tinggi berlaku kemalangan. Pembinaan menara tinjau berkenaan boleh menjimatkan perbelanjaan bagi mengawal lalulintas daripada membuat pemerhatian melalui udara yang menelan kos yang tinggi.

Namun demikian penggunaan menara tinjau kurang digunakan disebabkan atas faktor berikut:-

- i) Menara yang dibina terlalu tinggi dan boleh merbahayakan kepada petugas memandangkan struktur binaannya bukan dibuat secara konkrit di samping kesukaran anggota bertugas untuk menaiki dengan membawa bersama peralatan.**

- ii) Tiada ruang yang tertutup bagi mengelak hujan dan panas untuk petugas berteduh dan meyimpan peralatan yang digunakan daripada terkena air.**

- iii) Tiada penyelenggaraan dibuat selepas pembinaannya, keadaan ini boleh mengundang bahaya kepada petugas jika menara berkenaan mengalami kerosakan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN :LISAN

DARIPADA :DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]

TARIKH :16.06.2014 (ISNIN)

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan dakwaan pihak tertentu kononnya sebahagian produk yang dikeluarkan oleh 70 koperasi di seluruh negara ini tidak bermutu dan setakat mana produk yang dikeluarkan oleh koperasi mempunyai sijil halal dan menepati piawaian antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) telah bekerjasama dengan Koperasi Jaringan Sepadu Malaysia Berhad (KOJARIS) dan Syarikat Felda Trading Sdn Bhd (anak syarikat Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad) untuk mengeluarkan produk jenama COOP 1Malaysia (COOP1M) yang mempunyai kualiti setanding produk-produk berjenama lain tetapi harganya adalah 10% hingga 30% lebih murah.

Produk-produk ini merupakan produk hasil keluaran koperasi dan juga pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) yang dijenamakan semula di bawah jenama COOP1M yang mematuhi *standard* dan piawai oleh pihak berkuasa seperti pensijilan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan syarat pensijilan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 150 SKUs (*Stock Keeping Units*) produk jenama COOP1M telah berjaya dihasilkan dan dipasarkan di kedai-kedai runcit terpilih dan di semua kedai runcit koperasi yang menyertai Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR). Nilai jualan Produk COOP1M sejak diperkenalkan pada Oktober 2011 sehingga 31 Disember 2013 berjumlah RM11.68 juta.

Selain daripada produk COOP1M, sebanyak 36 koperasi telah mengeluarkan produk jenama mereka sendiri yang turut mematuhi *standard* dan piawai oleh pihak berkuasa seperti pensijilan halal JAKIM dan syarat pensijilan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

NO. SOALAN: 158

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai perangkaan peratusan penganut agama Islam, Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain di Sabah dan Sarawak pada tahun 1963, 1973, 1983, 1993, 2003 dan 2013

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, data komposisi penduduk mengikut agama diperoleh daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia. Sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963, Banci pertama diadakan pada tahun 1970 dan dilaksanakan setiap 10 tahun. Banci terakhir ialah pada tahun 2010.

Perangkaan peratusan penduduk mengikut agama pada tahun 1970 di Sabah menunjukkan **Islam 25.9 %** (229.6 ribu), **Kristian 19.3 %** (171.3 ribu), **Budha 8.6 %** (76.3 ribu) dan **Lain-lain 46.2 %** (410.0 ribu). Pada masa yang sama, peratusan di Sarawak mencatatkan **Islam 40.1 %** (260.9 ribu), **Kristian 24.2 %** (157.4 ribu), **Budha 9.7 %** (63.3 ribu) dan **Lain-lain 26.0 %** (169.6 ribu).

Pada tahun 1980, perangkaan peratusan penduduk mengikut agama di Sabah mencatatkan **Islam 51.3 %** (487.6 ribu), **Kristian 27.2 %** (258.6 ribu), **Budha 8.3 %** (78.9 ribu), **Hindu 0.3 %** (2.9 ribu) dan **Lain-lain 12.9 %** (122.6 ribu). Sarawak: **Islam 26.3 %** (324.6 ribu), **Kristian 28.5 %** (351.4 ribu), **Budha 9.9 %** (121.6 ribu), **Hindu 0.2 %** (2.1 ribu) dan **Lain-lain 35.2 %** (433.5 ribu).

Pada tahun 1991, perangkaan peratusan penduduk mengikut agama di Sabah menunjukkan **Islam 61.4 %** (1.06 juta), **Kristian 27.2 %** (470.4 ribu),

Budha 7.3 % (126.2 ribu), Hindu 0.2 % (3.2 ribu) dan Lain-lain 3.9 % (68.1 ribu). Sarawak: Islam 28.8 % (471.5 ribu), Kristian 36.6 % (598.9 ribu), Budha 10.4 % (169.6 ribu), Hindu 0.2 % (2.8 ribu) dan Lain-lain 24.0 % (393.0 ribu).

Pada tahun 2000, perangkaan peratusan penduduk mengikut agama di Sabah mencatatkan **Islam 63.4 % (1.56 juta), Kristian 28.0 % (490.5 ribu), Budha 6.5 % (161.2 ribu), Hindu 0.1 % (2.7 ribu) dan Lain-lain 2.0 % (49.1 ribu). Sarawak: Islam 31.7 % (637.5 ribu), Kristian 42.4 % (853.2 ribu), Budha 11.8 % (238.1 ribu), Hindu 0.1 % (2.7 ribu) dan Lain-lain 13.9 % (278.4 ribu).**

Pada tahun 2010, perangkaan peratusan penduduk mengikut agama di Sabah menunjukkan **Islam 65.4 % (2.04 juta), Kristian 26.6 % (831.5 ribu), Budha 6.0 % (187.3 ribu), Hindu 0.1 % (2.9 ribu) dan Lain-lain 1.9 % (58.1 ribu). Sarawak: Islam 32.2 % (772.9 ribu), Kristian 42.6 % (1.02 juta), Budha 13.5 % (324.4 ribu), Hindu 0.2 % (3.9 ribu) dan Lain-lain 11.5 % (278.3 ribu).**

Maklumat terperinci peratusan penduduk mengikut agama di Sabah dan Sarawak adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Jumlah penduduk mengikut agama, Sabah dan Sarawak 1970-2010

Negeri: Sabah

Agama/ Tahun	1970		1980		1991		2000		2010	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Islam	229,590	25.9	487,627	51.3	1,062,214	61.4	1,564,734	63.4	2,037,547	65.4
Kristian	171,335	19.3	258,606	27.2	470,371	27.2	690,455	28.0	831,451	26.6
Buddha	76,334	8.6	78,868	8.3	126,206	7.3	161,244	6.5	187,342	6.0
Hindu	410,033	46.2	2,896	0.3	3,231	0.2	2,715	0.1	2,935	0.1
Lain-lain			122,559	12.9	68,076	3.9	49,098	2.0	58,130	1.9
Jumlah	887,292	100.0	950,556	100.0	1,730,098	100.0	2,468,246	100.0	3,117,405	100.0

Negeri: Sarawak

Agama/ Tahun	1970		1980		1991		2000		2010	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
Islam	260,945	40.1	324,575	26.3	471,451	28.8	637,496	31.7	772,847	32.2
Kristian	157,422	24.2	351,361	28.5	598,940	36.6	853,165	42.4	1,020,390	42.6
Buddha	63,313	9.7	121,639	9.9	169,564	10.4	238,091	11.8	324,436	13.5
Hindu	169,624	26.0	2,051	0.2	2,780	0.2	2,700	0.1	3,915	0.2
Lain-lain			433,477	35.2	393,003	24.0	278,441	13.9	278,251	11.5
Jumlah	651,304	100.0	1,233,103	100.0	1,635,738	100.0	2,009,893	100.0	2,399,839	100.0

Sumber : Banci Penduduk & Perumahan Malaysia, 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2010

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA MENTERI menyatakan jelaskan kecenderungan dan rasional Kerajaan untuk meletakkan Program PERMATA Negara dan ESSCOM di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukannya Kementerian Pendidikan (dalam aspek pendidikan awal) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (dalam aspek kebajikan kanak-kanak) untuk Program PERMATA Negara dan Kementerian Pertahanan mahupun Kementerian Dalam Negeri untuk ESSCOM. Bagaimanakah pertindihan bidang kuasa sebegini dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan fungsi Kementerian-Kementerian berkenaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program PERMATA Negara menyediakan Program Asuhan dan Didikan Awal yang bersepadu khusus bagi kanak-kanak dari lahir hingga usia 4 tahun. Ianya menyediakan peluang kepada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun untuk mendapat pengalaman pembelajaran awal yang berkualiti bagi membina keupayaan mereka secara menyeluruh. Objektif utamanya ialah bagi memastikan setiap kanak-kanak yang lahir akan diberikan peluang memulakan pembelajaran terbaik (*the best start in life*) melalui program asuhan dan didikan yang berkualiti.

Pelaksanaan Program PERMATA Negara telah pun ditetapkan berasaskan aspek perundangan, prinsip bidang tugas, amalan sedia ada dan kesediaan agensi. Berdasarkan kepada Akta Pelajaran 1996, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) hanya mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan program bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun sahaja. Manakala Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Akta Taman Asuhan Kanak-kanak Tahun 1984, bertanggungjawab meliputi antara lain aspek pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan TASKA bagi mematuhi penetapan ciri-ciri piawaian minimum yang merangkumi tahap kesihatan, keselamatan, kebersihan, nisbah pengasuh dan nisbah ruang bagi pusat-pusat yang berdaftar. Dalam hal ini, kedua-dua kementerian tidak mempunyai bidang kuasa yang khusus untuk melaksanakan program asuhan dan didikan awal bagi kanak-kanak di bawah umur 4 tahun secara bersepadu. Sehubungan itu, Program PERMATA Negara telah di letakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Namun demikian, dalam pelaksanaannya, program PERMATA Negara di Jabatan Perdana Menteri bekerjasama rapat dengan kedua-dua kementerian tersebut iaitu KPM dalam aspek yang melibatkan didikan awal kanak-kanak dan KPWKM dalam aspek pengasuhan dan pemantauan.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada ESSCOM pula, penubuhan ESSCOM ini sebenarnya merupakan bukti usaha Kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan Malaysia sentiasa dijaga dan terpelihara. Seperti yang telah kita sedia maklum, ESSCOM yang dianggotai oleh beberapa agensi penguatkuasaan dan keselamatan dari pelbagai Kementerian akan bertindak sebagai “ejen penguatkuasaan keselamatan” dalam memastikan dan mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia, khususnya di Kawasan Timur Sabah daripada pelbagai ancaman dari luar dan dalam.

Oleh yang demikian, mengambil kira keanggotaan ESSCOM yang terdiri daripada beberapa agensi keselamatan dan penguatkuasaan seperti ATM, PDRM dan APMM ini memerlukan gerakan serta pemantauan rapi, bersepadu dan menyeluruh, maka Kerajaan telah memutuskan supaya ESSCOM diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) di mana Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertindak sebagai Sekretariat Jawatankuasa Pemantau ESSCOM.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH NIK ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (Pasir Mas) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan peranan dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha mengekang anak-anak yang tidak bertanggungjawab dengan meninggalkan ibu bapa mereka ketika usia emas tanpa jagaan dan pemerhatian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memberi perhatian terhadap usaha mengekang anak-anak tidak bertanggungjawab dengan meninggalkan ibu bapa mereka ketika usia emas tanpa jagaan dan pemerhatian.

Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 5 Januari 2011 telah menetapkan strategi bagi menanamkan kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap ibu bapa dalam kalangan generasi muda. Dalam hal ini pihak Kementerian Pendidikan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Kerohanian di bawah dasar dan pelan tindakan ini telah melaksanakan pelbagai program ceramah dan aktiviti melibatkan murid sekolah dan guru bersama warga emas bagi meningkatkan kesedaran murid supaya menghargai dan bertanggungjawab kepada warga emas. Pelbagai program juga giat dilaksanakan bagi mengeratkan hubungan antara

generasi melalui aktiviti kokurikulum, aktiviti mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan serta kempen menghargai warga emas. Dalam hal ini, pada tahun 2013, seramai 1,409,921 orang murid sekolah dan 77,162 orang guru serta 56,631 orang warga emas telah terlibat dalam program tersebut di seluruh negara.

Selain daripada itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan program yang dijalankan dalam komuniti untuk warga emas iaitu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*). Program-program ini dilaksanakan sebagai sistem sokongan agar ibu bapa terus tinggal bersama keluarga dan masih diberi perhatian.

PAWE merupakan khidmat yang bercorak *reaching out* dan *developmental* kepada warga emas dengan berganding bahu bersama agensi-agensi lain dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Pada tahun 2013, seramai 21,027 warga emas telah berdaftar dengan PAWE.

Program Khidmat Bantu di Rumah pula dilaksanakan oleh sukarelawan kebajikan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Program ini merupakan

satu program yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas terutama mereka yang tinggal bersendirian semasa ketiadaan ahli keluarga di rumah. Hingga April 2014, terdapat seramai 1,716 orang sukarelawan memberi Khidmat Bantu di Rumah kepada seramai 4,408 orang warga emas.

UPWE pula menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital / klinik sama ada hospital / klinik yang disediakan oleh kerajaan mahupun swasta. Skop program juga diperluaskan untuk perkhidmatan-perkhidmatan lain bagi urusan keperluan sosial warga emas. Pada tahun 2013, seramai 1,507 orang warga emas telah menggunakan perkhidmatan ini.

KPWKM melalui JKM pada tahun 2013 juga menyalurkan Bantuan Orang Tua kepada 142,124 warga emas yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM540 juta. Bantuan ini membantu untuk menampung keperluan asas warga emas supaya mereka boleh terus tinggal bersama keluarga di dalam komuniti. Penempatan warga emas di institusi

merupakan alternatif terakhir sekiranya warga emas tidak mempunyai waris atau saudara mara.

Tuan Yang Dipertua,

Selain daripada itu, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan Program Ilmu Keluarga@LPPKN untuk mempergiatkan usaha memupuk dan menyuburkan rasa tanggungjawab terhadap keluarga serta memantapkan institusi keluarga.

Sejak dilaksanakan pada tahun 2006 hingga Disember 2013, sebanyak 10,481 program Ilmu Keluarga@LPPKN telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan seramai 1.17 juta orang peserta. Para peserta program ini diterapkan supaya bertanggungjawab bukan sahaja terhadap anak-anak mereka tetapi juga dipupuk supaya menghormati serta menghargai pengorbanan kedua ibu bapa. Dengan adanya keinsafan yang tinggi terhadap tanggungjawab kepada ibu bapa, anak-anak tidak akan tergamak untuk mengabaikan ibu bapa mereka.

Selain itu, salah satu prinsip Dasar Keluarga Negara yang diluluskan oleh Kerajaan pada 17 Disember 2010 menekankan kepada inisiatif penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan bagi menjamin pembangunan sosial yang mampan. Penghayatan nilai-nilai ini juga dapat mewujudkan keluarga yang sejahtera dan pembangunan insaniah yang selari dengan pembangunan fizikal.

Selaras dengan itu, sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang diadakan pada 11 November setiap tahun telah diperluaskan kepada konsep Sambutan Bulan Keluarga yang telah bermula pada 1 November 2012 selama sebulan. Sambutan ini memberi penekanan kepada galakan untuk melaksanakan aktiviti yang dapat merapatkan hubungan ahli keluarga.

Dalam pada itu, kerajaan juga telah menyediakan kemudahan inisiatif pelepasan cukai sebanyak RM5,000 kepada anak-anak yang membiayai perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga ibu bapa sebagai galakan kepada anak-anak untuk menjaga ibu bapa mereka.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN FONG KUI LUN**
KAWASAN : **BUKIT BINTANG**
TARIKH : **16.6.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **161**

YB Tuan Fong Kui Lun minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan butiran perjanjian TPPA yang dipersetujui dan tidak dipersetujui Malaysia dan apa pula reaksi dengan cadangan China yang bercadang untuk mewujudkan perjanjian perdagangan rantau yang lain.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Penglibatan Malaysia dalam perjanjian perdagangan bebas seawal tahun 1992 dengan termeterainya ASEAN Free Trade Agreement, dengan izin, adalah berpandukan kepentingan negara bagi memastikan Malaysia mampu bersaing dalam pembangunan ekonomi dan rakyat Malaysia boleh memiliki kualiti hidup yang terbaik mampu dilaksanakan oleh kerajaan.

Pengalaman lepas telah menunjukkan bahawa Malaysia mendapat faedah daripada FTA. Sebagai contoh, sejak FTA antara China dan ASEAN pada tahun 2005, perdagangan Malaysia dengan China telah meningkat tiga kali ganda kepada RM203.2 bilion pada tahun 2013 berbanding RM67.1 bilion pada tahun 2003. Eksport Malaysia ke China juga meningkat lebih dari tiga kali ganda kepada RM97 bilion bagi tahun 2013 berbanding RM25.8 bilion pada tahun 2003.

Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik ataupun *Free Trade Area for Asia Pacific* (FTAAP) yang dicadangkan oleh China bukan perkara baru. Perkara ini telah mula dibangkitkan dalam APEC yang dianggotai oleh 21 buah negara pada 2004 melalui Majlis Penasihat Perniagaannya. Berikutan itu pada tahun 2006, Pemimpin-Pemimpin APEC mengiktiraf prospek jangka masa panjang FTAAP untuk diwujudkan sebagai mekanisme bagi mencapai integrasi ekonomi serantau. Pada Mei lalu, Mesyuarat Menteri Perdagangan APEC telah bersetuju untuk menggiatkan usaha ke arah merealisasikan FTAAP.

Manakala bagi TPP, ia merupakan rundingan perjanjian yang melibatkan 12 negara Asia Pasifik iaitu, Brunei, New Zealand, Chile, Singapura,

Amerika Syarikat, Australia, Peru, Vietnam, Malaysia, Canada, Mexico, dan Jepun.

Bagi RCEP pula, ia merupakan satu inisiatif FTA yang dicadangkan di kalangan ASEAN bersama rakan dialognya yang terdiri daripada China, Jepun, India, Australia, New Zealand, dan Korea. Salah satu matlamat RCEP adalah untuk mengintegrasikan serta mengukuhkan lagi FTA ASEAN yang sedia ada.

Kesemua negara yang terlibat dalam TPP serta RCEP adalah merupakan ekonomi di bawah APEC (kecuali India). Sehubungan itu, kedua-dua TPP dan RCEP dilihat sebagai 'building blocks' ke arah pembentukan FTAAP. TPP, RCEP mahupun FTAAP mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mengintegrasikan ekonomi Asia Pasifik. Oleh itu, Malaysia menyambut baik cadangan China untuk mewujudkan perjanjian perdagangan rantau yang lain serta merundingkan atas terma sendiri.

Tuan Yang DiPertua,

Ingin dimaklumkan bahawa rundingan TPPA masih lagi berlangsung dan banyak lagi isu-isu yang tertunggak dan belum dipersetujui oleh semua anggota TPPA. Rundingan TPPA mengambil masa yang lebih panjang daripada yang dijangka asalnya untuk dimuktamadkan pada akhir tahun 2013 kerana TPPA amat berbeza dengan FTA yang biasa dan meliputi skop komprehensif yang melibatkan sensitiviti-sensiviti yang berbeza.

Antara Bab yang hampir selesai adalah:

1. Pembangunan;
2. Kerjasama & Bina Upaya;
3. *Regulatory Coherence*;

4. Persaingan dan Fasilitasi Perniagaan;
5. IKS;
6. Kemasukan Sementara (Perkhidmatan);
7. *Intitutional Arrangements*;
8. Dasar Persaingan (Seksyen A); dan
9. **Telekomunikasi**

Sementara itu, dalam Mesyuarat Menteri-Menteri yang diadakan di Singapura, Malaysia masih terus mengekalkan mandat yang diberi oleh Jemaah Menteri mengenai isu-isu di mana Malaysia mempunyai kepentingan seperti isu-isu dalam bab pelaburan (khususnya dalam Investor State Dispute Settlement – ISDS), alam sekitar, perolehan kerajaan, syarikat hak milik kerajaan – SOE dan hak harta intelek. Tidak ada kemajuan yang dicapai memandangkan sesetengah negara masih mempunyai sensitiviti yang tidak dapat ditangani. Pasukan perunding Malaysia sedang berunding untuk mendapat fleksibiliti yang diperlukan supaya kepentingan dan kedaulatan negara terjamin.

Adalah wajar supaya Malaysia terus menyertai rundingan TPP dan keputusan untuk menandatangani perjanjian ini kelak bergantung kepada analisa menyeluruh samada ianya akan mendatangkan manfaat atau sebaliknya kepada Malaysia. YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Negara TPPA di Bali, Indonesia pada 8 Oktober 2013 bahawa kandungan TPPA akan dibentangkan di parlimen untuk dibahaskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Status perancangan projek *High Speed Rail Malaysia – Singapura*. Adakah Kerajaan telah memuktamadkan jajaran dan mengenalpasti lokasi semua stesen persinggahan termasuk di Yong Peng.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek keretapi berkelajuan tinggi (*High Speed Rail - HSR*) Malaysia - Singapura kini berada di peringkat akhir penentuan parameter yang melibatkan penstrukturan butiran terperinci projek, termasuk mengenal pasti jajaran dan lokasi stesen, kaedah-kaedah pelaksanaan serta perolehan bersama pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. Stesen HSR yang telah dikenal pasti adalah di kawasan Seremban, Ayer Keroh, Muar, Batu Pahat dan juga Nusajaya. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) kini sedang mengadakan perbincangan terperinci bersama Kerajaan Negeri-Negeri yang berkaitan bagi memuktamadkan lokasi stesen HSR di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti berdasarkan pelan-pelan pembangunan Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JAZLAN BIN
MOHAMED
(PULAI)**

**TARIKH : 16.6.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan langkah yang diambil bagi memperketatkan ruang udara negara bagi mengelakkan kejadian pesawat yang tidak dikenali memasuki ruang udara seperti yang berlaku dalam kejadian MH370.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sememangnya mempunyai prosedur atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berbentuk plan tindakan khas bagi memastikan ruang angkasa negara sentiasa dilindungi dari sebarang bentuk ancaman.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : **Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun**
Narrashid [Kota Tinggi]
TARIKH : **16 Jun 2014 (Isnin)**
SOALAN : **Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun**
Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI**
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk
meningkatkan fungsi FAMA dan LKIM menjadi hub
untuk mengimport bekalan barang basah serta
barang kering dari luar negara untuk mengatasi
masalah kekurangan bekalan tersebut di dalam
pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang dalam usaha untuk meningkatkan dan menambah bekalan bahan makanan negara melalui pengimportan bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan. Peruntukan sebanyak RM8 juta telah diluluskan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi program stok simpanan bekalan makanan. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) juga telah diberikan tanggungjawab mengimport ikan untuk dijadikan stok simpanan bekalan ikan.

Di samping itu juga, FAMA akan mengimport sejumlah 30,000 tan metrik bagi 9 jenis komoditi terpilih seperti cili, halia dan kelapa bagi menampung permintaan dalam negara untuk tahun 2014.

Pada masa ini, FAMA mengimport sebanyak 1,000,000 biji kelapa sebulan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan kelapa tempatan. Selain daripada itu, FAMA turut mengimport kubis dengan kuota sebanyak 200 tan metrik sebulan bagi membantu memenuhi permintaan pasaran tempatan. Bawang dan kentang juga turut diimport FAMA secara konsisten setiap bulan. Untuk tempoh Januari hingga bulan Mei 2014, FAMA telah mengimport sebanyak 400 tan metrik bawang dan kentang. Pengimportan ini akan ditingkatkan menjelang musim perayaan di mana permintaan akan meningkat secara mendadak pada musim perayaan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
TARIKH : 16 JUN 2014 [ISNIN]
SOALAN : 165

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:

- (a) berapa jumlah R&D yang berjaya dikomersialkan oleh Nuklear Malaysia kepada industri; dan
- (b) apakah contoh-contoh pengkomersialan yang telah mencapai kejayaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di - Pertua,

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) telah ditubuhkan pada 19 September 1972 bagi memenuhi wawasan kerajaan untuk memperkenalkan dan mempromosi penggunaan sains dan teknologi nuklear secara aman dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Fungsi utama Nuklear Malaysia termasuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), khidmat dan latihan dalam bidang teknologi nuklear bagi pembangunan negara dan menggalakkan penggunaan, pemindahan dan pengkomersialan teknologi nuklear.

Sehingga kini, Nuklear Malaysia telah berjaya mengkomersialkan pelbagai hasil R&D sama ada bagi kegunaan industri, perubatan, pemprosesan sinaran, agroteknologi dan biosains serta alam sekitar. Hasil R&D tersebut boleh dibahagikan kepada tiga (3) bidang iaitu konsultasi /khidmat kepakaran, khidmat analisis dan kolaborasi. Di bawah RMKe-9, Nuklear Malaysia telah berjaya mengkomersialkan sebanyak 10 hasil R&D, manakala di bawah RMke-10 sebanyak 11 hasil R&D telah berjaya dikomersialkan.

Antara contoh-contoh produk R&D yang telah berjaya dikomersialkan oleh Nuklear Malaysia kepada pihak industri adalah seperti:

1. **Khidmat penyinaran (Sinar Gamma dan Elektron)** – Kepakaran dalam bidang teknologi penyinaran ini telah menghasilkan kejayaan bagi pemindahan teknologi dengan wujudnya syarikat penyinaran seperti Synergy Health Sterilization Sdn Bhd di Rawang, Selangor dan di Kuala Ketil, Kedah.
2. **Khidmat *Non-Destructive Testing (NDT)* dan *Column Scanning*** – Kepakaran-kepakaran dalam perkhidmatan NDT serta *Column Scanning* ini adalah hasil dengan adanya program latihan yang komprehensif dan berterusan oleh Nuklear Malaysia. Sehingga kini terdapat lebih dari 60 buah syarikat berkelayakan dan bertauliah dalam bidang ini.

3. **Latihan Kepakaran Profesional** – Nuklear Malaysia pada setiap tahun menganjurkan pelbagai kursus latihan antaranya Kursus Persijilan Pegawai Pelindungan Sinaran (Radiation Protection Officer-RPO). RPO adalah keperluan utama bagi syarikat dan agensi yang ada menggunakan peralatan nuklear dan punca sinaran , bagi mematuhi Akta 304.
4. Nuklear Malaysia juga telah berjaya mendapat royalti hasil pengkomersialan teknologi kultur bakteria untuk penghasilan bio baja dengan syarikat Malaysian Agri Hi-Tech Sdn Bhd. Ia secara tidak langsung telah membantu syarikat mempelbagaikan produk dan berdaya saing di pasaran.
5. Bagi tahun ini pula, antara produk yang telah berjaya dikomersialkan ialah :
 - i. Radiation Induced Colour Transition Coating*
 - ii. Mushroom Liquid Seed*
 - iii. Starch Hydrogel*
 - iv. Dendrobium Sonia'KeenaPearl'*

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

YB. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan peranan Kementerian bagi melindungi kampung-kampung warisan di Kuala Lumpur.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha memelihara dan melindungi kampung warisan di sekitar Kuala Lumpur, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Jabatan Warisan Negara telah menjalankan penyelidikan penilaian ke atas kampung-kampung lama di Kuala Lumpur seperti Kampung Banda Dalam (Kampung Baru), Kampung Railway dan Kampung Puah (Sentul). Kriteria untuk memberi pengiktirafan sesebuah kampung sebagai kampung warisan merangkumi aspek fizikal bangunan seperti keaslian seni bina tradisional rumah, integriti sejarah kampung tersebut dan terdapat warisan budaya tidak ketara yang diamalkan. Jabatan Warisan Negara akan menilai dan mengambil inisiatif untuk mewartakan mana-mana kawasan yang pada keseluruhannya mempunyai ciri-ciri warisan dan memenuhi kriteria di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Namun begitu, perkara ini perlu mendapat keizinan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Kekangan untuk memberi pengiktirafan kepada kampung lama di sekitar Kuala Lumpur sebagai kampung warisan adalah kerana bentuk fizikal bangunan yang terdapat di kawasan tersebut tidak lagi menonjolkan keaslian seni binanya dan kebanyakan bangunan berbentuk baru/moden. Justeru, ia tidak memenuhi kriteria untuk dipertimbangkan sebagai sebuah kampung warisan.

Kampung warisan akan dilindungi mengikut Akta 645 sepertimana butiran warisan lain yang telah diberi pengiktirafan sebagai warisan negara. Namun secara keseluruhannya, pembangunan yang bercampur dan tidak menonjol keaslian warisannya menyukarkan Jabatan Warisan Negara untuk mencadangkan mana-mana kampung di sekitar Kuala Lumpur sebagai kampung warisan mengikut Akta 645.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]
TARIKH : 16.6.2014
SOALAN :

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan guru-guru sekolah yang memiliki Ijazah PhD sehingga tahun 2013 dan adakah mereka diberikan gred khas untuk kenaikan pangkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2014 bilangan guru di sekolah yang memiliki ijazah Doktor Falsafah (PhD) adalah seramai 152 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 137 orang guru sekolah menengah dan 15 orang guru sekolah rendah. Guru-guru yang memiliki Ijazah PhD ini tidak diberikan gred khas kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, pengiktirafan bagi mana-mana guru yang telah memiliki atau yang bakal menamatkan pengajian di peringkat Ijazah PhD adalah melalui markah yang lebih tinggi dalam penilaian Akademik dan Pengalaman, iaitu *Margin of Preference* (MOP) yang lebih besar diberikan kepada pegawai yang memiliki kelayakan lebih tinggi termasuk pemegang PhD dalam urusan kenaikan pangkat PPP tanpa mengambil kira tempoh menamatkan pengajian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]
TARIKH : 16.06.2014 (ISNIN)

DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan perincian mengenai status semasa Dasar Koperasi Negara (DKN). Sejauh mana pencapaian kesemua teras kunci petunjuk prestasi yang ada setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam usaha menjadikan sektor koperasi berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pendapatan RM50 bilion menjelang 2020, Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menggubal Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 yang memberi penekanan kepada penglibatan koperasi dalam pelbagai *Entry Point Project* (EPP) mengikut enam (6) bidang ekonomi iaitu:

- i) Perkhidmatan Kewangan;
- ii) Pemborongan dan Peruncitan;
- iii) Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan;
- iv) Pertanian dan Industri Asas tani;

- v) Perladangan; dan
- vi) Pembangunan Hartanah.

Lima (5) Teras Strategik telah digariskan di dalam DKN 2011-2020 untuk membolehkan sektor koperasi menjadi penyumbang berkesan kepada pembangunan negara iaitu:

- i) Merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi;
- ii) Memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi;
- iii) Mewujud dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi;
- iv) Meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi; dan
- v) Memperkukuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan yang berkesan.

Di dalam usaha merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi selaras dengan Teras Strategik I, pelbagai usaha diambil melalui pakatan strategik dengan Kementerian dan agensi seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) dan jaringan perniagaan dengan pihak ketiga dalam dan luar negara. Selain itu, koperasi digalakkan menceburi bidang perniagaan bernilai tinggi dan mampu bersaing di pasaran terbuka.

Selaras dengan Teras Strategik II, keupayaan dan kebolehan koperasi diperkukuhkan melalui pembesaran operasi supaya dapat menikmati ekonomi berskala dan berdaya saing serta penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan koperasi melalui pengwujudan dan penambahbaikan sistem serta aplikasi baru.

Pelaksanaan Teras Strategik III dalam mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi dapat dicapai melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang sedang dan akan diceburi oleh koperasi serta peningkatan profesionalisme dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Selaras dengan matlamat Teras Strategik IV iaitu meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi, kefahaman mengenai koperasi dipertingkatkan melalui promosi kesedaran berkoperasi dengan pendekatan mesra rakyat, peningkatan kerjasama dan sokongan majikan ataupun pemimpin persatuan terhadap usaha memperkembangkan gerakan koperasi di negara ini. Selain itu, tindakan mempermudah penubuhan koperasi dan penyebaran maklumat yang lebih berkesan sedang diambil untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi.

Di bawah Teras Strategik V, pemantapan pengawal seliaan dan tindakan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan melalui pendidikan pencegahan dengan memberi kefahaman mengenai perundangan koperasi serta penyediaan rangka kerja perundangan koperasi yang kondusif secara berterusan untuk membendung gejala tidak sihat dalam gerakan koperasi.

DKN 2011-2020 kini memasuki fasa jangka masa sederhana iaitu Januari 2013 sehingga Disember 2015. Sehingga 31 Disember 2013, sektor koperasi telah berjaya mencapai sasaran peningkatan perolehan sebanyak 6% bagi tahun 2013 dengan jumlah perolehan sebanyak RM32.97 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJJAH ZURAIDA KAMARUDDIN
[AMPANG]
TARIKH : 16 JUN 2014
SOALAN :**

**YB Puan Hajjah Zuraida Kamaruddin [Ampang] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) Apakah status pembinaan hospital kedua Tanjung Karang ; dan
- (b) Adakah Kerajaan bercadang membina beberapa lagi hospital awam di Negeri Selangor memandangkan kepadatan penduduk yang tinggi dinegeri ini dan memerlukan kemudahan kesihatan yang lebih baik.

Tuan Yang Dipertua,

Hospital Tanjung Karang baru merupakan salah satu projek hospital baru yang telah diluluskan pelaksanaannya di dalam RMK10. Hospital pakar minor berkapasiti 150 katil ini akan menggantikan hospital sedia ada yang telah uzur.

Hospital baru Tanjung Karang akan dibina diatas tapak seluas 40 ekar (5km dari hospital sedia ada) bersama Klinik Pergigian Tanjung Karang. Berdasarkan kajian tanah yang telah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), tanah di tapak ini berkeadaan lembut dan memerlukan rawatan serta kerja tanah yang agak ekstensif dan panjang sebelum kerja-kerja bangunan dapat dimulakan. Pihak JKR sedang membuat penilaian terperinci berhubung kerja-kerja tanah yang perlu dilaksanakan. Di samping itu, pembangunan rekabentuk bagi Klinik Pergigian dan Hospital Tanjung Karang sedang giat dibangunkan oleh pihak JKR bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kerja-kerja tanah dijangka akan dapat dimulakan pada akhir tahun 2014.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak KKM telah sedia maklum akan keperluan untuk meningkatkan lagi kemudahan hospital awam di Negeri Selangor selaras dengan kepadatan penduduknya yang tinggi. Sehubungan itu, pihak KKM sedang melaksanakan beberapa projek hospital baru disamping menaiktaraf hospital-hospital sedia ada di Negeri Selangor. Antara projek pembinaan hospital baru yang sedang dilaksanakan di Negeri Selangor adalah :

1. Hospital Shah Alam (300 katil) yang dijangka siap pada akhir tahun 2014; dan
2. Hospital Tanjung Karang (150 katil) yang sedang diperingkat perancangan rekabentuk.

Selain itu, pembinaan Kompleks Obstetrik Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (364 katil) sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap pada akhir tahun 2016. Pembangunan Kompleks ini diharapkan dapat membantu mengurangkan kesesakan yang dihadapi Hospital Tengku Ampuan Rahimah sekarang.

Pihak kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran juga sedang diperingkat akhir perancangan bagi membangunkan 2 buah Hospital Universiti di Negeri Selangor iaitu Hospital UiTM (400 katil) di Puncak Alam dan Hospital Universiti Pertanian Malaysia (400 katil) di Serdang Selangor.

KKM akan terus mengkaji keperluan pembangunan hospital-hospital baru di Negeri Selangor disamping keperluan menaiktaraf hospital-hospital sedia ada bagi menampung keperluan penduduk Negeri ini yang semakin meningkat. Di antara kawasan yang sedang dikaji bagi pembinaan hospital baru termasuk di Kapar Klang, Cyberjaya, Sepang dan lain-lain lagi. Sekiranya ada keperluan, cadangan pembangunan hospital ini akan kemukakan di dalam Rancangan Malaysia yang akan datang.